

**MODEL MANDAT RAKYAT
BERDASARKAN PERILAKU PENGUNDI,
DAYA SAING POLITIK DAN SISTEM
PENYAMPAIAN POLITIK BERSEPADU**



MUNIRA BINTI ABDUL RAZAK

**DOKTOR FALSAFAH
(TEKNOLOGI KEMANUSIAAN)**

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

DECLARATION OF THESIS AND COPYRIGHT

Author's Full Name : _____

Date of Birth : _____

Title : _____

Academic Session : _____

I declare that this thesis is classified as:

- CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1997)*
- RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS I agree that my thesis to be published as online open access (Full Text)

I acknowledge that Universiti Malaysia Pahang reserves the following rights:

1. The Thesis is the Property of Universiti Malaysia Pahang
2. The Library of Universiti Malaysia Pahang has the right to make copies of the thesis for the purpose of research only.
3. The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Certified by:

(Student's Signature)

(Supervisor's Signature)

New IC/Passport Number
Date:

Name of Supervisor
Date:

NOTE : * If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach a thesis declaration letter.

PENGAKUAN PENYELIA

"Kami akui bahawa kami telah membaca karya ini dan pada pandangan kami karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah Teknologi Kemanusiaan.

(Tandatangan Penyelia)

Nama Penuh : PROF MADYA DR. MUHAMMAD NUBLI BIN ABDUL WAHAB

Jawatan : PENSYARAH

Tarikh : 2 MEI 2017

(Tandatangan Pembantu Penyelia)

Nama Penuh : PROF MADYA DR. NORAZIAH BINTI AHMAD

Jawatan : PENSYARAH

Tarikh : 2 MEI 2017

PENGAKUAN PELAJAR

Saya akui karya yang bertajuk “Model Mandat Rakyat Berdasarkan Perilaku Pengundi, Daya Saing Politik dan Sistem Penyampaian Politik Bersepadu” adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

(Tandatangan Pelajar)

Full Name : MUNIRA BINTI ABDUL RAZAK

ID Number : PPT07004

Date :

UMP

MODEL MANDAT RAKYAT BERDASARKAN PERILAKU PENGUNDI, DAYA
SAING POLITIK DAN SISTEM PENYAMPAIAN POLITIK BERSEPADU



MUNIRA BINTI ABDUL RAZAK

Penghantaran tesis ini adalah bagi memenuhi keperluan
bagi penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah Teknologi Kemanusiaan

UMP

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

MEI 2017

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. di atas izin-Nya tesis ini mampu disiapkan dengan bimbingan penyelia dan penyelia bersama iaitu Profesor Madya Muhammad Nubli bin Abdul Wahab dan Profesor Madya Dr Noraziah binti Ahmad.

Khas buat para cendekia bitara nan bertiga iaitu Profesor Dr Mansor Mohd Noor, Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri bin Baharuddin dan Profesor Madya Dr Kassim Thukiman, yang sudi menyuluh langkahku dengan adab, teladan dan cahaya sofis kalian. Jutaan terima kasih.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada suami tercinta Wan Marzuki bin Wan Ismail, bonda tersayang Hafazah binti Abdul Ghani serta anak-anak yang dikasihi Wan Adam Muzaffar bin Wan Marzuki, Wan Adni Maryam binti Wan Marzuki dan Wan Adlin Marwani binti Wan Marzuki di atas doa, dorongan dan kesabaran dalam mengharungi dugaan melunaskan tanggungjawab sebagai hamba-Nya, isteri, anak, ibu, pensyarah dan pelajar secara pakej tanpa kompromi.

Tesis ini dihadiahkan kepada semua yang membantu dalam menjadikan tesis ini suatu realiti, moga Allah s.w.t. menganugerahkan rezeki dan kemuliaan buat semua di dunia dan di akhirat. Aamiin. Kepercayaan, sokongan, jasa baik, bantuan dan doa yang berterusan daripada kalian semua (yang tidak dapat disebut satu persatu di ruang masa dan kertas yang terhad ini) amat-amat dihargai.

Al-Fatihah buat semua yang telah meninggal dunia semasa perjalanan Ijazah Doktor Falsafah ini terutamanya buat Penyeliaku yang Pertama iaitu Allahyarham Prof Dr Abd Jalil bin Borham dan nendaku Allahyarhamah Jeriah binti Mahmod. Tidak pernah dilupakan, ayahanda tersayang Allahyarham Abdul Razak bin Haji Jaafar dan Adinda yang dikasihi Allahyarham Mohammed Adham bin Abdul Razak. Semoga Allah mengampunkan dosa, mengurniakan ganjaran syurga dan merahmati roh kalian. Aamiin.

Sesungguhnya dalam menghasilkan naskah biasa ini, tersembunyi bisa dan hikmah penawar yang mendidik penyucian hati, menuntut iman dan menyulam kesabaran yang mendekatkan kita kepada Yang Maha Pencipta. Allahu Akbar!

“PhD perjalanan penuh liku, merapatkan diri pada nan SATU”.

“PhD membezakan di antara apa itu “biasa” dan apa itu “BISA”.

“PhD sebagai langkah pertama, seorang cendekia”. BISMILLAH.

ABSTRAK

Pendekatan daya saing politik telah mengalami perubahan daripada menganalisis perkara yang umum kepada yang lebih khusus. Perkara umum ini di antaranya merangkumi faktor pembangunan negara seperti daya saing ekonomi, kadar pertumbuhan ekonomi, kadar kemasukan pelaburan dan pasaran kewangan. Contoh perkara yang khusus adalah faktor yang melibatkan proses pilihanraya seperti pilihanraya umum. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menerangkan teori daya saing politik yang terdiri daripada tiga kriteria daya saing politik iaitu kepimpinan calon atau individu, kepimpinan parti dalam menangani isu nasional dan kepimpinan parti dalam menangani isu negeri. Setiap kriteria diukur dengan menggunakan petunjuk daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu. Perisian ATLAS.ti dan SPSS 22 menggunakan penganggaran grafik Network dan analisis deskriptif statistik digunakan untuk penganalisaan teori. Soal selidik telah dibangun dan diedarkan kepada responden menggunakan teknik persampelan bertujuan kepada tiga belas panel negeri, tiga panel wilayah persekutuan, satu panel UMNO dan satu panel minoriti. Sebanyak 745 soal selidik yang lengkap telah dianalisis menggunakan SPSS 22 dan 70 sesi temubual dianalisis menggunakan ATLAS.ti 8.0 mendapati bahawa teori daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu adalah signifikan dalam menjawab persoalan dan objektif kajian. Dapatan kajian menjelaskan bahawa faktor daya saing dan sistem penyampaian politik bersepadu yang berteraskan penilaian kitaran aktif kualiti perkhidmatan iaitu Input, Proses dan Output (IPO) memberi kesan yang signifikan ke atas mobilisasi pengundi. Aplikasi Teori Grounded mencerap kaedah untuk membuat triangulasi data kuantitatif dan kualitatif hasil daripada pendekatan kajian yang menggunakan *Mixed Methods* (kaedah gabungan) untuk menajana Model Mandat Rakyat (MMR). MMR menjawab persoalan tentang apakah kriteria, bagaimana dan mengapa pengundi mengundi dengan membuat penilaian aktif terhadap prestasi calon dan parti yang bertanding dalam pilihan raya; sebagai simbolik penyerahan mandat untuk kerajaan dan pemimpin yang dipilih bagi menyediakan kehidupan yang sejahtera untuk semua rakyat. Tuntasnya, dapatan kajian adalah selari dengan definisi politik oleh Harold Lasswell iaitu tentang agihan nilai di mana siapa dapat apa, bila dan bagaimana.

The logo of the Universiti Malaysia Perlis (UMP) is a large, stylized letter 'U' composed of several overlapping triangles in shades of blue and green. The letters 'UMP' are printed in a bold, white, sans-serif font across the center of the 'U'.

ABSTRACT

The approach of political competitiveness has undergone a shift from the analysis of the general factors to that of the more specific. The general factors, among others include national development agenda such as economic competitiveness, economic growth, foreign investment rate and the economic market. Meanwhile, an example of a specific factor can be lemenets associated with the election process, particularly the general elections. Therefore, this study aimed to explain the theory of political competitiveness comprising its three criteria in terms of leadership, namely candidate or individual leadership and party leadership in resolving national issues and as well as intra and inter party conflicts. The three criteria were measures using political competitiveness indicators such as competency, commitment and consistent. Descriptive statistical analysis and Network graphical estimation were used to analyse the theory. A questionnaire was developed and administered among respondents who were sampled from 13 state panels, three federal territorial panels, one political party panel from United Malays National Organisation (UMNO) and one minority group panel. A total of 745 sets of questionnaire and transcripts from 70 interview sessions were analysed using IBM Statistics Version 22.0 and Atlas.ti version 8.0 with significance findings, respectively. Results showed that from the perspective of the theory of political competitiveness and integrated political delivery system of the active cycle of the Input, Process and Output (IPO) quality service framework; the findings had significantly affected voters' mobility. Apparently, the application of Grounded Theory paved way to triangulate both the quantitative and qualitative data of the mixed method approach to generate the *Model Mandat Rakyat (MMR)*. *MMR* provides answers on what criteria, why and how voters analysed both candidate and party performance; in which voting as a symbolic act of giving mandate to the government and elected leaders to provide a good life for all. In conclusion, the findings of the study is in line with the definition of politics by Harold Lasswell in which politics is about the allocation of values, who gets what, when and how.

The logo for UMMP (Universiti Malaysia Perlis) is a large, stylized letter 'M' shape. It is composed of four triangular sections meeting at a central point. The top-left and bottom-right sections are light blue, while the top-right and bottom-left sections are light purple. The letters 'UMMP' are written in a bold, white, sans-serif font across the center of the 'M' shape.

UMMP

JADUAL KANDUNGAN

PENGAKUAN	
TAJUK MUKA SURAT	
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SIMBOL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	8
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Skop Kajian	16
1.8 Kerangka Teori	17
1.9 Definisi Istilah	21
1.9.1 Model Mandat Rakyat (MMR)	21
1.9.2 Daya Saing Politik (DSP)	21

1.9.3	Sistem Penyampaian Politik Bersepadu (SPPB)	22
1.9.4	Perilaku Pengundi	22
1.9.5	PRU-13	22
1.10	Kesimpulan	22
BAB 2 SOROTAN LITERATUR		23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Konsep Politik dan Orientasi Demokrasi di Malaysia	23
2.3	Pilihan Raya di Malaysia	23
2.3.1	PRU-1 (1959)	27
2.3.2	PRU-2 (1964)	29
2.3.3	PRU-3 (1969)	31
2.3.4	PRU-4 (1974)	32
2.3.5	PRU-5 (1978)	33
2.3.6	PRU-6 (1982)	34
2.3.7	PRU-7 (1986)	35
2.3.8	PRU-8 (1990)	36
2.3.9	PRU-9 (1995)	37
2.3.10	PRU-10 (1999)	37
2.3.11	PRU-11 (2004)	38
2.3.12	PRU-12 (2008)	39
2.3.13	PRU-13 (2013)	40
2.4	Konsep Literasi Politik dan Perilaku Pengundi	41
2.5	Konsep Mandat Rakyat	47
2.6	Konsep Kerangka IPO	51
2.7	Konsep Daya Saing Politik	51

2.8	Konsep Sistem Penyampaian Politik Bersepadu	53
2.9	Kesimpulan	57
BAB 3		58
METODOLOGI KAJIAN		58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Paradigma Penyelidikan	60
3.3	Pendekatan Kajian	63
3.4	Reka Bentuk kajian	64
3.4.1	Kajian Rintis	65
3.5	Teknik Pengumpulan Data	68
3.5.1	Instrumen Kajian dan Pengukuran	68
3.6	Teknik Analisis Data	70
3.6.1	Analisis Perihalan	71
3.6.2	Ujian kebolehpercayaan	72
3.6.3	Analisis Jadual Kontigensi	72
3.6.4	Analisis Korelasi	73
3.6.5	Analisis ATLAS.ti	74
3.7	Kesimpulan	75
BAB 4		76
DAPATAN KAJIAN		76
4.1	Pengenalan	76
4.2	Latar Belakang Responden	77
4.3	Orientasi Literasi dan Persepsi Politik	79

4.3.1	Sumber Isu-isu Politik	80
4.3.2	Kelebihan dan Kelemahan Media	88
4.3.3	Pengaruh Sumber Media Kempen	89
4.4	Faktor Penentu Mobilisasi Pengundi	95
4.4.1	Asas Keputusan Mengundi dan Pilihan Parti	96
4.4.2	Waktu Membuat Keputusan dan Pilihan Parti	99
4.4.3	Faktor Bangsa dan Pilihan Parti	100
4.4.4	Faktor Jantina dan Pilihan Parti	102
4.4.5	Faktor Umur dan Pilihan Parti	104
4.4.6	Faktor Kelayakan Pendidikan dan Pilihan Parti	105
4.4.7	Faktor Pendapatan dan Pilihan Parti	107
4.5	Tahap Penilaian Prestasi Calon	108
4.6	Tahap Penilaian Prestasi Parti	110
4.7	Tahap Penilaian Prestasi Ekonomi	112
4.8	Tahap Penilaian Isu-Isu Sosial	113
4.9	Tahap Penilaian Prestasi Isu-Isu Tadbir Urus Kerajaan	114
4.10	Pembangunan Model Kajian	116
4.10.1	Pembangunan Teori Grounded	117
4.10.2	Pembangunan Model Berdasarkan Kerangka IPO	119
4.10.3	Penghasilan Model Mandat Rakyat	120
4.11	Rumusan	123
BAB 5		127
KESIMPULAN DAN CADANGAN		127
5.1	Pengenalan	127

5.2	Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian	127
5.2.1	Penghasilan Model Mandat Rakyat	130
5.3	Implikasi Kajian	132
5.3.1	Implikasi terhadap calon	133
5.3.2	Implikasi terhadap parti	135
5.3.3	Implikasi terhadap kerajaan	136
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	139
5.5	Kesimpulan	140
RUJUKAN		141
LAMPIRAN		149




UMP

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Keputusan Parlimen PRU 2008 dan PRU 2013	5
Jadual 3.1	Andaian paradigma kuantitatif dan kualitatif	53
Jadual 3.2	Tipologi rekabentuk kajian kaedah gabungan	58
Jadual 4.1	Saiz sampel setiap negeri	67
Jadual 4.2	Sampel saiz bagi bangsa	68
Jadual 4.3	Sampel saiz bagi kumpulan umur	68
Jadual 4.4	Sumber isu-isu politik responden Malaysia	70
Jadual 4.5	Sumber isu-isu politik mengikut bangsa	71
Jadual 4.6	Sumber isu-isu politik mengikut jantina	72
Jadual 4.7	Sumber isu-isu politik mengikut umur	74
Jadual 4.8	Sumber isu-isu politik mengikut kelas pendapatan	75
Jadual 4.9	Kelebihan media perdana dan alternatif	76
Jadual 4.10	Kelemahan media perdana dan alternatif	76
Jadual 4.11	Pengaruh sumber media kempen mengikut bangsa	78
Jadual 4.12	Pengaruh sumber media kempen mengikut jantina	79
Jadual 4.13	Pengaruh sumber media kempen mengikut umur	80
Jadual 4.14	Pengaruh sumber media kempen mengikut kelas pendapatan	81
Jadual 4.15	Keyakinan terhadap sumber berita	82
Jadual 4.16	Asas keputusan mengundi responden Malaysia	83
Jadual 4.17	Asas keputusan mengundi parti mengikut negeri	83
Jadual 4.18	Asas keputusan mengundi dan pilihan parti (Mei 2012)	85
Jadual 4.19	Asas keputusan mengundi dan pilihan parti (Okt 2012)	85
Jadual 4.20	Waktu keputusan undi	86
Jadual 4.21	Waktu keputusan undi dan pilihan parti	86
Jadual 4.22	Bangsa dan pilihan parti (Mei 2012)	87
Jadual 4.23	Bangsa dan pilihan parti (Okt 2012)	88
Jadual 4.24	Jantina dan pilihan parti (Mei 2012)	89
Jadual 4.25	Jantina dan pilihan parti (Okt 2012)	89
Jadual 4.26	Kumpulan umur dan pilihan parti (Mei 2012)	90
Jadual 4.27	Kumpulan umur dan pilihan parti (Okt 2012)	90
Jadual 4.28	Kelayakan pendidikan dan pilihan parti (Mei 2012)	91
Jadual 4.29	Kelayakan pendidikan dan pilihan parti (Okt 2012)	92
Jadual 4.30	Kumpulan pendapatan dan pilihan parti (Mei 2012)	93

Jadual 4.31	Kumpulan pendapatan dan pilihan parti (Okt 2012)	93
Jadual 4.32	Tokoh-tokoh yang disukai	94
Jadual 4.33	Prestasi parti selepas setahun mentadbir (April 2013)	96
Jadual 4.34	Penilaian prestasi ekonomi	98
Jadual 4.35	Keyakinan menyelesaikan isu-isu sosial	98
Jadual 4.36	Prestasi isu-isu tadbir urus	100
Jadual 4.37	Perincian bagaimana MMR berfungsi	107
Jadual 5.1	Rumusan Kajian	126




SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Peta Lokasi Penguasaan Parti Politik bagi Kerusi Parlimen dalam PRU 2013 di Malaysia	6
Rajah 1.2	Kerangka teori hubungan di antara faktor berkaitan sistem, parti dan individu dalam menentukan persetujuan persepsi pengundi.	17
Rajah 1.3	Kerangka Input, Proses dan Output (IPO)	18
Rajah 1.4	Kerangka terori kajian model mandat rakyat berdasarkan perilaku pengundi, daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu.	18
Rajah 2.1	Peta Negeri-Negeri di Malaysia	23
Rajah 2.2	Contoh persempadanan pilihan raya bagi negeri Pahang Darul Makmur bagi PRU-13	24
Rajah 2.3	Komponen-komponen bahagian pilihan raya	25
Rajah 2.4	Model elemen dalam Parti Kerajaan	43
Rajah 2.5	Sistem Penyampaian Bersepadu di hospital di Malaysia	47
Rajah 3.1	Carta alir langkah kerja	52
Rajah 3.2	Skala penilaian tahap persetujuan	56
Rajah 3.3	Skala penilaian tahap literasi politik	56
Rajah 3.4	Skala penilaian tahap sokongan	56
Rajah 4.1	Sumber media kempen dan pengaruh politik	78
Rajah 4.2	Ciri-ciri kepimpinan ketua parti	95
Rajah 4.3	Perkara yang membuat rakyat benci parti (Okt 2012)	96
Rajah 4.4	Pembangunan teori grounded skema Azhar	102
Rajah 4.5	Nisbah teori grounded berbanding senarai draf terori grounded (sekitar satu pertiga)	102
Rajah 4.6	Tahap Pembangunan Teori Grounded Mandat	103
Rajah 4.7	Grafik Network Atlas.ti menunjukkan proses triangulasi data kuantitatif dan kualitatif untuk menghasilkan Model Mandat Rakyat	105
Rajah 4.7	Model Mandat Rakyat (MMR) ©	106
Rajah 5.1	Model Mandat Rakyat (MMR) ©	112

SENARAI SIMBOL

c	Lajur
r	Baris
$r = \pm \sqrt{r^2}$	Formula Persamaan Korelasi




SENARAI SINGKATAN

AMANAHAH	Parti Amanah Negara
BA	Barisan Alternatif
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
myPPP	People's Progressive Party
PBB	Parti Rakyat Bersatu Sarawak
SUPP	Sarawak United People's Party
PBS	Parti Bersatu Sabah
LDP	Liberal Democratic Party
PBRSS	Parti Bersatu Rakyat Sabah
UPKO	United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation
SPDP	Sarawak Progressive Democratic Party
PRS	Parti Rakyat Sarawak
PH	Pakatan Harapan
PPBM/	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BERSATU	
GS	Gagasan Sejahtera
IKATAN	Parti Ikatan Bangsa Malaysia
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
PSM	Parti Sosialis Malaysia
WARISAN	Parti Warisan Sabah
PRM	Parti Rakyat Malaysia
KITA	Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air
MMR	Model Mandat Rakyat
DSP	Daya Saing Politik
SPPB	Sistem Penyampaian Politik Bersepadu



PAS	Pan-Malaysian Islamic Party
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PRU	Pilihan Raya Umum
STAR	State Reform Party
UMNO	United Malays National Organisation
AMANAH	Parti Amanah Negara
BA	Barisan Alternatif
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
myPPP	People's Progressive Party
PBB	Parti Rakyat Bersatu Sarawak
SUPP	Sarawak United People's Party
PBS	Parti Bersatu Sabah
LDP	Liberal Democratic Party
PBR5	Parti Bersatu Rakyat Sabah
UPKO	United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organisation
SPDP	Sarawak Progressive Democratic Party
PRS	Parti Rakyat Sarawak
PH	Pakatan Harapan
PPBM/	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BERSATU	
GS	Gagasan Sejahtera
IKATAN	Parti Ikatan Bangsa Malaysia
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
PSM	Parti Sosialis Malaysia
WARISAN	Parti Warisan Sabah
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
KITA	Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air
MMR	Model Mandat Rakyat

DSP	Daya Saing Politik
SPPB	Sistem Penyampaian Politik Bersepadu
PAS	Pan-Malaysian Islamic Party



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Definisi Harold Lasswell mengenai politik ialah siapa yang dapat apa, bila dan bagaimana atau dalam Bahasa Inggerisnya *who gets what, when and how* (Rivero, 2013)). Pernyataan ini merujuk kepada keinginan dan hasrat manusia untuk memperoleh sesuatu seperti kuasa. Persoalannya apakah jenis kuasa, bilakah kuasa berkenaan diperolehi dan bagaimanakah caranya kuasa berkenaan diperolehi? Jawapannya ialah kuasa diperolehi melalui undi popular oleh rakyat (Barbu & Dimian, 2012). Proses ini melibatkan rakyat memberi mandat kepada perwakilan untuk mewakili suara mereka dalam dewan perundangan yang dikenali sebagai mengundi dalam pilihan raya.

Justeru, mandat yang diberikan oleh rakyat adalah amanah kerana kerajaan yang memerintah memperoleh mandat yang merupakan suatu amanah (*trustee*) yang diberikan oleh pengundi. Maka, kerajaan disifatkan hanya mewakili mandat yang diberikan oleh pengundi selaku pemegang amanah dalam melaksanakan dasar-dasar untuk kepentingan pengundi dan rakyat. Keabsahan oleh sebuah kerajaan diiktiraf jika kerajaan mampu melaksanakan dasar-dasar atau output yang baik kepada pengundi dan rakyat dan begitulah sebaliknya (Bugarin & Portugal, 2015). Parti politik serta pemimpin yang dipilih melalui proses pilihan raya merupakan aktor pembuat dasar yang bertanggungjawab merangka dan menterjemahkan mandat rakyat seperti yang dijanjikan dalam kempen serta manifesto pilihan raya.

Mengundi merupakan manifestasi amalan demokrasi untuk memilih pemimpin dan membentuk kerajaan (Panagopoulos, 2008). Undi yang diberikan oleh rakyat adalah mandat rakyat kepada parti dan pemimpin yang dipilih untuk merealisasikan suatu kehidupan yang sejahtera. Kompetensi dan prestasi yang konsisten oleh parti dan pemimpin yang dipilih sentiasa menjadi penilaian dan pemerhatian rakyat yang menentukan penilaian keabsahan sesebuah kerajaan sepanjang penggal pemerintahan (Ehwarieme, 2010).

Terdapat enam tanggungjawab utama kerajaan (Munck, 2003) selaku parti yang memerintah iaitu:

- a) Mempertahankan kedaulatan negara daripada sebarang ancaman luar serta memperkukuhkan pertahanan dan keselamatan negara.
- b) Menjaga ketenteraman awam dan keamanan negara dengan memastikan ketenteraman awam terlaksana di mana rakyat bebas bergerak dan tidak terancam dengan situasi-situasi yang boleh menimbulkan kerisauan dalam kalangan rakyat.
- c) Menyediakan kemudahan infrastruktur awam dan sosial seperti sekolah, universiti, kementerian, jabatan dan agensi yang memberikan perkhidmatan, pengangkutan awam dan kemudahan-kemudahan sosial yang lain.
- d) Menjaga keadilan dan keharmonian rakyat dengan memperkukuhkan institusi kehakiman serta melaksanakan hukuman yang adil dan saksama agar keharmonian rakyat dan negara terpelihara.
- e) Pemacu ekonomi dan pembangunan negara yang seimbang dan mapan dengan menggerakkan sumber-sumber ekonomi negara untuk terus pesat membangun dari segi infrastruktur dan sosioekonomi demi menjamin hasrat rakyat untuk menikmati kehidupan yang sejahtera melalui taraf hidup yang baik.

- f) Menguruskan pentadbiran negara dengan cekap dan kekal stabil, berkembang maju serta berdaya saing mencakupi aspek politik, sosial dan ekonomi sekaligus mampu untuk berdiri megah setanding dengan kualiti dan taraf hidup di negara-negara lain.

Sehubungan dengan itu, aspirasi rakyat kepada kehidupan yang baik dan sejahtera menjadi tanggungjawab parti dan pemimpin bertepatan dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggung jawab kepada yang dipimpin (Nabil, 2009) . Ini adalah selari dengan defnisi demokrasi iaitu kerajaan oleh rakyat untuk rakyat kepada rakyat. Impak ketidakpatuhan parti dan pemimpin kepada mandat rakyat untuk menikmati kehidupan yang baik mengakibatkan terhakis dan hilangnya kepercayaan rakyat kepada parti dan pemimpin yang diundi. Ini menjejaskan status keabsahan kuasa kerajaan selaku pemegang amanah dan mandat rakyat (Mayudin & Tiung, 2008).

Apabila sesebuah parti dan pemimpin telah kehilangan kepercayaan rakyat maka mereka akan kehilangan mandat rakyat yang diterjemahkan melalui undi (Jalil, 2013). Ringkasnya, mandat rakyat perlu sentiasa ditantang oleh parti dan pemimpin yang dipilih jika mereka ingin terus diundi dan kekal berkuasa.Keupayaan untuk mendukung mandat serta melaksanakan keenam-enam tanggungjawab sebagai kerajaan dengan cekap dan amanah sepanjang penggal pemerintahan adalah man datori tanpa kompromi.

Pilihan raya merupakan salah satu elemen penting bagi sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Negara yang mengamalkan demokrasi ialah negara yang menyerahkan urusan membentuk kerajaan kepada rakyat melalui pilihan raya (Rashid Moten, 2009). Melalui pilihan raya, rakyat diberi hak dan peluang untuk memilih kerajaan pilihan mereka sendiri. Di Malaysia, negara ini mengamalkan sistem pilihan raya First Past The Post (FPTP) di mana rakyat masih menjadi penentu kepada tampuk pemerintahan negara.

Berikut adalah ciri-ciri asas sistem pilihan raya di Malaysia iaitu:

- a) Undi Majoriti Mengikut Kadeah atau FPTP. Melalui FPTP, calon yang akan dikira sebagai pemenang adalah calon yang memperolehi undi majoriti walaupun hanya dengan kelebihan satu undi mengatasi lawannya di sesuatu bahagian atau kawasan pilihan raya.
- b) Pemilihan Seorang Perwakilan Mengikut Bahagian Pilihan Raya atau dikenali sebagai *Single Member Territorial Representation*. Ini merujuk kepada seorang wakil rakyat hanya boleh mewakili satu kawasan sahaja. Namun begitu, wakil rakyat dibolehkan mewakili satu bahagian atau kawasan pilihan raya Dewan Rakyat (Parlimen) dan Dewan Undangan Negeri (DUN) secara serentak.
- c) Penyertaan Pelbagai Parti iaitu *Multi Party Electoral System* di mana parti-parti politik yang berbeza dibenarkan bertanding dalam pilihan raya umum dan pilihan raya kecil di Malaysia. Parti-parti politik yang bertanding adalah bebas untuk menempatkan calon masing-masing dalam mana-mana bahagian pilihan raya.

Ringkasnya, terdapat dua perbezaan di antara pilihan raya umum dan pilihan raya kecil seperti berikut:

- a) Pilihan raya umum diadakan setelah Parlimen dibubarkan bagi mengadakan semula pemilihan perwakilan.
- b) Pilihan raya kecil diadakan jika terdapat kekosongan kerusi kawasan pilihan raya sama ada berpunca daripada kematian, perletakan jawatan atau disebabkan dibatalkan status perwakilan berkenaan mengikut undang-undang negara.

Bagi keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia pada 5 Mei 2013, Barisan Nasional (BN) telah menang dengan memperoleh 133 kerusi parlimen daripada keseluruhan 222 kerusi yang dipertandingkan. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut menurun tujuh kerusi berbanding PRU-12.

Perkembangan terkini keputusan pilihan raya umum pada 2008 dan 2013 menyokong kepada peri pentingnya menjaga mandat rakyat. Kemerosotan majoriti kerusi yang dimenangi serta peratusan undi yang menurun digambarkan oleh para pengkaji perilaku pengundi sebagai proses kerenggangan terhadap parti pemerintah iaitu BN merupakan fenomena politik yang baru di Malaysia.


Keperluan kepada meneroka proses kerenggangan terhadap parti pemerintah perlu dirungkai dengan pendekatan kajian lapangan melibatkan pengundi. Perilaku pengundi dicerap dalam bentuk data yang memberikan jawapan kepada persoalan mengapa dan bagaimanakah mereka menyerahkan mandat kepada parti dan pemimpin melalui undi pilihan raya.

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13, 2013 yang lalu, prestasi Barisan Nasional (BN) telah menurun berbanding PRU 2008. Dalam keputusan PRU-13 yang lalu, BN telah memperoleh 133 kerusi parlimen daripada keseluruhan 222 kerusi yang dipertandingkan. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut menurun tujuh kerusi berbanding PRU-12. Berdasarkan Jadual 1.1, kerusi parlimen yang dipertandingkan melibatkan 13 buah negeri dan tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Berikut ialah Jadual 1.1 keputusan parlimen pada PRU 2008 dan PRU 2013.

Jadual 1.1 Keputusan Parlimen PRU 2008 dan PRU 2013

Negeri	Jumlah Kerusi		BN		PAS		PKR		DAP	
	PRU 2008	PRU 2013	PRU 2008	PRU 2013	PRU 2008	PRU 2013	PRU 2008	PRU 2013	PRU 2008	PRU 2013
Perlis	3	3	3	3	0	0	0	0	0	0
Kedah	15	15	4	10	6	1	5	4	0	0
Kelantan	14	14	2	5	9	9	3	0	0	0
Terengganu	8	8	7	4	1	4	0	0	0	0
Pulau Pinang	13	13	2	3	0	0	4	3	7	7
Perak	24	24	13	12	2	2	3	3	6	7
Pahang	14	14	12	10	0	1	2	2	0	1
Selangor	22	22	5	5	4	4	9	9	4	4
W.P. Kuala Lumpur	11	11	1	2	1	0	4	4	5	5
W.P. Putrajaya	1	1	1	1	0	0	0	0	0	0
Negeri Sembilan	8	8	5	5	0	0	1	1	2	2
Melaka	6	6	5	4	0	0	0	1	1	1
Johor	26	26	25	21	0	0	0	1	1	4
W.P. Labuan	1	1	1	1	0	0	0	0	0	0
Sabah	25	25	24	22	0	0	0	1	1	2
Sarawak	31	31	30	25	0	0	0	1	1	5
Jumlah	222	222	140	133	23	21	31	30	28	38

Sumber: Diubah suai daripada laporan SPR, (2009) & SPR, (2013).



Rajah 1.1 Peta Lokasi Penguasaan Parti Politik bagi Kerusi Parlimen dalam PRU 2013 di Malaysia. Sumber: Diubah suai daripada laporan SPR, (2009) & SPR, (2013).

Jadual 1.1 juga menunjukkan PR berjaya menambahkan kerusi di Dewan Rakyat walaupun gagal mengambil alih kerajaan. Selain itu, keputusan PRU-13 menunjukkan prestasi BN menurun lebih ketara berbanding PRU-12 terutamanya parti Malaysian Chinese Association (MCA) dan Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN). Daripada 37 kerusi parlimen yang ditandingi oleh MCA hanya lima sahaja yang dimenangnya, begitu juga Gerakan hanya menang satu kerusi parlimen sahaja. Kesemua kerusi MCA yang kalah telah dimenangi oleh *Democratic Action Party* (DAP) dengan jumlah undi yang meningkat. Analisis menunjukkan bahawa terdapat tiga negeri dan dua Wilayah Persekutuan yang tidak berubah kedudukan kerusi pada PRU-13 iaitu di negeri Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan (Lihat Rajah 1.1: Peta Lokasi Penguasaan Parti Politik bagi Kerusi Parlimen dalam PRU 2013 di Malaysia).

1.2 Latar Belakang Masalah

Perubahan perilaku pengundi yang mencetuskan fenomena baru politik di Malaysia iaitu kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah mengubah rekod dominasi BN dalam pilihan raya umum sejak tahun 1959. Proses kerenggangan ini memerlukan kepada kajian lanjut seperti yang disarankan oleh para pengkaji perilaku politik di Malaysia.

Terdapat tiga pendekatan yang digunakan dalam mengkaji tingkah laku mengundi iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional. Pendekatan sosiologikal menekankan bahawa status sosioekonomi (pendidikan, pendapatan dan kelas), agama, etnik dan tempat tinggal (bandar atau luar bandar) mempunyai kaitan yang rapat dengan pilihan pengundi (Ghazali, 2006).

Penyelidik dari Universiti Columbia, Amerika Syarikat adalah di antara yang awal yang menggunakan pendekatan sosiologikal ini bagi menjelaskan tentang pengundian. Dalam kajian yang dibuat semasa pilihan raya presiden tahun 1940, mereka mendapati pola pengundian mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek-aspek yang dinyatakan di atas. Misalnya dari segi agama, golongan Protestan lebih cenderung untuk memilih Parti Republikan kalau dibandingkan dengan mereka yang menganut fahaman Katolik (Lazarsfield et al. 1968: 21-22). Selain agama, kelas juga didapati memainkan peranan signifikan dalam pengundian. Kelas bawahan dan kelas menengah lebih cenderung untuk menyokong Parti Demokrat, sementara kelas atasan pula lebih cenderung untuk menyokong Parti Republikan (Lipset 1960: 305).

Pendekatan identifikasi parti pula diperkenalkan pada tahun 1950-an oleh A. Campbell dan rakan-rakannya iaitu ahli psikologi sosial daripada University of Michigan di Amerika Syarikat. Identifikasi parti merujuk kepada ikatan dan kesetiaan kepada sesuatu parti dan atas dasar inilah maka sesuatu parti itu dipilih dalam pilihan raya. Kesetiaan itu pula dibentuk melalui proses sosialisasi politik iaitu proses yang menurunkan dan menanamkan nilai dan norma daripada satu generasi kepada generasi yang lain (Ghazali, 2006).

Nilai dan norma itu diperturunkan oleh agen sosialisasi seperti ibu bapa, saudara mara, jiran, rakan, sekolah dan organisasi politik. Oleh kerana adanya penurunan nilai itu, maka terdapat kecenderungan parti yang disokong oleh anak adalah sama dengan parti ibu bapa mereka. Selain itu terdapat kecenderungan di antara tempoh seseorang menyokong parti tertentu dengan darjah kesetiaan. Lebih lama seseorang telah mengidentifikasi dengan sesuatu parti maka kesetiaannya kepada parti berkenaan juga semakin kuat (Campbell et al. 1960: 163). Dalam pilihan raya tertentu di Malaysia, kesetiaan orang Melayu kepada parti lebih ketara kalau dibandingkan dengan orang bukan Melayu (Ghazali 1999: 32-38).

Pendekatan ketiga ialah pendekatan pilihan rasional yang dipopularkan oleh Downs (1957) yang mengandaikan pengundi bertindak secara rasional semasa membuat keputusan untuk keluar mengundi dan semasa membuat pilihan ketika mengundi. Sekiranya pengundi merasakan dia tidak mendapat apa-apa faedah dengan memilih mana-mana calon atau parti yang bertanding, maka pengundi berkenaan tidak akan keluar mengundi (Downs 1957: 261).

Ini kerana berdasarkan pertimbangan ekonomi, kos yang ditanggungnya dengan keluar mengundi (seperti masa dan meninggalkan aktiviti lain) melebihi daripada pulangan atau faedah yang akan diperoleh. Pendekatan ini juga mengandaikan bahawa calon atau parti yang bertanding akan mengemukakan dasar atau program yang akan dapat menarik sokongan pengundi. Pengundi pula akan bertindak secara rasional dengan memilih calon atau parti yang sesuai dengan kehendaknya dan dijangka akan memberi faedah kepadanya (Ghazali, 2006).

Model identifikasi parti adalah masih dominan berbanding model pengundian lain di Malaysia. Pengundi lebih memilih parti berbanding faktor calon dan faktor isu. Faktor calon yang seetnik juga bukan merupakan faktor utama pemilihan dalam pengundian. Pengundi secara umumnya telah mengidentifikasi dengan parti-parti tertentu. Namun begitu didapati juga jumlah pengundi yang tidak mengikat dengan mana-mana parti dan cenderung kepada model pilihan rasional dan model retrospektif juga semakin membesar dan menjadi faktor penentu di kawasan-kawasan pilihan raya tertentu. Secara umum, politik etnik dalam tingkah laku pengundian boleh membawa erti seseorang pengundi itu memilih parti atau calon berasaskan etnik yang sama.

Sebagai kesimpulannya, teori dan model identifikasi parti adalah masih dominan berbanding model pengundian lain di Malaysia. Bagi keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia pada 5 Mei 2013, Barisan Nasional (BN) telah menang dengan memperoleh 133 kerusi parlimen daripada keseluruhan 222 kerusi yang dipertandingkan. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut menurun tujuh kerusi berbanding PRU-12. Ini menunjukkan identifikasi parti dan faktor sosiologi serta calon adalah penting dalam menentukan kemenangan calon yang bertanding dalam pilihan raya di Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah

Di Malaysia sejak PRU-12 dan PRU-13, kemerosotan peratusan undi dan kerusi oleh BN menunjukkan fenomena baru dalam politik pilihan raya umum (Ryan, 2011). Pendekatan literasi politik berupaya memperincikan asas kepada pembuatan keputusan untuk mengundi. Pendekatan literasi politik menjelaskan proses yang berlaku sebelum hari pengundian.

Pendekatan identifikasi parti memfokus kepada dua asas utama pengundian iaitu memilih parti atau calon. Gabungan pendekatan literasi politik dan pendekatan identifikasi mampu memberi pendekatan yang lebih komprehensif dan dinamik (Kedar, 2006). Pendekatan literasi politik membuka had pemerhatian kepada dua lagi elemen iaitu matlamat politik (polisi) dan isu-isu utama selain daripada calon dan parti oleh pendekatan institusi (Nelson, 2007).

Asri (Asri & Mohd, 2013) menekankan keperluan untuk memberi keutamaan kepada aspek mempertingkatkan urus tadbir, melakukan pembaharuan dalam aspek kualiti hidup dan kepentingan menjaga imej kepimpinan parti dan calon yang kompeten. Perkaitan di antara literasi politik dengan perubahan dalam proses penyertaan politik juga berhubung dengan perubahan dalam identiti, khususnya dalam masyarakat pelbagai etnik. Para pengkaji perilaku pengundi mendapati proses pembangunan mengubah identiti dan perilaku masyarakat.

Perincian kepada bentuk identiti dan proses politik yang kelihatan semakin berbeza dalam masyarakat multi etnik di Malaysia memerlukan penelitian dalam mengkaji perilaku pengundi (Mahbob, Idros, & Sulaiman, 2014). Penganalisaan terhadap perilaku pengundi perlu mempertimbangkan gabungan pelbagai elemen untuk mengukur peralihan corak pengundiaan yang lebih jelas.

Pendekatan kajian perilaku pengundi lazimnya melihat kepada kelas sosial, etnisiti dan identifikasi parti sahaja. Kajian perilaku pengundi serta perubahan pola pengundian (Hamil, Afiq, Saifullah, Suhaimi, & Rahman, 2014) memerlukan pendekatan yang menggabungkan elemen-elemen kerencaman sosial. Pendekatan terkini dalam kerencaman sosial mendapati batas etnik semakin menipis. Apabila batas etnik semakin menipis, masyarakat terpecah kepada kelompok-kelompok sosial yang baru yang dicirikan oleh pilihan sosial yang tidak terhad kepada pilihan etnik semata-mata (Malesky & Schuler, 2013).

Pendekatan dinamik kerencaman sosial meliputi peringkat individu dan kumpulan etnik di Malaysia dipengaruhi oleh faktor sosiologikal yang terbahagi kepada lima kategori perhubungan dalam masyarakat (Kai, Chuan, Seong, & Chuan, 2015). Kategori pertama ialah rakyat yang masih bermain dengan corak tingkah laku berdasarkan ciri kumpulan etnik dalam kehidupan seharian. Kategori kedua merujuk kepada individu yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang memiliki budaya hidup komersil.

Kategori ketiga ialah kumpulan yang masih memanipulasi etnik yang berselindung di sebalik wacana etnik dan keetnikan demi menjadikan agenda kebendaan dan status sosial mereka sendiri. Kategori keempat adalah kumpulan yang masih mencari identiti bangsa dan negara bangsa yang diinginkan.

Shamsul Amri memperkenalkan tiga kerangka analisis yang sesuai diterapkan dalam mengkaji masyarakat di Malaysia iaitu etnik, kelas dan identiti (Shamsul Amri Baharuddin, 2013). Pendekatan etnik dikaitkan dengan pembentukan masyarakat majmuk oleh penjajah yang membuka peluang untuk orang Cina terlibat dalam perlombongan bijih timah dan perniagaan serta penyertaan orang India dalam industri getah sebagai pekerja ladang. Masyarakat majmuk akan membina dan menyuburkan

ciri etnik kumpulan mereka untuk bersaing dan mempertahankan kedudukan sosial dan kepentingan material mereka.

Pendekatan kelas terhasil daripada ilmu kolonial British berakar umbi daripada penentangan pergerakan anti-penjajah mewujudkan dimensi kelas kapitalis-penjajah dengan buruh-dijajah. Pergerakan anti-penjajah adalah radikal. Pergerakan ini dikaitkan dua aliran iaitu samada semangat nasionalisme dan juga sosialisme. Rentetan itu, negara pasca penjajah melahirkan dua pendekatan dalam usaha membina negara bangsa iaitu budaya dan identiti (Shamsul Amri Baharuddin, 2013).

Pembangunan negara bangsa dalam masyarakat majmuk di peringkat awal kemerdekaan sering berhadapan dengan beberapa bentuk bangsa idaman (nation of intent) yang belum disepakati bersama seperti isu bahasa, pendidikan, kebudayaan dan identiti kebangsaan (Baharuddin, 2012). Persaingan antara kumpulan etnik di dalam negara yang baru mendapat kemerdekaan ini terjadi atas kesedaran berlakunya penghapusan budaya oleh kumpulan yang memiliki kuasa politik ke atas kumpulan etnik minoriti yang kecil jumlahnya dan lemah.

Pendekatan budaya menjadi asas dalam senario politik pembentukan 'bangsa idaman' dalam mencorak hubungan etnik di Malaysia. Pendekatan budaya melahirkan pendekatan identiti yang terbentuk atas dasar ingin memastikan nilai dan jati diri individu dan kumpulan sosial mereka diperakui, subur, kekal, terbela dan bermaruah. Pendekatan identiti tidak terhad kepada etnik semata-mata dan mencakupi gender serta kumpulan etnik minoriti khusus.

Shamsul Amri merumuskan keempat-empat kerangka analisis yang dibentuk oleh ilmu kolonial dan diteruskan oleh era pasca penjajah tidak semestinya kekal. Masyarakat Malaysia terdedah kepada pendekatan lain selari dengan kedinamikan masyarakat Malaysia yang semakin kompleks. Kompleksiti masyarakat Malaysia adalah impak pembangunan dan perubahan sosial yang membuka kepada ruang 'etno budaya' rekaan ilmu penjajah sedia ada. Perubahan dalam pendekatan yang diguna pakai menunjukkan transformasi yang dialami masyarakat.

Justeru kajian ini meneroka perpektif yang lebih terperinci dan komprehensif mengenai perilaku pengundi dalam memilih pemimpin dan membentuk sebuah kerajaan yang selari dengan mandat rakyat. Aspek proses yang membawa kepada pengundian yang melibatkan penilaian prestasi parti dan kompetensi calon yang bertanding perlu dilihat secara realiti daripada perspektif pengundi.

Daya saing politik di antara parti dan calon yang bertanding dalam pilihan raya umum perlu dikaji secara bersama dengan sistem penyampaian politik yang bersepadu. Pendekatan kajian yang menggabungkan tiga elemen penting iaitu mandat rakyat, daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu berupaya memberi gambaran dan jawapan kepada persoalan mengapa fenomena kerengangan politik ini berlaku.

Oleh yang demikian, matlamat utama penyelidikan bertajuk “Model Mandat Rakyat, Daya Saing Politik dan Sistem Penyampaian Politik Bersepadu Berdasarkan Perilaku Pengundi PRU-13” ini adalah untuk mengeksplorasi mengapakah pengundi ingin mengundi parti dan calon yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum dan bagaimanakah proses-proses yang membawa kepada keputusan pengundian tersebut yang menyumbang kepada keputusan pilihan raya umum. Seterusnya kajian ini mengintegrasikan perspektif pengundi untuk menjelaskan apakah tahap literasi dan mobilisasi serta implikasi terhadap daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu dalam merealisasikan mandat rakyat.

1.4 Objektif Kajian

Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a) Mengkaji orientasi literasi politik pengundi PRU-13
- b) Menganalisa faktor penentu mobilisasi pengundi PRU-13.
- c) Menganalisa implikasi di antara prestasi parti dan calon yang bertanding terhadap pola mobilisasi pengundi PRU-13.
- d) Membangunkan sebuah model mandat rakyat berdasarkan pola mobilisasi pengundi PRU-13.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan yang dikaji adalah seperti berikut:

- a) Apakah orientasi literasi politik pengundi PRU-13?
- b) Apakah faktor penentu mobilisasi pengundi PRU-13?
- c) Bagaimanakah prestasi parti dan calon yang bertanding memberikan implikasi terhadap pola mobilisasi pengundi PRU-13?
- d) Apakah model mandat rakyat berdasarkan pola mobilisasi pengundi PRU-13?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk meneroka dan menjawab persoalan berkaitan fenomena baru politik pilihan raya di Malaysia iaitu kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah iaitu BN. Pelaksanaan kajian ini menyumbang jawapan konsep daya saing politik parti dan calon yang bertanding dalam pilihan raya serta proses penilaian pengundi yang mengundang kepada perubahan perilaku pengundi sebelum pengundian sebenar yang dinamakan sebagai konsep sistem penyampaian politik bersepadu.

Gabungan penjelasan dua konsep utama iaitu daya saing politik dan konsep sistem penyampaian politik bersepadu mampu merungkai kompleksiti kecenderungan pengundi dalam memilih parti dan calon dalam pilihan raya. Ini kerana penjelasan konsep daya saing politik dan konsep sistem penyampaian politik bersepadu adalah hasil dari data kajian lapangan yang dilaksanakan secara kajian longitudinal.

Konsep daya saing politik merujuk kepada kompetensi dan kredibiliti parti dan calon yang bertanding. Konsep ini melibatkan daya saing politik dalaman parti dan juga parti yang berlawanan atau saingan dalam pilihan raya. Contohnya daya saing politik dalaman parti ialah apabila perebutan kerusi Parlimen dalam Pilihan Raya Umum Pertama pada 1959 di antara MCA dan UMNO mewujudkan daya saing politik dalaman yang memberi impak perpaduan ahli Parti Perikatan.

Akibat konflik dalaman parti mengakibatkan Lim Chong Eu dan sebahagian pengikutnya keluar daripada Parti Perikatan dan menubuhkan parti UDP. Contoh lain apabila kemasukan Anwar Ibrahim pada Pilihan Raya Umum 1982 memberikan daya saing politik luar parti yang tinggi untuk BN. Ini kerana Anwar Ibrahim mempunyai daya saing politik yang tinggi dengan kredibiliti sebagai pemimpin belia Islam yang berpengaruh.

Konsep sistem penyampaian politik bersepadu menghuraikan proses bagaimana agihan nilai politik di mana siapa dapat apa dan bagaimana dibuat oleh pemimpin dan kerajaan yang memerintah dengan matlamat untuk melaksanakan mandat rakyat. Sistem penyampaian politik bersepadu merujuk kepada bagaimana komitmen kerajaan dan pemimpin yang dipilih menunaikan mandat rakyat melalui tiga komponen utama kerajaan iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Penilaian pengundi ialah bagaimana kerajaan mentadbir urus keperluan sosio-ekonomi dan sosi-politik rakyat dengan memberikan kualiti servis yang terbaik dan konsisten. Sebarang ketidak patuhan kepada penyediaan perkhidmatan yang berkualiti memberi kesan kepada daya saing politik dalaman dan parti lawan. Contohnya isu akses pendidikan kepada rakyat. Rakyat pada setiap masa membuat perbandingan parti dan pemimpin manakah yang lebih komited dalam menyediakan kemudahan tersebut.

Dapatan kajian hasil penggabungan kedua-dua konsep di atas iaitu daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu menyediakan asas untuk membangunkan Model Mandat Rakyat. Keperluan kepada Model Mandat Rakyat ialah memberi gambaran keseluruhan dan jawapan kepada motivasi pengundian oleh pengundi. Ringkasnya, Model Mandat Rakyat menjelaskan bagaimana fenomena kerenggan pengundi dengan parti pemerintah berlaku.

Model Mandat Rakyat menghuraikan bagaimana komitmen berterusan, prestasi, kredibiliti dan kompetensi kerajaan yang dipilih melalui pilihan raya (dalam konteks kajian di Malaysia ialah di antara BN dan PR) dalam menyediakan kehidupan yang baik dan sejahtera dalam ekonomi, sosial dan politik dipantau dan dinilai oleh rakyat sebelum membuat keputusan untuk mengundi.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian merangkumi lima aspek berikut:

- a) Fenomena kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah
- b) Perjalanan pilihan raya umum di Malaysia serta aliran politik yang mempengaruhi literasi dan mobilisasi perilaku pengundi
- c) Daya saing parti dan calon yang bertanding sepanjang pilihan raya umum di Malaysia
- d) Sistem penyampaian politik bersepadu yang dinilai oleh pengundi sepanjang pilihan raya umum di Malaysia
- e) Implikasi daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu terhadap pola perilaku pengundi yang menyumbang kepada fenomena kerenggangan pengundi dengan parti BN pro dan kontra

Terdapat beberapa batasan kajian yang merangkumi aspek-aspek berikut:

- a) Konteks kajian ialah pengundi di Malaysia sahaja.
Limitasi konteks kajian ialah kepada pengundi di Malaysia yang tidak mengambil kira perbandingan dengan negara lain secara khusus.
- b) Responden kajian lapangan terhad kepada PRU-13 sahaja.
Kajian berfokus maklum balas responden kepada pilihan pengundi pada PRU-13 untuk melihat pola perubahan pilihan pengundi.
- c) Persampelan kajian adalah terhad kepada responden dalam kumpulan panel sahaja.
Kaedah kajian yang memerlukan kepada pensampelan bertujuan menghadkan kutipan data dibuat kepada responden yang dipilih dan dalam bentuk kumpulan panel.

d) Fokus kepada dua aktor politik utama iaitu pemimpin dan parti.


Dua faktor politik utama iaitu pemimpin dan parti sahaja diambil kira untuk tujuan pengukuran tahap daya saing politik. Aktor politik lain seperti kumpulan pendesak dan media hanya dibincangkan secara umum.

1.8 Kerangka Teori

Fokus utama kajian ialah model mandat rakyat yang terbentuk daripada perilaku pengundi yang menilai daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu. Asas pembinaan konstruk kajian merangkumi teori-teori serta model-model yang mendasari bagaimana rakyat memberi mandat kepada parti dan juga calon untuk membentuk kerajaan yang membawa aspirasi rakyat untuk menikmati kehidupan yang sejahtera melalui proses pilihan raya.

Permasalahan kajian telah dikenalpasti iaitu fenomena kerenggangan rakyat dengan parti pemerintah yang dimasukkan ke dalam kerangka teori yang bersesuaian. Keupayaan untuk menterjemahkan permasalahan ke dalam kerangka teori membolehkan kepada identifikasi permasalahan dan juga dapatan yang selari dengan kehendak objektif kajian dengan skop yang jelas dan spesifik.

Satu kerangka teori kajian telah dibentuk bagi mengenalpasti beberapa faktor yang mendorong kepada pengundian. Tiga faktor utama telah dikenalpasti menjadi penyumbang kepada persepsi pengundi dalam menilai prestasi kerajaan dan pembangkang sepanjang tempoh penggal pemerintahan. Faktor berkenaan ialah faktor berkaitan sistem, parti dan individu. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan kerangka teori hubungan di antara faktor berkaitan sistem, parti dan individu dalam menentukan persetujuan persepsi pengundi.




Rajah 1.2 Kerangka teori hubungan di antara faktor berkaitan sistem, parti dan individu dalam menentukan persetujuan persepsi pengundi.

Bagi mendapatkan kerangka teori yang menepati persoalan dan objektif kajian satu lagi kerangka teori iaitu kerangka IPO perlu digabungkan dengan kerangka teori hubungan di antara factor berkenaan system, parti dan individu dalam menentukan persetujuan perspsi pengundi. Kerangka IPO iaitu akronim bagi input, proses dan output adalah kerangka asas penilaian servis dalam sistem pengurusan kualiti.


Ia menunjukkan perkaitan di antara input iaitu penetapan aspek organisasi seperti dasar, proses merujuk kepada sistem penyampaian dan pelaksanaan dasar dan output ialah hasil daripada input atau dasar yang telah dilaksanakan dalam bentuk servis atau produk. Keseluruhan item dalam kerangka IPO adalah berkait rapat antara satu sama lain yang sentiasa dinilai oleh penerima dan pengguna. Kerangka IPO di bawah menunjukkan hubungan antara dasar dalam bentuk input, proses merujuk kepada daya saing politik dan sistem penyampaian dan output ialah pilihan pengundi semasa pilihan raya.

Rajah 1.3 Kerangka IPO yang menunjukkan hubungan di antara input, proses dan output dalam satu kitaran penilai produk dan perkhidmatan.



Rajah 1.3 Kerangka Input, Proses dan Output (IPO).

Maka hasil gabungan kedua-dua kerangka teori di atas iaitu Kerangka Teori Faktor berkaitan yang menentukan persepsi pengundi iaitu sistem, parti dan individu dengan kerangka IPO yang menunjukkan hubungan antara dasar dalam bentuk input, proses merujuk kepada daya saing politik dan sistem penyampaian dan output ialah pilihan pengundi semasa pilihan raya terbentuklah kerangka teori yang baharu seperti di bawah:



Rajah 1.4 Kerangka teori kajian model mandat rakyat berdasarkan perilaku pengundi, daya saing politik dan sistem penyampaian politik bersepadu.

Kerangka teori kajian merujuk kepada faktor dan proses yang membawa kepada pengundian oleh para pengundi semasa pilihan raya yang menghasilkan mandat rakyat. Ketiga-tiga faktor dan elemen-elemen yang mendukung faktor tersebut dikaji untuk membentuk sebuah model mandat rakyat yang menjelaskan bagaimanakah proses dan faktor yang mempengaruhi penilaian yang dilakukan oleh rakyat yang juga pengundi semasa pilihan raya. Ini sekaligus memberi cadangan serta jawapan kepada persoalan fenomena faktor kerenggangan pengundi dan kerajaan pada Pilihan Raya Umum Ketiga Belas pada 5 Mei 2013.

Sehubungan dengan itu asas kepada pengukuran kerangka IPO ialah definisi politik oleh Harold Lasswell iaitu politik ialah siapa yang dapat apa, bila dan bagaimana (*who gets what, when and how*). Berdasarkan definisi ini wujud kitaran aktif dalam proses penilaian rakyat terhadap prestasi kerajaan dan pembangkang apabila persoalan siapa dapat apa, bila dan bagaimana mendasari sesuatu isu, manifesto dan polisi yang dilaksanakan sentiasa dinilai secara kritis, dinamis dan komprehensif sepanjang tempoh sesuatu penggal pemerintahan.

1.9 Definisi Istilah

Istilah yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berhubung dengan istilah-istilah yang spesifik dengan kajian yang dijalankan. Ia bertujuan bagi mengelak daripada memahami kajian dengan persepsi yang berbeza seperti mana yang dikehendaki dalam sesuatu kajian. Ia juga membantu pembaca memahami dengan lebih jelas setiap isu yang dibincangkan. Dalam kajian ini beberapa definisi digunakan dan berikut merupakan maksud setiap perkataan bagi tajuk kajian, “Model Mandat Rakyat, Daya Saing Politik dan Sistem Penyampaian Politik Bersepadu berdasarkan Perilaku Pengundi PRU-13”.

1.9.1 Model Mandat Rakyat (MMR)

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa Pustaka Malaysia, definisi model adalah mengilustrasikan atau menerangkan sesuatu maklumat dengan memberikan ilustrasi. Oleh itu, model yang diperolehi daripada dapatan kajian diterangkan dalam bentuk ilustrasi.

1.9.2 Daya Saing Politik (DSP)

Konsep daya saing politik merujuk kepada kompetensi dan kredibiliti parti dan calon yang bertanding. Konsep ini melibatkan daya saing politik dalaman parti dan juga parti yang berlawanan atau saingan dalam pilihan raya. Contohnya daya saing politik dalaman parti ialah apabila perebutan kerusi Parlimen dalam Pilihan Raya Umum Pertama pada 1959 di antara MCA dan UMNO mewujudkan daya saing politik dalaman

1.9.3 Sistem Penyampaian Politik Bersepadu (SPPB)

Konsep sistem penyampaian politik bersepadu menghuraikan proses bagaimana agihan nilai politik di mana siapa dapat apa dan bagaimana dibuat oleh pemimpin dan kerajaan yang memerintah dengan matlamat untuk melaksanakan mandat rakyat. Sistem penyampaian politik bersepadu merujuk kepada bagaimana komitmen kerajaan dan pemimpin yang dipilih menunaikan mandat rakyat melalui tiga komponen utama kerajaan iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman. Penilaian pengundi ialah bagaimana kerajaan mentadbir urus keperluan sosio-ekonomi dan sosi-politik rakyat dengan memberikan kualiti servis yang terbaik dan konsisten.

1.9.4 Perilaku Pengundi

Konsep perilaku pengundi mengkaji tahap sokongan pengundi kepada sesebuah parti dan calon yang bertanding. Kajian yang lebih mendalam berkenaan perilaku pengundi iaitu memerhati tren pengundian kepada mengenal pasti identifikasi parti dan seterusnya mengenal pasti kekuatan sosial yang mempengaruhi perilaku dan pilihan pengundi.

Terdapat tiga pendekatan yang digunakan dalam mengkaji tingkah laku pengundi iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional.

1.9.5 PRU-13

PRU-13 merujuk kepada Pilihan Raya Umum Ketiga Belas iaitu yang terkini iaitu pada 5 Mei 2013 .

1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, kerangka teori dan definisi istilah. Perbincangan kesemua kesembilan perkara ini untuk memberi gambaran keseluruhan aspek penting dalam kajian ini.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan latar belakang politik Malaysia dan perjalanan pilihan raya umum di Malaysia. Huraian diteruskan dengan konsep perilaku pengundi, model dan teori yang berkaitan.

2.2 Konsep Politik dan Orientasi Demokrasi di Malaysia

Bahagian ini menghuraikan latar belakang politik dan perjalanan pilihan raya di Malaysia. Perbincangan mencakupi latar belakang politik dan ikhtisar pilihan raya umum sejak PRU-1 hingga PRU-13. Bahagian ini akan menerangkan sejarah pilihan raya umum negara dengan menganalisis aspek-aspek dan isu penting sepanjang tempoh berkenaan. Imbasan keputusan-keputusan pilihan raya memperlihatkan aliran perkembangan politik sepanjang tiga belas belas pilihan raya umum di Malaysia.

2.3 Pilihan Raya di Malaysia

Bahagian ini menghuraikan latar belakang politik dan perjalanan pilihan raya di Malaysia. Perbincangan mencakupi latar belakang politik dan ikhtisar pilihan raya umum sejak PRU-1 hingga PRU-13. Bahagian ini akan menerangkan sejarah pilihan raya umum negara dengan menganalisis aspek-aspek dan isu penting sepanjang tempoh berkenaan. Imbasan keputusan-keputusan pilihan raya memperlihatkan aliran perkembangan politik sepanjang tiga belas pilihan raya umum di Malaysia.

Malaysia ialah sebuah negara raja berperlembagaan persekutuan di Asia Tenggara yang terdiri daripada tiga belas negeri dan tiga wilayah persekutuan, yang

menduduki bumi berkeluasan 329,847 kilometer persegi (Lihat Rajah 1-2, Peta Negeri-Negeri di Malaysia). Malaysia terbahagi kepada dua kawasan yang mengapit Laut China Selatan, iaitu Semenanjung Malaysia dan Borneo Malaysia (juga Malaysia Barat dan Timur). Ibu negara Malaysia ialah Kuala Lumpur, manakala Putrajaya merupakan pusat Kerajaan Persekutuan. Ketua negara Malaysia ialah Yang di-Pertuan Agong, iaitu raja elektif yang terpilih dari kalangan sembilan raja-raja negeri Melayu. Ketua kerajaan pula ialah Perdana Menteri. Sistem kerajaan Malaysia banyak berdasarkan sistem parlimen Westminster, dan sistem perundangannya juga berasaskan undang-undang am Inggeris (Besar, Junaidi Awang, Rosmadi Fauzi, 2014) .



Rajah 2.1 Peta Negeri-Negeri di Malaysia. Sumber: Diubah suai daripada laporan SPR, (2009) & SPR, (2013).

Pilihan raya merujuk kepada satu proses di mana mereka yang diperintah memilih melalui cara-cara tertentu, wakil-wakil yang kepadanya diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang masyarakat. Pilihan raya juga boleh difahami sebagai satu proses di mana ahli masyarakat memilih dan mengesahkan wakil-wakil untuk membuat dasar dan keputusan politik (Besar, 2015).

Terdapat sembilan sistem pilihan raya yang dilaksanakan di seluruh dunia iaitu First Past The Post (FPTP), Run Off Voting (ROV), Single Transferable Vote (STV), Single Non-transferable Vote (SNTV), Single Transferable Proportional Vote (STPV), Alternative Vote (AV), Party List Systems (PL), Additional Member System (AMS) dan Mixed Member System (MMS).


Kaedah majoriti mudah ialah kaedah yang paling banyak diterima pakai seperti di Britain, Amerika Syarikat, Kanada, Singapura, Rusia dan Malaysia. Sistem ini dikenali sebagai First Past The Post System (FPTP) di mana seorang calon dianggap memenangi pilihan raya bagi sesuatu bahagian pilihan raya dengan majoriti undi yang mudah.

Sistem ini mengiktiraf calon yang menang ialah calon yang meraih undi terbanyak walaupun dengan kelebihan satu undi sahaja. Ini membenarkan parti-parti politik yang berdaftar untuk menubuhkan kerajaan jika memperolehi majoriti kerusi di Parlimen atau di Dewan Undangan Negeri.

Berikut adalah contoh persempadanan pilihan raya bagi negeri Pahang Darul Makmur bagi PRU-13.



UMP



Rajah 2.2 Contoh persempadanan pilihan raya bagi negeri Pahang Darul Makmur bagi PRU-13.



Rajah 2.3 Komponen-komponen bahagian pilihan raya

Sumber: spr.gov.my

Pilihan raya umum terawal iaitu sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan ialah Pilihan Raya Persekutuan 1955. Tanah Melayu atau Malaya masih di bawah jajahan British. Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan pemerintahan Malayan Union (1946-1948). UMNO yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 adalah antara parti politik yang berperanan penting dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. UMNO telah bergabung dengan MCA iaitu Malayan Chinese Association pada 3 Februari 1952 yang membentuk Parti Perikatan. MIC atau Malayan Indian Congress menyertai Parti Perikatan pada Mac 1955. Tujuan utama Parti Perikatan ialah untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada British.

Parti Perikatan bertanding dalam Pilihan Raya Persekutuan yang berlangsung pada 27 Julai 1955. Pada pilihan raya ini, Parti Perikatan telah meletakkan 52 orang calon daripada 129 orang calon yang bertanding. Pecahan kerusi mengikut komponen parti ialah 35 kerusi bagi UMNO, 15 kerusi bagi MCA dan 2 kerusi bagi MIC. Parti Negara yang diketuai oleh Datuk Onn Jaafar turut bertanding dalam pilihan raya tersebut dengan 30 orang calon. Selain itu, ialah PMIP iaitu Pan Malayan Islamic Party (yang sebelumnya dikenali sebagai Malayan Muslim Party) dengan 11 orang calon, Parti Nasional Perak dengan 3 orang calon dan Parti Progresif Rakyat (PPP) dengan 2 orang calon manakala 18 orang lagi adalah calon bebas.

Parti Perikatan memenangi Pilihan Raya Persekutuan dengan kemenangan besar iaitu memenangi 51 buah kerusi daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Hanya satu kerusi sahaja yang dimenangi oleh PMIP.

2.3.1 PRU-1 (1959)

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, pilihan raya umum yang pertama diadakan pada 19 Ogos 1959. Pilihan raya ini menyuburkan kesedaran rakyat kepentingan pemerintahan berdemokrasi di Tanah Melayu. Terdapat tiga perbezaan di antara pilihan raya pertama dan Pilihan Raya Persekutuan iaitu penambahan kawasan pilihan raya, timbulnya masalah politik dan peningkatan bilangan pengundi.

PRU-1 mempertandingkan 104 buah kerusi Parlimen dan 282 buah kerusi DUN. Parti Perikatan bertanding dalam semua kerusi yang dipertandingkan di peringkat Parlimen dan DUN. PMIP bertanding dengan 58 orang di peringkat Parlimen, Barisan Sosialis turut bertanding dengan 38 orang calon, PPP dengan 19 orang calon, Parti Negara bertanding dengan 9 orang calon, Parti Malaya dengan 2 orang calon dan 29 orang adalah calon Bebas. PMIP kemudiannya bertukar nama kepada Parti Islam Se-Malaya (PAS).

Konflik politik tercetus di antara UMNO dan MCA semasa menjelangnya pilihan raya umum yang pertama. Isu pertambahan dan pembahagian bilangan kerusi di antara MCA dan UMNO serta penggunaan bahasa menjadi pergeseran dalaman Parti Perikatan. MCA melalui pemimpinnya Lim Chong Eu menuntut 40 buah kerusi Dewan Parlimen manakala UMNO mahukan 74 buah kerusi daripada 104 buah kerusi Dewan Parlimen. MCA juga mahukan bahasa Cina sebagai suatu bahasa rasmi.

Parti Perikatan mengadakan beberapa rundingan untuk menyelesaikan isu bilangan kerusi dan bahasa. Keputusan daripada rundingan berkenaan UMNO memperoleh 69 buah kerusi Dewan Parlimen, MCA mendapat 31 buah kerusi. Walau bagaimanapun keputusan ini tidak dipersetujui oleh segelintir ahli MCA. Pemimpin MCA iaitu Lim Chong Eu dan pengikutnya keluar dari MCA dan menubuhkan UDP iaitu United Democratic Party. Selain daripada isu dalaman parti, wujudnya masalah yang berkaitan dengan dasar pelajaran dan masalah kakitangan perkhidmatan awam.

Pilihan raya umum yang pertama telah dimenangi oleh Parti Perikatan dengan 74 buah kerusi Dewan Parlimen termasuklah sebuah kerusi dimenangi tanpa bertanding. Parti-parti lain iaitu PAS memperoleh 13 buah kerusi, Barisan Sosialis dengan 8 buah kerusi, PPP memperoleh 4 buah kerusi, 1 buah kerusi dimenangi oleh Parti Negara dan Parti Malaya juga dengan 1 buah kerusi. Calon Bebas memenangi 3 buah kerusi.

Parti Perikatan memenangi kesemua kerusi di peringkat negeri Kedah, Melaka dan Perlis. Ini termasuklah sebahagian besar jumlah kerusi di Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor dan Pulau Pinang. Manakala PAS menguasai majoriti kerusi DUN di Kelantan dan Terengganu sekaligus membentuk kerajaan di kedua-dua negeri berkenaan.

Dalam kajian ini, amalan pengangkatan tidak terhenti setakat mengambil dan memelihara seorang kanak-kanak sahaja, tetapi ibu angkat khususnya yang beragama Islam berusaha menyusukan anak angkat yang diambil. Hal ini kerana, menurut syariat Islam, penyusuan dengan syarat-syarat tertentu dapat menjadikan anak angkat sebagai mahram dengan keluarga angkatnya.

2.3.2 PRU-2 (1964)

Pilihan raya umum yang kedua berlangsung dalam keadaan politik negara yang tegang. Pilihan raya ini diadakan setahun setelah penubuhan Malaysia pada 1963. Isu dalam dan luar negara mempengaruhi perjalanan pilihan raya pada ketika itu. Isu dalam negara berkisar tentang isu penubuhan Malaysia. Sentimen semangat kebangsaan menjadi latar politik yang mengubah senario pemerintahan pada waktu itu.

Parti Perikatan memperjuangkan isu penubuhan Malaysia untuk meraih sokongan rakyat. Sentimen semangat kebangsaan berjaya menawan hati rakyat termasuk mendapat sokongan etnik Cina dan India. Parti-parti pembangkang seperti PAS dan Barisan Sosialis dikatakan menentang penubuhan Malaysia dan bersekongkol dengan Presiden Soekarno dari Indonesia.

Rentetan itu, dua pemimpin parti iaitu Ahmad Boestaman iaitu pemimpin Barisan Sosialis dan Dr Burhanuddin al-Hilmy iaitu Yang di Pertua PAS kedua dan beberapa pemimpin parti politik yang lain turut ditahan di bawah ISA iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri. Mereka didakwa mengancam keselamatan negara kerana bersifat antinasional. Penahanan pemimpin parti pembangkang melemahkan parti berkenaan. Kekuatan parti pembangkang semakin terjejas apabila beberapa pemimpin parti pembangkang tidak konsisten memperjuangkan parti mereka.

Misalnya segelintir pemimpin parti pembangkang bertindak meninggalkan parti dan menyertai Parti Perikatan. Mereka yang terlibat ialah D.S. Ramanathan iaitu bekas Presiden Parti Buruh dan bekas Datuk Bandar Pulau Pinang menyertai MIC setelah Parti Buruh diharamkan, Dato' Nik Ahmad Kamil iaitu bekas calon Parti Negara menyertai UMNO kerana Parti Negara gagal mendapat sokongan rakyat dan Tan Kee Gok iaitu bekas pemimpin kanan Parti Malaya yang menyertai MCA atas sebab yang tidak dinyatakan.

Isu luar negara iaitu slogan “Ganyang Malaysia” oleh Indonesia serta konfrontasi Indonesia dan Filipina yang menentang penubuhan Malaysia telah mempengaruhi perjalanan pilihan raya umum kedua. Sentimen semangat kebangsaan yang bersemarak dalam kalangan rakyat memberi kelebihan kepada Parti Perikatan.

Hasilnya, Parti Perikatan telah memenangi 89 buah kerusi daripada 104 buah kerusi yang dipertandingkan. Peningkatan 15 buah kerusi Parlimen oleh Parti Perikatan berbanding pilihan raya umum pertama. Baki kerusi Parlimen yang dimenangi oleh parti lain ialah PAS dengan 9 buah kerusi, 2 kerusi masing-masing untuk Barisan Sosialis dan PPP seterusnya masing-masing memenangi sebuah kerusi iaitu PDB (Parti Demokratik Bersatu) dan PAP (People's Action Party atau parti Tindakan Rakyat) yang pertama kali bertanding dalam pilihan raya umum. Parti Negara yang kehilangan pemimpin dengan kematian Dato' Onn Jaafar tidak memenangi sebarang kerusi termasuklah calon-calon bebas yang lain.

Pilihan raya umum kedua mempertandingkan jumlah bilangan kerusi yang sama banyak dengan pilihan raya pertama iaitu sebanyak 104 buah kerusi Parlimen dan 282 buah kerusi DUN. Parti Perikatan juga bertanding dalam semua kerusi yang dipertandingkan sama seperti pilihan raya sebelumnya. Perbezaan dengan pilihan raya umum yang pertama ialah apabila Parti Malaya tidak lagi bertanding dan kemunculan dua parti baru iaitu PAP dan PDB.

Parti Perikatan meneruskan kesinambungan kemenangan di peringkat Parlimen dengan memenangi semua kerusi DUN di Pahang, Negeri Sembilan, Johor dan Kedah serta memperoleh majoriti kerusi di negeri-negeri lain kecuali di Kelantan. PAS kekal

berkuasa untuk penggal kedua di Kelantan tetapi pentadbiran Terengganu telah berpindah kepada Parti Perikatan.

Impak kemenangan Parti Perikatan mengakibatkan parti pembangkang kehilangan banyak kerusi di Parlimen. Antaranya ialah Barisan Sosialis tewas enam buah kerusi di Parlimen, PPP dua buah kerusi dan Parti Malaya serta calon bebas masing-masing kehilangan satu buah kerusi. Kekalahan ini membawa kepada pembubaran Barisan Sosialis.

Situasi ini membuka ruang kepada PAP yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew meraih sokongan etnik Cina dan India di Malaysia. Dasar perjuangan PAP ialah *Malaysian Malaysia* yang menolak perbezaan taraf kerakyatan terutamanya yang menyentuh hak-hak keistimewaan orang Melayu.

Pada 9 Ogos 1965 Singapura dikeluarkan daripada Malaysia. Beberapa siri krisis dan penentangan membawa kepada pembekuan kegiatan PAP di Malaysia. Pada tahun 1966, sebuah parti baru iaitu DAP (Democratic Action Parti atau Parti Tindakan Demokrasi) membawa aspirasi perjuangan PAP iaitu menuntut Kerajaan untuk menghapuskan peruntukan hak-hak keistimewaan orang Melayu.

2.3.3 PRU-3 (1969)

PRU-13 merekodkan pelbagai krisis dalam dan luar negara. Bermula dengan isu konfrontasi Indonesia oleh Presiden Soekarno yang belum usai ditimpa pula oleh tragedi berdarah 13 Mei 1969 selepas PRU-3 berlangsung. Parlimen digantung kerana pengisytiharan darurat pada 15 Mei 1969 di Semenanjung Malaysia. PRU di Sarawak dan Sabah terpaksa ditunda ke bulan Jun dan Julai 1969. Parlimen yang digantung digantikan sementara oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

Keputusan PRU-3 menunjukkan kemerosotan sokongan kepada Parti Perikatan. Parti Perikatan hanya memenangi 66 daripada 144 buah kerusi dan gagal memperoleh dua pertiga majoriti kerusi Dewan Rakyat. Parti Perikatan menjadi sebuah kerajaan yang tidak kuat dengan kekalahan di beberapa buah negeri iaitu Pas di Kelantan dan Parti Gerakan di Pulau Pinang malah turut gagal mempertahankan jumlah kerusi di Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka.

Kesan daripada pengisytiharan darurat pada 15 Mei 1969, berlaku peningkatan kepada jumlah kerusi yang dimenangi oleh Parti Perikatan iaitu sebanyak 74 buah kerusi Parlimen. Semua negeri yang belum sempat mengadakan pilihan raya iaitu Sabah, Sarawak dan termasuklah Melaka Selatan yang mengadakan semula pilihan raya berpihak kepada Parti Perikatan.

Pilihan raya umum yang ketiga dipengaruhi oleh faktor etnik. Majoriti 90% pengundi Melayu di Kedah, Perlis dan Terengganu memilih UMNO. Situasi ini berbeza di negeri-negeri lain kerana kepercayaan orang Melayu terhadap UMNO semakin merosot.

Signifikan pilihan raya umum pada kali ini ialah peralihan tampuk pemerintahan daripada Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj kepada Tun Abdul Razak Hussein. Tun Abdul Razak berjaya membentuk kerajaan campuran pertama di Malaysia. Ini ekoran dari krisis etnik iaitu Tragedi 13 Mei 1969 yang merupakan sejarah hitam negara.

Pergerakan politik perkauman dapat diredakan dengan membentuk kerajaan campuran iaitu di antara Parti Gerakan dengan Parti Perikatan. Justifikasi tindakan ini untuk memperkukuhkan hubungan antara etnik Cina dan Melayu. Tun Abdul Razak berjaya memabawa masuk Parti Gerakan dan PPP pada 1970 dan PAS pada 1973.

2.3.4 PRU-4 (1974)

BN lahir daripada penambahan parti komponen yang menggunakan lambang dacing dan didaftarkan 80 hari sebelum bermulanya PRU-4 iaitu pada 1 Jun 1974. Pembentukan kerajaan campuran di peringkat Persekutuan dan negeri dengan Parti Perikatan dan PAS merupakan penyatuan yang mengeratkan lagi etnik Melayu dan Bumiputera.

Kelahiran BN adalah iktibar daripada tragedi 13 Mei 1969 apabila kesembilan-sembilan parti komponen di dalam BN telah bersetuju bahawa agenda perpaduan adalah penting demi untuk kemajuan negara. BN di bawah teraju Tun Abdul Razak ialah rangkaian politik pelbagai etnik yang bersama dalam satu barisan untuk mencipta sebuah masyarakat “Kebangsaan Malaysia”.

Penyertaan sulung BN pada PRU-4 dilihat gah kerana kemasukan dua parti pembangkang yang kuat pada masa itu iaitu PAS dan Gerakan sebagai parti komponen BN. Tun Abdul Razak bijak merencana dan menangani konflik politik dalaman serta meraih sokongan etnik Cina, Misalnya beliau berjaya menangani konflik perebutan kerusi antara parti gabungan dalam menghadapi PRU serta menjalinkan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China. Inisiatif lain ialah penganjuran Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara Islam yang berlangsung di Kuala Lumpur.

2.3.5 PRU-5 (1978)

Pilihan raya umum yang kelima mencatat sejarah buat julung kalinya BN menguasai Kelantan sejak 19 tahun PAS memerintah negeri berkenaan. Rentetan daripada krisis politik yang berlaku di antara PAS dan UMNO pada PRU-4, PAS kembali menjadi pembangkang pada PRU-5. Pada PRU kali ini PAS dan DAP bekerjasama untuk meraih undi pengundi Melayu dan bukan Melayu. DAP berjaya memenangi 7 buah kerusi baru pada peringkat Parlimen dengan jumlah 15 buah kerusi dan sebuah kerusi di Sabah dengan keseluruhan peratusan mengundi sebanyak 39 peratus. DAP hanya memenangi 25 buah kerusi daripada 126 kerusi yang dipertandingkan di peringkat negeri.

Antara faktor yang menyumbang kepada kekalahan PAS ialah kerana PAS baru sahaja dipisahkan daripada gabungan BN. Krisis dalaman PAS seperti perpecahan dalam kalangan ahli dan kepimpinan PAS yang masih bersama BN menyekat PAS untuk menjadi pesaing kepada BN.

Keputusan yang amat merosot bagi PAS apabila PAS hanya memenangi 5 buah kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia dan di peringkat DUN lebih merudum dengan hanya 9 buah kerusi berbanding 203 buah kerusi yang dipertandingkan. PAS masih diterima oleh pengundi Melayu dengan peratusan 40.29 peratus di negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

BN terus bertahan dengan peratus menang 57.6 peratus apabila berjaya memenangi 131 buah Parlimen daripada 153 buah kerusi yang dipertandingkan. Ini diikuti dengan kemenangan 239 buah kerusi di peringkat negeri daripada 257 buah kerusi yang dipertandingkan.

2.3.6 PRU-6 (1982)

Signifikan PRU-6 ialah bermulanya era pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad apabila mendapat mandat rakyat setahun lebih awal sebelum tarikh pembubaran parlimen yang sepatutnya berakhir pada 1983. Dr Mahathir adalah pengganti kepada Datuk Hussein Onn untuk menjadi Perdana Menteri yang keempat. Kelainan yang diperkenalkan berbanding pelaksanaan PRU sebelumnya ialah hari Khamis adalah hari pengundian berbanding kebiasaan ialah pada hari Sabtu. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO memberi impak positif dan peningkatan imej yang mendadak sekaligus berjaya meraih sokongan pengundi Melayu yang kuat untuk UMNO.

Strategi kempen yang berjaya pada PRU-6 pada kali ini ialah mengatasi kemerosotan ekonomi melalui kepimpinan yang baru. Keputusan majoriti 60.4 peratus undi popular berjaya diraih oleh BN dengan memenangi 132 buah kerusi daripada 157 buah kerusi yang dipertandingkan. Peningkatan sebanyak 9 buah kerusi di peringkat Parlimen berbanding PRU-5. PAS telah memenangi 5 buah kerusi Parlimen dan DAP hanya mengekalkan 5 buah kerusi Parlimen.

Punca kekalahan DAP pada PRU-6 ialah penurunan peratusan pengundi di kawasan kubu DAP. Faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan ini adalah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta peggijrahan etnik Melayu ke bandar mengurangkan majoriti etnik Cina di bandar. Faktor perubahan sokongan kepada BN juga menyumbang kepada kekalahan DAP pada PRU-6.

Kelainan berkempen pada PRU-6 ialah larangan sebarang perhimpunan di tempat terbuka. Kempen pilihan raya diadakan secara tertutup seperti medium akhbar, poster, kain rentang dan kempen dari rumah ke rumah. Tun Mahathir Mohammad telah memperkenalkan idea-idea dan dasar-dasar baru seperti penyeragaman waktu di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia, Dasar Pandang ke Timur dan slogan “Besih, Cekap dan Amanah”. Sumbangan-sumbangan lain yang selari dengan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam ialah Bank Islam dan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

2.3.7 PRU-7 (1986)

Seperti PRU sebelumnya yang berlangsung lebih awal, PRU-7 juga diadakan lebih awal untuk mengekang konflik politik dalaman seperti Tragedi Memali, Skandal Bumiputera Malaysia Finance (BMF) dan Pan Electric. Ketiga-tiga isu ini memberikan kesan terhadap kempen dan keputusan PRU-7. Sebanyak 177 buah kerusi Parlimen yang dipertandingkan dengan 431 orang calon yang bertanding pada PRU berkenaan. Ini diikuti oleh 351 buah kerusi DUN yang dipertandingkan dengan 808 calon yang bertanding. Keputusan PRU menunjukkan BN menang 148 daripada 177 buah kerusi yang dipertandingkan serta turut memenangi 307 daripada 351 buah kerusi DUN yang dipertandingkan. DAP memenangi 24 buah kerusi Parlimen, PBS menang empat buah kerusi dan PAS hanya memenangi sebuah kerusi Parlimen.

PAS menjadikan isu Memali sebagai isu dalam berkempen PRU pada kali ini untuk mengurangkan penguasaan UMNO serta meluaskan pengaruhnya di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Selangor dan Perak. Seorang penyokong PAS iaitu Allahyarham Othman Talib dibunuh di Lubuk Merbau semasa Pilihan Raya Kecil di Padang Terap, Kedah.

Dua isu lain ialah skandal BMF dan Pan Electric. Kedua-dua isu ini digunakan oleh pembangkang terutamanya DAP dengan berslogankan "*Enough is Enough : No More 2/3 Majority for BN*" yang bermaksud tidak perlu beri peluang lagi kepada BN untuk menang 2/3 majoriti". Tumpuan kempen DAP lebih kepada pengundi dari kawasan bandar berbanding pengundi luar bandar.

2.3.8 PRU-8 (1990)

Rekod pelaksanaan PRU menunjukkan sudah tiga kali berturut-turut PRU diadakan lebih awal pada zaman pemerintahan Tun Mahathir Mohamad. Krisis dalaman UMNO yang berpunca semasa pemilihan UMNO pada 24 April 1987. Dua jawatan yang menjadi rebutan iaitu jawatan presiden dan timbangan presiden UMNO yang masing-masing direbut oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam. Walau bagaimanapun, kedua-dua jawatan masih dipertahankan oleh Dr Mahathir Mohamad selaku presiden dengan kelebihan 43 undi. Manakala Tun Ghafar Baba dengan kelebihan 40 undi berbanding lawannya.

Keputusan pemilihan UMNO serta tindakan lanjut Tengku Razaleigh Hamzah yang membawa kes keputusan ini ke mahkamah mengakibatkan pengharaman UMNO yang diisytiharkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi iaitu Datuk Harun Hashim. Tindakan segera Tun Mahathir Mohamad menubuhkan UMNO baru yang diluluskan pada 17 Februari 1988 membuka ruang untuk menyingkirkan musuh-musuh dalam parti.

Walaupun diberi peluang untuk menyertai semula UMNO baru, Tengku Razaleigh bertindak menubuhkan parti politik baru iaitu Semangat 46 yang bertujuan menjejaskan sokongan kepada UMNO baru. Hasrat ini tidak menjadi kenyataan kerana sokongan padu ahli UMNO.

BN memenangi 127 buah kerusi Dewan Rakyat daripada 180 buah kerusi yang dipertandingkan. Peratusan keluar mengundi ialah 72.53 peratus. Pembangkang memenangi 53 buah kerusi Dewan Rakyat. Di peringkat DUN, pembangkang mendapat kemenangan mutlak di Kelantan. DAP menguasai 14 daripada 35 buah kerusi UMNO memenangi 12 buah kerusi dan Gerakan sebanyak 9 buah kerusi.

2.3.9 PRU-9 (1995)

PRU ini adalah PRU pertama setelah proses persempadanan semula bahagian pilihan raya pada 1994. Jumlah pengundi telah meningkat 11.69% iaitu 1,053,533 berbanding PRU sebelumnya. Dua faktor penarik kemenangan UMNO dan BN pada kali ini ialah pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden UMNO dan juga sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 1 Disember 1993.

BN berjaya memenangi 162 daripada 192 buah kerusi yang dipertandingkan sekaligus mengekalkan kedudukannya di Parlimen. BN mencatatkan rekod undi popular tertinggi untuk sejarah PRU yang dipegang oleh zaman pemerintahan Tun Mahathir. Parti Pembangkang memperoleh 30 kerusi Dewan Rakyat iaitu 15.6 peratus yang merupakan rekod terendah dalam sejarah PRU.

Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengadakan Urusan Pendaftaran Pemilih dan Semakan Daftar pemilih tahun 1994 bermula pada 11 hingga 31 Julai 1994 selama 21 hari. Sejumlah 707,442 orang telah menyertai proses ini dengan pendaftaran sebagai pengundi baru, pertukaran alamat dan bertukar tempat pengundian.

2.3.10 PRU-10 (1999)

PRU-10 adalah di antara sejarah PRU yang mencabar kerana dua krisis yang melanda negara secara serentak iaitu krisis ekonomi iaitu krisis kejatuhan mata wang dan krisis politik iaitu penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada UMNO. Krisis mata wang yang melanda negara-negara Asia termasuklah Asia Tenggara ekoran daripada spekulasi harga mata wang oleh penyangak mata wang anataeabangsa iaitu George Soros. Krisis kewangan yang bermula di Thailand turut merebak ke Singapura, Indonesia, Vietnam, Filipina dan Malaysia.

Impak daripada krisis ini melemahkan ekonomi negara dan serantau apabila nilai mata wang negara jatuh ke paras yang terendah yang mengakibatkan kadar pengangguran yang tinggi ekoran daripada penutupan banyak syarikat yang

menjejaskan aktiviti ekonomi negara. Situasi ekonomi yang lemah ini dijadikan isu oleh pembangkang untuk menunjukkan kelemahan BN dalam PRU.

Krisis politik yang melanda ekoran daripada pemecatan Dauk Seri Anwar Ibrahim secara pakej kepada semua jawatan yang berkaitan dengan jawatan sebagai Timbalan Presiden iaitu Timbalan Perdana Menteri, Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang serta kesemua jawatan-jawatan lain dalam parti berkuatkuasa 4 September 1998. Keadaan ini membawa kepada tertubuhnya Parti Keadilan Nasional (KeADILan) pada 4 April 1999 bagi memperjuangkan keadilan dan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sejumlah parti-parti utama pembangkang iaitu PAS, DAP, PRM dan KeADILan bersatu dalam gagasan baru yang dinamakan Barisan Alternatif (BA).

Walau bagaimanapun, BN masih berkuasa dengan memenangi 148 buah kerusi berbanding 198 buah kerusi yang dipertandingkan. Sejarah baru PRU kali ini ialah dengan pencabar baru yang kuat iaitu BA. Kemenangan dua pertiga BN kali ini bersifat "zero sum gain" iaitu kemenangan setiap kerusi oleh pembangkang bermakna kehilangan satu kerusi untuk BN dan begitulah sebaliknya. Ini tidak begitu baik buat BN dan Pas telah muncul sebagai parti Pembangkang paling berjaya dengan kejayaan membentuk kerajaan di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Terengganu.

2.3.11 PRU-11 (2004)

Sejarah negara pada kali ialah berakhirnya era pemerintahan Tun Mahathir Mohamad selama lima penggal dan yang paling lama dalam sejarah Malaysia Tun Mahathir Mohamad mengundur diri pada 31 Oktober 2003 dan digantikan oleh Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dengan pendekatan Islam Hadhari.

Pada PRU-11 ini BN memenangi 198 buah kerusi Parlimen daripada 219 buah kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Kedua-dua buah parti Pembangkang iaitu PAS dan KeADILan gagal mengekalkan kemenangan mereka sebelum ini. Punca kegagalan PAS ialah isu Hudud dan konsep negara Islam yang tidak diterima oleh penyokong BA terutamanya DAP.

Empat faktor yang menyumbang kepada kemenangan BN ialah pertukaran tampuk pimpinan negara daripada Tun Mahathir Mohamad kepada Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. Keinginan kepada perubahan menyebabkan pengundi memberikan undi untuk memberi laluan kepada kepimpinan yang baru. Faktor kedua ialah kemahuan kepada peralihan corak pemerintahan autotarian dan menekan pihak lawan kepada yang lebih baik. Ketiga ialah tarikan kewujudan sayap baru dalam UMNO iaitu Puteri UMNO berjaya menarik pengundi muda dan juga semangat baru untuk UMNO. Keemoat perwatakan dan peribadi Tun Abdullah Hjai Ahmad Badawi yang meyakinkan rakyat pemerintahan baru yang berbeza dengan Tun Mahathir Mohamad.

2.3.12 PRU-12 (2008)

Keputusan PRU-12 mengubah lanskap politik Malaysia dan juga dikenali sebagai tsunami politik Malaysia. Perbezaan ketara di antara keputusan PRU-11 pada 2004 dengan kemenangan besar BN kepada kekalahan besar BN pada PRU-12 menjadi sejarah baru dalam PRU di Malaysia. Politik transformatif terhasil daripada rekod buat pertama kalinya BN kekurangan dua pertiga kerusinya di Parlimen.

Ini diikuti dengan kehilangan empat negeri iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah kepada pembangkang termasuklah Kelantan yang telah lama diperintah oleh pemabangkang menajdkikan lima buah negeri kesemuanya. Pakej kekalahan yang besar selain daripada hilang dua pertiga kerusi Parlimen, kekalahan tokoh besar BN dan kemerosotan undi popular membawa kepada tercetusnya tsunami dan fenomena kerengangan sokongan rakyat terhadap kerajaan menjadikan pilihan raya ini menjadi bahan kajian para sarjana dan pemerhati politik.

BN hanya memenangi 140 buah kerusi berbanding PR dengan 82 buah kersui Parlimen. Syarat untuk mendapatkan dua pertiga majoriti ialah 148 daripada 222 jumlah kerusi yang dipertandingkan. Prestasi parti-parti komponen BN seperti MCA, MIC dan Gerakan juga merosot.

Berbeza halnya dengan PR yang menunjukkan peningkatan cemerlang apabila PKR memenangi kerusi Parlimen paling banyak dengan 31 kerusi Parlimen dengan undi popular meningkat sebanyak 19.3 peratus berbanding hanya 8.3 peratus pada 2004. PAS juga mengalami peningkatan dengan 23 buah kerusi Parlimen yang dimenangi.

Kegagalan BN pada PRU-13 berpunca daripada faktor kegagalan menangani isu kenaikan harga barang yang dimainkan oleh pembangkang. Walau bagaimanapun, BN masih dapat mempertahankan undinya kerana masih mendapat kepercayaan pengundi Melayu berbanding MCA dan MIC yang kehilangan kepercayaan pengundi etnik Cina dan India. Cabaran UMNO adalah Pas untuk meraih kepercayaan etnik Melayu. Faktor yang paling penting ialah sokongan pengundi Bumiputera di Sabah dan Sarawak yang menjadi penyelamat kepada BN. Penguasaan BN adalah dominan di kawasan komposisi etnik bercampur berabnding dengan kawasan majoriti etnik tertentu yang memberi kelebihan kepada PR.

2.3.13 PRU-13 (2013)

Rekod baru bagi sejarah perjalanan PRU-13 ialah peratusan keluar mengundi paling tinggi dalam sejarah PRU negara dengan 84.84 peratus. Ini menunjukkan tahap kesedaran dan juga literasi politik yang tinggi dalam kalangan pengundi di Malaysia. Kesenambungan daripada aliran politik transformatif dan fenomena kerengangan rakyat dengan BN diteruskan dalam keputusan PRU-13. PRU ini dikatakan paling sengit oleh pengkaji dan pemerhati politik Malaysia. Politik transformatif dijana oleh kebangkitan generasi muda yang inginkan pembaharuan dalam tampuk pemerintahan negara dan BN.

Keputusan PRU-13 masih memihak kepada BN dengan kemenangan 133 buah kerusi Parlimen berbanding PR dengan 89 buah kerusi Parlimen. PR kekal berkuasa di ketiga-tiga buah negeri iaitu Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang dengan keputusan majoriti dua pertiga. Walau pun begitu PR telah kehilangan Kedah dan Perak yang dimnenagi pada PRU-12.

Suruhanjaya Pilihan Raya mengumumkan sebanyak 84.84% iaitu seramai 11, 257.147 daripada 13, 268.002 pengundi berdaftar telah keluar mengundi pada PRU kali ini. PRU pada kali ini mencatatkan calon yang bertanding atas tiket Bebas teramai dalam sejarah PRU dengan 79 orang calon untuk bertanding untuk kerusi Parlimen dan 191 orang calon bertanding untuk kerusi DUN.

BN memenangi 5,237,699 undi, PKR memenangi 2,254,328 undi, PAS memperoleh 1,633,389 undi, DAP menang dengan 1, 736,267 undi, Bebas dengan 86,935 undi serta parti-parti lain iaitu STAR dengan 45,356 undi, Berjasa dengan 31,835 undi, SWP dengan 15,630 undi, SAPP dengan 10,099 undi, PCM dengan 2,129 undi, KITA dengan 623 undi dan akhir sekali Bersama dengan 257 undi.

2.4 Konsep Literasi Politik dan Perilaku Pengundi

Bahagian ini menerangkan konsep, model dan teori yang terangkum dalam Kerangka Teori Kajian. Pelaksanaan kajian ini menggabungkan model perilaku pengundi terutamanya Teori Pilihan Rasional yang dipilih bagi menjelaskan proses mengundi dari sudut Sains Politik dan Kualiti.

Menurut Butler, persoalan asas kepada tercetusnya konsep perilaku pengundi ialah mengapa setiap parti memperoleh jumlah undi yang tertentu. Ini merujuk kepada tahap sokongan pengundi terhadap sesebuah parti. Hasil kajian sebegini memberi gambaran umum berkenaan kecenderungan pengundi dan corak kestabilan jangka panjang pengundian berdasarkan jumlah undi yang dimenangi parti (Friedman & Wittman, 1995).

Butler mendapati pada era 70an hingga ke 90an dapatan kajian menunjukkan perilaku pengundi bersifat tidak stabil atau *volatile*. Dalton menekankan kepada keperluan mengkaji sifat ketidak stabilan pengundi ini dengan meneroka ruang baru untuk kajian perilaku pengundi mengenai faktor atau pengaruh yang menyumbang kepada proses kerengangan atau *dealignment*. Kajian yang dibuat adalah untuk mengkaji mengapa dan bagaimana proses kerengangan berlaku di antara pengundi dan parti-parti dominan atau parti pemerintah (Schofield & Sened, 2005).

Konsep perilaku pengundi berkembang daripada pendekatan asas yang mengkaji tahap sokongan pengundi kepada sesebuah parti kepada lebih sofistikated. Kajian yang lebih mendalam berkenaan perilaku pengundi iaitu memerhati tren pengundian kepada mengenal pasti identifikasi parti dan seterusnya mengenal pasti kekuatan sosial yang mempengaruhi perilaku dan pilihan pengundi (Shabad & Slomczynski, 2011).

Terdapat tiga pendekatan yang digunakan dalam mengkaji tingkah laku pengundi iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional. Pendekatan sosiologikal menekankan bahawa status sosioekonomi (pendidikan, pendapatan dan kelas), agama, etnik dan tempat tinggal (bandar atau luar bandar) mempunyai kaitan yang rapat dengan pilihan pengundi (Nooruddin & Simmons, 2015). Penyelidik dari Universiti Columbia, Amerika Syarikat adalah di antara yang awal yang menggunakan pendekatan sosiologikal ini bagi menjelaskan tentang pengundian.

Dalam kajian yang dibuat semasa pilihan raya presiden tahun 1940, mereka mendapati pola pengundian mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek-aspek yang dinyatakan di atas. Misalnya dari segi agama, golongan Protestan lebih cenderung untuk memilih Parti Republikan kalau dibandingkan dengan mereka yang menganut fahaman Katolik (Lazarsfield et al. 1968). Selain agama, kelas juga didapati memainkan peranan signifikan dalam pengundian. Kelas bawahan dan kelas menengah lebih cenderung untuk menyokong Parti Demokrat, sementara kelas atasan pula lebih cenderung untuk menyokong Parti Republikan (Lipset 1960).

Pendekatan identifikasi parti pula diperkenalkan pada tahun 1950-an oleh A. Campbell dan rakan-rakannya iaitu ahli psikologi sosial daripada University of Michigan di Amerika Syarikat. Identifikasi parti merujuk kepada ikatan dan kesetiaan kepada sesuatu parti dan atas dasar inilah maka sesuatu parti itu dipilih dalam pilihan raya. Kesetiaan itu pula dibentuk melalui proses sosialisasi politik iaitu proses yang menurunkan dan menanamkan nilai dan norma daripada satu generasi kepada generasi yang lain (Ghazali, 2006).

Nilai dan norma itu diperturunkan oleh agen sosialisasi seperti ibu bapa, saudara mara, jiran, rakan, sekolah dan organisasi politik (Ryan, 2011). Oleh kerana adanya penurunan nilai itu, maka terdapat kecenderungan parti yang disokong oleh anak adalah sama dengan parti ibu bapa mereka. Selain itu terdapat kecenderungan di antara tempoh seseorang menyokong parti tertentu dengan darjah kesetiaan. Lebih lama seseorang telah mengidentifikasikan dengan sesuatu parti maka kesetiannya kepada parti berkenaan juga semakin kuat (Campbell et al. 1960). Dalam pilihan raya tertentu di Malaysia, kesetiaan orang Melayu kepada parti lebih ketara kalau dibandingkan dengan orang bukan Melayu (Ghazali 1999).

Pendekatan ketiga ialah pendekatan pilihan rasional yang dipopularkan oleh Downs (1957) yang mengandaikan pengundi bertindak secara rasional semasa membuat keputusan untuk keluar mengundi dan semasa membuat pilihan ketika mengundi. Sekiranya pengundi merasakan dia tidak mendapat apa-apa faedah dengan memilih mana-mana calon atau parti yang bertanding, maka pengundi berkenaan tidak akan keluar mengundi (Downs 1957: 261).

Ini kerana berdasarkan pertimbangan ekonomi, kos yang ditanggungnya dengan keluar mengundi (seperti masa dan meninggalkan aktiviti lain) melebihi daripada pulangan atau faedah yang akan diperoleh. Pendekatan ini juga mengandaikan bahawa calon atau parti yang bertanding akan mengemukakan dasar atau program yang akan dapat menarik sokongan pengundi. Pengundi pula akan bertindak secara rasional dengan memilih calon atau parti yang sesuai dengan kehendaknya dan dijangka akan memberi faedah kepadanya (Ghazali, 2006).

Model identifikasi parti adalah masih dominan berbanding model pengundian lain di Malaysia. Pengundi lebih memilih parti berbanding faktor calon dan faktor isu. Faktor calon yang seetnik juga bukan merupakan faktor utama pemilihan dalam pengundian. Pengundi secara umumnya telah mengidentifikasi dengan parti-parti tertentu. Namun begitu didapati juga jumlah pengundi yang tidak mengikat dengan mana-mana parti dan cenderung kepada model pilihan rasional dan model retrospektif juga semakin membesar dan menjadi faktor penentu di kawasan-kawasan pilihan raya tertentu. Secara umum, politik etnik dalam tingkah laku pengundian boleh membawa erti seseorang pengundi itu memilih parti atau calon berasaskan etnik yang sama.

Teori dan model identifikasi parti adalah masih dominan berbanding model pengundian lain di Malaysia. Pengundi lebih memilih parti berbanding faktor calon dan faktor isu. Bagi keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia pada 5 Mei 2013, Barisan Nasional (BN) telah menang dengan memperoleh 133 kerusi parlimen daripada keseluruhan 222 kerusi yang dipertandingkan. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut menurun tujuh kerusi berbanding PRU-12. Ini menunjukkan identifikasi parti di Malaysia dan faktor sosiologi iaitu calon adalah penting dalam menentukan kemenangan calon yang bertanding dalam pilihan raya umum di Malaysia.

Menurut Mansor, pendekatan kajian perilaku pengundi lazimnya melihat kepada kelas sosial, etnisiti dan identifikasi parti sahaja. Kajian perilaku pengundi serta perubahan pola pengundian memerlukan pendekatan yang menggabungkan elemen-elemen kerencaman sosial. Pendekatan terkini dalam kerencaman sosial mendapati batas etnik semakin menipis. Apabila batas etnik semakin menipis, masyarakat terpecah kepada kelompok-kelompok sosial yang baru yang dicirikan oleh pilihan sosial yang tidak terhad kepada pilihan etnik semata-mata (Mansor, 2010).

Pendekatan dinamik kerencaman sosial meliputi peringkat individu dan kumpulan etnik di Malaysia dipengaruhi oleh faktor sosiologikal yang terbahagi kepada lima kategori perhubungan dalam masyarakat. Kategori pertama ialah rakyat yang masih bermain dengan corak tingkah laku berdasarkan ciri kumpulan etnik dalam kehidupan seharian. Kategori kedua merujuk kepada individu yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang memiliki budaya hidup komersil (Mansor, 2010).

Kategori ketiga ialah kumpulan yang masih memanipulasi etnik yang berselindung di sebalik wacana etnik dan keetnikan demi menjadikan agenda kebendaan dan status sosial mereka sendiri. Kategori keempat adalah kumpulan yang masih mencari identiti bangsa dan negara bangsa yang diinginkan.

Shamsul Amri memperkenalkan tiga kerangka analisis yang sesuai diterapkan dalam mengkaji masyarakat di Malaysia iaitu etnik, kelas dan identiti. Pendekatan etnik dikaitkan dengan pembentukan masyarakat majmuk oleh penjajah yang membuka peluang untuk orang Cina terlibat dalam perlombongan bijih timah dan perniagaan serta penyertaan orang India dalam industri getah sebagai pekerja ladang. Masyarakat

majmuk akan membina dan menyuburkan ciri etnik kumpulan mereka untuk bersaing dan mempertahankan kedudukan sosial dan kepentingan material mereka (Shamsul Amri Baharuddin, 2013).

Pendekatan kelas terhasil daripada ilmu kolonial British berakar umbi daripada penentangan pergerakan anti-penjajah mewujudkan dimensi kelas kapitalis-penjajah dengan buruh-dijajah. Pergerakan anti-penjajah adalah radikal. Pergerakan ini dikaitkan dua aliran iaitu samada semangat nasionalisme dan juga sosialisme. Rentetan itu, negara pasca penjajah melahirkan dua pendekatan dalam usaha membina negara bangsa iaitu budaya dan identiti (Shamsul Amri Baharuddin, 2013).

Pembangunan negara bangsa dalam masyarakat majmuk di peringkat awal kemerdekaan sering berhadapan dengan beberapa bentuk bangsa idaman (*nation of intent*) yang belum disepakati bersama seperti isu bahasa, pendidikan, kebudayaan dan identiti kebangsaan. Persaingan antara kumpulan etnik di dalam negara yang baru mendapat kemerdekaan ini terjadi atas kesedaran berlakunya penghapusan budaya oleh kumpulan yang memiliki kuasa politik ke atas kumpulan etnik minoriti yang kecil jumlahnya dan lemah (Shamsul Amri Baharuddin, 2013).

Pendekatan budaya menjadi asas dalam senario politik pembentukan 'bangsa idaman' dalam mencorak hubungan etnik di Malaysia. Pendekatan budaya melahirkan pendekatan identiti yang terbentuk atas dasar ingin memastikan nilai dan jati diri individu dan kumpulan sosial mereka diperakui, subur, kekal, terbela dan bermaruah. Pendekatan identiti tidak terhad kepada etnik semata-mata dan mencakupi gender serta kumpulan etnik minoriti khusus.

Shamsul Amri merumuskan ketiga-tiga kerangka analisis yang dibentuk oleh ilmu kolonial dan diteruskan oleh era pasca penjajah tidak semestinya kekal. Masyarakat Malaysia terdedah kepada pendekatan lain selari dengan kedinamikan masyarakat Malaysia yang semakin kompleks. Kompleksiti masyarakat Malaysia adalah impak pembangunan dan perubahan sosial yang membuka kepada ruang 'etno budaya' rekaan ilmu penjajah sedia ada. Perubahan dalam pendekatan yang diguna pakai menunjukkan transformasi yang dialami masyarakat (Shamsul Amri Baharuddin, 2013).

Asri (Asri & Mohd, 2013) menekankan keperluan untuk memberi keutamaan kepada aspek mempertingkatkan urus tadbir, melakukan pembaharuan dalam aspek kualiti hidup dan kepentingan menjaga imej kepimpinan parti dan calon yang kompeten. Perkaitan di antara literasi politik dengan perubahan dalam proses penyertaan politik juga berhubung dengan perubahan dalam identiti, khususnya dalam masyarakat pelbagai etnik. Para pengkaji perilaku pengundi mendapati proses pembangunan mengubah identiti dan perilaku masyarakat.

Perincian kepada bentuk identiti dan proses politik yang kelihatan semakin berbeza dalam masyarakat multi etnik di Malaysia memerlukan penelitian dalam mengkaji perilaku pengundi. Penganalisan terhadap perilaku pengundi perlu mempertimbangkan gabungan pelbagai elemen untuk mengukur peralihan corak pengundiaan yang lebih jelas (Asri & Mohd, 2013).

Pola perubahan pengundi dalam pilihanraya merupakan kriteria kajian utama dalam literatur. Dua jenis kajian yang mendominasi literatur ialah mengenai faktor kemenangan dan kekalahan parti disebabkan oleh pilihan pengundi (Kidd, 2012) (Sovey & Green, 2011). Kajian lain ialah faktor kemenangan dan kekalahan calon dan juga pemimpin dalam pilihanraya yang berpunca daripada peralihan pilihan pengundi (Deutsch, Adorno, & States, 2004).

Pola perubahan pengundi dipengaruhi oleh beberapa faktor universal dan bukan universal. Agen pola perubahan yang dominan ialah pengaruh media (Idid, 2012). Media terbahagi kepada media cetak dan media elektronik. Pengaruh media elektronik adalah signifikan dengan kewujudan laman-laman sosial seperti facebook dan instagram menjadikan komunikasi dua hala serta interaktif antara parti mahupun pemimpin dengan pengundi semakin mudah (Abbott, 2001).

Jaringan komunikasi tanpa had memberikan ruang yang luas kepada pengundi dan juga akses maklumat yang tidak terhad kepada kempen berorientasikan ceramah politik dan manifesto semata-mata (Rahim, 2011). Maklumat berkenaan pemimpin dan parti boleh dicapai diujung jari dan pada bila-bila masa sahaja. Impak ledakan maklumat kepada pola perubahan pilihan pengundi ialah untuk menilai dan menapis maklumat sebelum membuat penilaian yang diterjemahkan sebagai undi dalam pilihanraya.

Cabaran besar kepada parti dan juga calon serta pemimpin yang bertanding ialah dalam menangani banjir maklumat dan juga penglibatan yang konsisten dalam ruang media sosial dan juga laman-laman web sebagai wadah kempen mereka (Saad & Salman, 2013). Kebergantungan kepada kaedah tradisional seperti ceramah politik, kempen menggunakan poster dan kain rentang adalah tidak memadai (Teymoori, W. S., & Heydari, 2012).

Cara mengatasi banjir maklumat oleh parti dan calon bertanding ialah dengan menggabungkan kedua-dua strategi konvensional dan kontemporari (Sani, Hayati Abdullah, Abdullah, & Ali, 2012). Keperluan mengekalkan kedua-dua strategi adalah untuk memastikan kempen dan maklumat sampai kepada target pengundi mengikut demografi yang berbeza. Umur, pekerjaan, taraf pendidikan, latar belakang ekonomi dan tempat tinggal menjadikan kedua-dua pendekatan masih relevan.

2.5 Konsep Mandat Rakyat

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan mandat merujuk kepada lima makna. Pertama ialah amanah yang diberikan oleh orang ramai atau suatu kumpulan kepada wakil mereka. Contohnya dalam mesyuarat dan lain-lain untuk mengemukakan pendapat, memajukan permintaan dan sebagainya. Misalnya Perdana Menteri itu akan meminta mandat baru daripada rakyat.

Kedua, mandat bererti kuasa yang diberikan oleh pihak yang lebih tinggi, seperti Presiden telah memberikan mandat kepada Perdana Menteri untuk membentuk kabinet baharu. Makna ketiga ialah surat kuasa dan surat perintah. Contoh ayat ialah mandat untuk membayar gaji pekerja.

Maksud keempat mandat bermakna kuasa yang diberikan oleh Liga Bangsa-Bangsa atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kepada sesebuah negara untuk mentadbir sesuatu wilayah. Kelima yang dimaksudkan dengan perkataan mandat ialah kuasa mentadbir sesebuah negara asing dan diamanahkan kepada sesuatu pihak berkuasa. Misalnya, rancangan itu menyeru supaya wilayah-wilayah Gaza dan Tebing Barat diletakkan di bawah mandat Bangsa-Bangsa Bersatu. Mengikut Tesaurus Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka mandat bersinonim dengan kuasa, amanah, kewibawaan, tanggungjawab, dekri, tauliah dan perintah.

Manakala perkataan rakyat bersinonim dengan warganegara, penduduk, bumiputera, peribumi, anak negeri, anak buah, anak watan, anak bangsa, masyarakat, komuniti, bangsa, kelompok, etnik, puak, kaum, orang, warga dan isi negeri. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan rakyat sebagai rakyat jelata iaitu rakyat biasa dan bukan daripada golongan bangsawan atau hartawan. Perkataan rakyat bermaksud seluruh penduduk sesebuah negara (sebagai syarat mendirikan sesuatu pemerintahan). Kerajaan bermaksud negeri atau negara yang dikepalai oleh raja; pemerintahan, negara.


Mandat rakyat bermakna amanah untuk menubuhkan kerajaan yang mendukung hasrat rakyat untuk menikmati sebuah kehidupan yang sejahtera yang diberikan oleh rakyat kepada wakil rakyat melalui pilihan raya. Melalui pilihan raya, rakyat memilih siapa dan parti manakah yang akan mendapat mandat. Mandat yang diperoleh membenarkan seorang calon untuk dilantik menjadi wakil rakyat. Mandat melalui pilihan raya juga memberikan kuasa kepada sesebuah parti politik untuk membentuk kerajaan.

Pilihan raya adalah mekanisme untuk menterjemahkan mandat rakyat. Pilihan raya menentukan perwakilan dan kerajaan yang memerintah dengan mandat yang diperolehi hasil daripada kemenangan dalam pilihan raya. Persoalannya, bagaimanakah kerajaan menunaikan mandat rakyat?

Sarjana dalam bidang teori mandat rakyat iaitu Dahlberg (2013), Errington (2009), Mikhaylov (2008), Evans (2006), Flynn (2008), Gangl, Grossback, Peterson & Stimson (1998) dan Thome (1999) bersetuju bahawa konsep mandat rakyat berkait secara langsung dengan proses pilihan raya. Manifesto pilihan raya menyenaraikan dasar-dasar yang akan dilaksanakan jika parti tertentu memenangi pilihan raya sekaligus mendapat mandat untuk memerintah dan membentuk kerajaan.

Manifesto yang dikenali sebagai janji politik menurut Thome (1999) menawarkan para pengundi apa yang boleh diberikan untuk menyediakan kehidupan yang sejahtera serta memperbaiki taraf kehidupan sedia ada. Sebagai kesinambungannya, teori mandat memperihalkan usaha-usaha parti politik memngemukakan cadangan perancangan mereka dalam bentuk manifesto pilihan raya. Para pengundi akan mengundi antara platform polisi-polisi kerajaan yang memerintah dan membandingkan dengan dasar-dasar baharu yang ditawarkan oleh parti-parti yang bertanding. Manifesto disebar luaskan kepada para pengundi melalui pelbagai media samada media cetak mahu pun elektronik seperti akhbar, televisyen dan internet untuk dinilai oleh rakyat yang juga para pengundi dalam pilihan raya.

Teori mandat memfokus kepada perwakilan iaitu hubungan di antara dasar yang menjadi harapan rakyat dengan tindakan kerajaan (Budge & Hofferbert). Wujud perkaitan langsung di antara kredibiliti atau kemampuan parti pemerintah dalam menunaikan mandat yang diperolehi. Misalnya, andai kata parti pemerintah atau kerajaan tidak mampu atau tidak komited menunaikan mandat yang telah diperolehi, maka keabsahan secara demokratik akan menjadi persoalan.



Rajah 2.4 Model elemen dalam Parti Kerajaan.

2.6 Konsep Kerangka IPO

Mengikuti Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan mandat merujuk kepada lima makna. Pertama ialah amanah yang diberikan oleh orang ramai atau suatu kumpulan kepada wakil mereka. Contohnya dalam mesyuarat dan lain-lain untuk mengemukakan pendapat, memajukan permintaan dan sebagainya. Misalnya Perdana Menteri itu akan meminta mandat baru daripada rakyat.

2.7 Konsep Daya Saing Politik

Pendekatan teori daya saing politik dalam pilihanraya telah menjadi satu pendekatan yang penting dalam mengkaji kemampuan pemimpin dan parti memenuhi kehendak pengundi. Walau bagaimanapun, daya saing politik yang berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu yang melihat kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan pilihan pengundi masih menjadi persoalan.

Kajian lepas memberikan pelbagai dimensi perbincangan daya saing politik seperti daya saing daerah (Kuklinski, 1977), daya saing proses pilihanraya (Iscte-iul, Martins, & Meirinho, 2012), (Southwell, 2010), daya saing isu dan ideologi (Lachat, 2011), (Koch, 1998) daya saing calon (Ridout, Rottinghaus, & Hosey, 2009) serta daya saing parti (Janda, 2013), (Druckman, Hennessy, St. Charles, & Webber, 2010) yang menyarankan kepada kajian yang lebih fokus dan komprehensif.

Oleh itu, kajian ini memberi penekanan kepada keperluan mengkaji daya saing politik yang berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu dengan melihat kepada dua faktor utama iaitu faktor calon dan faktor parti. Fokus kajian membantu dalam memahami bagaimana perkaitan di antara daya saing politik yang menyumbang kepada perubahan pilihan pengundi dalam pilihanraya (Barbu & Dimian, 2012).

Daya saing politik secara umum dan berteraskan sistem penyampaian bersepadu secara khusus adalah baru dan menyumbang kepada kajian pilhanraya sedia ada di Malaysia. Sarjana dalam bidang pilihanraya tempatan mengkaji pilihanraya di Malaysia dari segi proses perjalanan pilihanraya, analisis keputusan pilihanraya dan pola pengundian (Southwell, 2010).

Pendekatan daya saing politik berteraskan sistem penyampaian bersepadu menyumbang dimensi baru kepada kajian sedia ada dengan melihat perkaitan konsisten di antara prestasi calon atau parti atau kedua-duanya sekali terhadap perubahan pilihan pengundi (McKinney, 2010). Apabila perkaitan di antara dua aktor politik seperti calon dan parti dapat dilihat sebagai penyumbang kepada daya saing politik secara berintegrasi dalam memenuhi kehendak pengundi, maka perubahan kepada pilihan pengundi dapat difahami dengan lebih jelas oleh pengkaji politik. Faedah lain ialah dengan kefahaman pengkaji politik ini boleh disalurkan serta dimanfaatkan bukan sahaja untuk kepentingan akademik malah untuk kedua-dua aktor politik tersebut iaitu pemimpin dan parti serta calon pilihanraya bahkan media untuk kepentingan bersama (Koch, 1998).

Manfaat pendekatan daya saing politik kepada pemimpin atau calon pilihanraya ialah mereka akan lebih memahami apa dan kenapa pengundi membuat pilihan tertentu dalam pilihanraya (Singh, Lago, & Blais, 2011). Strategi untuk memenangi pilihan pengundi akan diperkemas lagi bersekali dengan parti kerana menurut kajian pilihanraya ketiga belas, terdapat pengundi yang memilih pemimpin atau calon tidak semestinya kerana parti tetapi daya saing pemimpin itu sendiri (Lindgren & Southwell, 2013). Dinamik perubahan pengundi seperti ini boleh difahami dengan pendekatan daya saing politik kerana persepsi pengundi kepada kemampuan seseorang calon boleh mengatasi parti yang diwakilinya.

Begitu juga dengan pendekatan daya saing politik kepada parti di mana penjelasan kepada pola perubahan pengundi dapat difahami oleh parti dan jentera pilihanraya yang digerakkan dengan strategi yang lebih baik (Barbu & Dimian, 2012). Citarasa pengundi tidak semata-mata kepada parti tertentu sahaja samada parti pemerintah atau pembangkang. Pengundi lebih matang dan mempunyai literasi politik tertentu terutamanya di kawasan bandar dan golongan belia yang lebih kritis dan

terdedah kepada media alternatif (Huemer, Scheubel, & Walch, 2013). Faktor calon yang berwibawa dalam memenuhi kehendak pengundi juga perlu diambil kira kerana calon tangkap muat bersandarkan parti tidak menjamin kesetiaan pilihan pengundi.


2.8 Konsep Sistem Penyampaian Politik Bersepadu

Sistem Penyampaian Bersepadu merupakan pendekatan baru dalam kajian bidang Sains Politik amnya dan daya saing politik khususnya. Permulaan bidang kajian sistem penyampaian bersepadu adalah dalam bidang perubahan (Pearl & Weil, 1995). Objektif pelaksanaan sistem penyampaian berintegrasi dalam bidang tersebut adalah untuk memastikan pelanggan industri berkenaan mendapat kualiti perkhidmatan yang premium dan optimum secara konsisten daripada setiap agen penyedia perkhidmatan perubahan tanpa kompromi (Leibert, 2011) (Enthoven, 2009).

Tiga kata kunci penting iaitu sistem, penyampai dan integrasi melambangkan kebergantungan di antara setiap agen dalam memberikan khidmat yang terbaik (Kodner, 2006). Misalnya, risiko pembedahan seorang pesakit perlu ditanggung oleh sekumpulan penyedia khidmat perubatan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan pakar bius. Seterusnya unit farmasi dan rawatan susulan pembedahan seperti penyediaan wad perlu selaras dengan keperluan pesakit yang dibedah. Ini menunjukkan sebagai satu sistem merawat pesakit kesemua yang terlibat perlu memastikan rawatan yang diperlukan perlu sampai kepada pesakit dengan berintegrasi dan sistematik sepanjang masa. Ini penting kerana melibatkan risiko kehilangan nyawa pesakit dan integriti industri perubatan (Yang, Yang, & Cheng, 2010).

Dalam erti kata lain, setiap agen perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan dalam perlu menyampaikan khidmat kepada penerima secara sistematik dan berintegrasi bagi menawarkan perkhidmatan yang berdaya saing tinggi dan berkualiti (Fischer, Amekudzi, Ph, & Asce, 2011). Kegagalan salah satu daripadanya menyumbang kepada kepincangan sistem penyampaian sekaligus menjejaskan daya saing perkhidmatan. Risiko yang ada ialah bukan sahaja dari segi reputasi dan daya saing penyedia perkhidmatan malah berdepan dengan kerugian serta proses pemulihan yang menelan kos dan masa (Millington & Schultz, 2009).

Kelebihan pembudayaan dan pematuhan kepada piawaian Sistem Penyampaian Bersepadu mewujudkan kestabilan kepada kedua-dua penyedia dan penerima perkhidmatan. Kestabilan yang dimaksudkan ialah kestabilan fizikal dan bukan fizikal (Granger et al., 2012). Kestabilan fizikal seperti premis yang berkualiti, kualiti servis yang terjamin dan kemudahan yang diselenggara dengan baik (Tech, 2007). Manakala kestabilan bukan fizikal merangkumi indeks kepuasan pelanggan yang tinggi, kesetiaan pekerja kepada organisasi dan budaya kerja berprestasi tinggi sekaligus menyumbang kepada daya saing serta survival sesebuah organisasi (Davis et al., 2011). Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan menanda aras industri perubatan yang mengamalkan Sistem Penyampaian Bersepadu dalam mengkaji daya saing politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu untuk mengenalpasti faktor perubahan pilihan pengundi bagi memperoleh manfaat yang sama (León, Lundgren, Huapaya, Sinai, & Jennings, 2007).



Rajah 2.5 Sistem Penyampaian Bersepadu di hospital di Malaysia.

Sepertimana yang telah dijelaskan dalam bab satu berkenaan kerangka konseptual dan definisi istilah ketiga-tiga komponen iaitu daya saing politik samada tinggi atau rendah amat bergantung kepada prestasi kedua-dua agen Sistem Penyampaian Bersepadu iaitu pemimpin dan parti dalam menyelesaikan isu-isu pilihanraya. Kejayaan dan kegagalan salah satu atau kedua-dua agen memberi impak kepada perubahan pilihan pengundi dalam pilihan raya. Pengundi boleh memilih tiga pilihan samada kekal, ubah atau tidak membuat sebarang pilihan.

Pilihan pengundi menjadi penentu kejayaan dan kegagalan survival pemimpin atau parti atau kedua-duanya sekali. Kajian ini menyumbang input untuk penggiat politik khususnya dan pemerhati politik amnya dalam memahami senario perubahan pilihan pengundi berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu. Perincian dapatan berkaitan dibincangkan dalam bab empat.

Contoh bagaimana pendekatan ini diaplikasikan dalam kajian ialah penyelidik meminta pandangan responden faktor manakah yang lebih signifikan dalam menentukan pilihan pemimpin atau parti dalam menyelesaikan isu nasional dan negeri. Terdapat variasi dalam respon mereka samada memilih gabungan kedua-dua faktor pemimpin yang dikaitkan dengan parti, ada yang memberikan keutamaan kepada pemimpin sahaja, ada yang komited kepada parti sekaligus tidak mengambil kira faktor pemimpin. Walau bagaimanapun, wujud respon tidak memilih kedua-duanya samada pemimpin atau pun parti atas dasar krisis kepercayaan kepada kemampuan menyelesaikan isu termasuklah kredibiliti pemimpin atau parti.

Kelebihan pendekatan Sistem Penyampaian Bersepadu ialah dapat merungkai persoalan perubahan pilihan pengundi dalam pilihanraya dengan lebih jelas dan sistematik. Keperluan kepada dapatan sedemikian menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas mengapa sesetengah pemimpin atau parti dipilih oleh pengundi dalam pilihanraya.

Kajian daya saing politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu merupakan pendekatan baru melengkapinya pendekatan kajian daya saing politik yang ada. Kelebihan mengkaji daya saing politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu berbanding pendekatan kajian yang lain ialah dimensi komprehensif dalam item kerangka konseptual memberikan dapatan, penerangan dan pemahaman yang lebih jelas perkaitan di antara pembolehubah kajian.

Gabungan pendekatan daya saing politik dan Sistem Penyampaian Bersepadu membolehkan perkaitan pembolehubah kajian dibincangkan dengan terperinci dan sistematik. Ini kerana kebanyakan literatur menghadkan perbincangan pembolehubah hanya dalam aspek politik yang konvensional (Kreis & Christensen, 2013). Aspek-aspek yang dibincangkan ialah daya saing politik pembangunan sosioekonomi seperti polis-polisi kerajaan dalam menarik daya saing pelaburan dalam dan luar negara, inisiatif yang berkesan dalam membangunkan industri yang kompetitif dan juga pelaksanaan polisi yang berkait dengan pembangunan modal insan (Guzman, Pirog, & Seefeldt, 2013).

Pendekatan kontemporari menggabungkan daya saing politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu meneroka sekaligus mengukuhkan pendekatan konvensional yang ada dengan memberi kerangka teori yang boleh menghuraikan apakah yang diinginkan oleh pengundi yang mempengaruhi pilihan atau undi terhadap pemimpin atau parti tertentu atau gabungan kedua-dua faktor tersebut dan mungkin juga tidak membuat sebarang pilihan (Prindle, 2012).

Memahami daya saing politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu oleh pemimpin dan parti akan menggerakkan kedua aktor politik ini secara bersama. Kepentingan menggerakkan kedua-dua pemimpin dan parti secara simbiotik adalah untuk memberi sinergi daya saing politik yang tinggi yang saling berkait-rapat antara satu sama lain

Inspirasi daripada industri perubatan meletakkan penggiat politik setaraf dengan penggiat industri perubatan dari segi budaya kerja yang bersistematik dan berkualiti tinggi. Setiap aktor dalam politik bergerak seperti satu sistem dengan berkesan dan cekap untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat amnya dan pengundi khususnya.

Penekanan kepada Sistem Penyampaian Bersepadu kerana rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh pemimpin dan parti perlulah sampai kepada rakyat dan pengundi. Sampai bermaksud memenuhi kehendak rakyat dan pengundi. Indikator perkhidmatan yang disampaikan oleh pemimpin mahupun parti ialah melalui pelaksanaan manifesto yang dijanjikan semasa pilihanraya dilaksanakan dengan baik dalam bentuk polisi mahupun tindakan serta usaha jangka pendek dan jangka panjang yang dijalankan mengikut kesesuaian dan tahap keperluan sesuatu isu diselesaikan.

Kegagalan melihat khidmat pemimpin dan parti sebagai satu Sistem Penyampaian Bersepadu mengakibatkan daya saing pemimpin atau parti atau kedua-duanya sekali dalam keadaan berisiko kepada perubahan pilihan pengundi.

2.9 Kesimpulan

Pendekatan daya saing politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu mengisi jurang kajian dalam dua bidang iaitu Sains Politik dengan daya saing politik berteraskan integrasi dan gabungan dengan bidang kualiti terutamanya Tadbir Urus Industri Perubatan. Kajian ini melengkap dan mengembangkan lagi ruang kajian sedia ada dengan fokus dan kriteria kajian yang lebih komprehensif dan sistematis. Kajian ini menyediakan perbincangan dan menerangkan hubungkait daya saing politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu dengan perubahan pilihan pengundi dalam pilihan ra


BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Perbincangan metodologi ini meliputi aspek paradigma penyelidikan, pendekatan kajian, rekabentuk kajian, , teknik pengumpulan data, teknik analisis data kesahan dan kebolehpercayaan kajian untuk penulisan laporan. Bagi memperoleh satu hasil kajian yang baik, boleh dipercayai dan jaminan kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan pembolehubah yang hendak dikaji, metodologi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian. Metodologi penyelidikan memberi panduan dalam pelaksanaan serta cara pelaksanaan penyelidikan (Azizi Yahaya et al.2007). Bab ini akan menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk menyempurnakan kajian ini.

Bagi memastikan kajian dijalankan dengan lancar, suatu carta alir yang sistematik perlu diikuti. Rajah 3.1 menunjukkan carta alir yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3.1 Carta alir langkah kerja.

3.2 Paradigma Penyelidikan

Paradigma penyelidikan atau *philosophical worldviews* adalah cara pemahaman dan pemikiran yang menjadi dasar kepada pemilihan kaedah penyelidikan tertentu (Lincoln, Lynham, & Guba, 2011). Secara umumnya, dunia penyelidikan terbahagi pada dua kelompok utama yang memperjuangkan paradigma penyelidikan yang berbeza antara satu sama lain. Paradigma positivism telah mempelopori dunia penyelidikan bermula separuh pertama abad ke 20. Pada awal tahun 1950-an, muncul pula paradigma postpositivism yang bertujuan untuk memperbaiki isu-isu yang dihadapi oleh positivism. Semenjak tahun 1970-an, muncul alternatif bagi paradigma positivism/postpositivism yang dikenali dengan pelbagai istilah, antaranya yang paling terkenal adalah konstruktivism (Alise & Teddlie, 2010).

Perang paradigma atau disebut sebagai *paradigm wars* ini berpunca daripada perbezaan persoalan pokok iaitu isu-isu yang menyentuh soal objektiviti, subjektiviti, kebolehpercayaan, kesahan dan generalisasi sesuatu metodologi yang digunakan. Kedua-dua paradigma tersebut mempunyai pandangan dan pemahaman yang berbeza tentang fenomena sosial dan realiti kehidupan. Paradigma positivism berpihak pada metodologi kuantitatif manakala paradigma konstruktivism pula lebih terarah pada metodologi kualitatif. Jadual 3.1 menunjukkan andaian pradigma antara kuantitatif dan kualitatif.

Jadual 3.1

Andaian paradigma kuantitatif dan kualitatif

Andaian	Soalan	Kuantitatif	Kualitatif
Ontologi	Apakah bentuk realiti?	Realiti adalah objektif dan tunggal, terasing daripada penyelidik	Realiti adalah subjektif dan pelbagai seperti yang dilihat oleh subjek
Epistemologi	Apakah hubungan antara penyelidik dengan yang diselidik?	Penyelidik bebas daripada diselidiki	Penyelidik berinteraksi dengan yang diselidiki
Aksiologi	Apakah peranan nilai?	Bebas-nilai dan tidak bias	Nilai dan bias tidak dapat dipisahkan
Retorika	Apakah bahasa penyelidikan?	Formal Berdasarkan set definisi-definisi Bahasa yang tidak personal	Tidak formal Definisi dan tema yang berkembang Bahasa personal
Metodologi	Apakah proses penyelidikan?	Proses deduktif Kesan dan akibat Rekabentuk statik – kategori dibentuk sebelum kajian Bebas konteks Generalisasi menuju kepada ramalan, penjelasan dan pemahaman Tepat dan boleh dipercayai melalui prosedur kesahan dan kebolehpercayaan	Proses induktif Pembentukan faktor-faktor secara serentak dan saling berkait Rekabentuk berkembang – kategori dikenal pasti semasa proses kajian Terikat dengan konteks Pola, teori dibentuk untuk pemahaman yang lebih jelas Tepat dan boleh dipercayai melalui prosedur verifikasi

Sumber: Creswell, (2007). Terjemahan diambil dari Othman Lebar, (2009) dan Zilal, (2015).

Namun begitu, pada awal tahun 90-an, wujud golongan yang mengambil pendirian menggabungkan kedua-dua metodologi tersebut dalam kajian-kajian yang dilakukan (Othman Lebar, 2009). Kemunculan paradigma pragmatism dilihat lebih bebas dan tidak terikat pada mana-mana sistem falsafah kerana ia lebih memfokuskan pada permasalahan dan persoalan kajian berbanding kaedah kajian yang digunakan (Creswell, 2007). Menurut Cherryholmes (1992) dan Murphy (1990), penyelidik pragmatis tidak melihat dunia sebagai perpaduan mutlak. Penyelidik yang menggunakan kaedah campuran (*mixed method*) melihat pada pelbagai pendekatan untuk mengumpul dan menganalisa data. Ringkasnya, pragmatism tidak menghadkan pada hanya satu-satu metodologi sama ada kuantitatif atau kualitatif.

Menurut R. B. Johnson dan Onwuegbuzie (2004), penggabungan dua pendekatan dalam sesebuah pengkajian mampu menyediakan dapatan dan rumusan kajian yang lebih kukuh. Kedua-dua pendekatan sama ada kuantitatif mahupun kualitatif dapat melengkapkan antara satu sama lain, dalam erti kata yang lain kedua-duanya mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Oleh yang demikian, perdebatan mengenai realiti atau kebenaran yang bersifat objektif atau subjektif, boleh diharmonikan melalui perspektif pragmatism dimana metode kajian tertentu dipilih berdasarkan persoalan kajian yang menjurus ke arah objektif kajian (Fatimawati, 2012).

Oleh yang demikian, berdasarkan definisi dan penjelasan mengenai paradigma, maka pengkaji telah memilih pendirian paradigma pragmatism dalam pemilihan metodologi penyelidikan bagi kajian ini. Bahagian berikutnya akan diuraikan pendekatan kajian yang bersesuaian dengan paradigma pragmatism yang dipilih.

3.3 Pendekatan Kajian

Keputusan untuk memihak kepada pragmatism membawa kepada pemilihan pendekatan penyelidikan kaedah gabungan (*mixed methods research*) antara pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Creswell dan Plano Clark (2007) mendefinisikan penyelidikan gabungan seperti berikut:

“Mixed methods research ... as a methodology, involves philosophical assumptions that guide the direction of the collection and analysis in the mixture of qualitative and quantitative approaches. As a method, it focuses on collecting, analyzing, and mixing both quantitative and qualitative data in a single study or series of studies.”


Kedudukan pragmatism membolehkan pendekatan penyelidikan yang berbeza diintegrasikan secara efektif berasaskan prinsip bahawa “pendekatan penyelidikan harus digabungkan untuk menjawab persoalan kajian” (R. B. Johnson & Onwuegbuzie, 2004). Pemilihan pendekatan kaedah gabungan adalah berdasarkan dua faktor iaitu: (i) untuk mencapai matlamat kajian, dan (ii) mengaplikasikan/menggunakan kekuatan dalam pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk menjawab persoalan kajian (Fatimawati 2012).

Dalam penyelidikan ini, untuk mencapai matlamat kajian memerlukan pendekatan yang berbeza. Matlamat utama kajian ini terbahagi pada dua iaitu (i) untuk meneroka pengalaman pengundi dalam membuat keputusan pengundian seterusnya (ii) untuk menganalisa tahap literasi dan mobilisasai pengundi serta implikasinya. Untuk mencapai dua matlamat kajian, pengkaji menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif secara rujukan silang atau cross reference untuk mendapatkan data yang kaya dan komprehensif.


3.4 Reka Bentuk kajian

Rekabentuk kajian ini ialah aplikasi kategori “cross-section” yang menggunakan data-data primer (data yang diperolehi langsung daripada responden) melalui soal selidik dan temuramah bersama pakar dan aktivis parti di kawasan kajian. Manakala bagi data sekunder, kajian perpustakaan dilakukan terhadap penulisan ilmiah, keratan akhbar, penerbitan kerajaan dan tulisan yang dimuatkan di dalam portal serta blog (Asri & Mohd 2013).

Borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu A, B, C dan D dengan penilaian mengikut tahap persetujuan, tahap keinginan dan tahap amalan berdasarkan skala likert 7 tanda. Rajah 3.2, 3.3 dan 3.4 menunjukkan skala likert yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3.2 Skala penilaian tahap persetujuan.



Rajah 3.3 Skala penilaian tahap literasi politik.

Tidak pernah			Kadang kala			Sentiasa/ selalu
←						→
1	2	3	4	5	6	7

Rajah 3.4 Skala penilaian tahap sokongan.

3.4.1 Kajian Rintis

Seterusnya Kajian Rintis dijalankan untuk menguji kesahan soal selidik dan kebolehpercayaan instrumen kajian (Creswell & Zhang, 2009). Seramai tiga puluh orang responden yang terdiri daripada mereka yang layak mengundi telah dipilih untuk menjawab soal selidik. Dapatan daripada kajian rintis ini menjadi asas kepada proses penambahbaikan soal selidik Daya Saing Politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu. Maklumbalas responden berkenaan tahap kejelasan soalan dan juga cadangan telah diambil kira untuk memantapkan item-item soal selidik bersama kumpulan fokus penyelidikan.

Analisis data Kajian Rintis telah dibuat dan dapatan kajian digunakan bersama kumpulan fokus untuk memperbaiki set soal selidik Kajian Rintis untuk Kajian Sebenar dengan memperbaiki dua perkara utama iaitu item kandungan dan item konstruk soal selidik. Set soal selidik dan temubual baru telah dihasilkan untuk pelaksanaan Kajian Panel Fasa 1.

Terdapat pelbagai definisi bagi rekabentuk kajian. Menurut Bhattacharjee (2012), rekabentuk kajian merupakan pelan komprehensif untuk mengumpulkan data dalam sesebuah penyelidikan empirikal. Ia adalah “*blueprint*” atau rangka tindakan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian tertentu atau untuk menguji hipotesis tertentu dan harus melalui sekurang-kurang tiga proses iaitu: (i) proses pengumpulan data, (ii) proses pembangunan instrumen kajian, dan (iii) proses persampelan. Berbeza pula dengan pandangan oleh Stephen Gorard (2013) yang menjelaskan bahawa rekabentuk kajian bukanlah sekadar penentuan metode pengumpulan data dan analisis

data. Menurutny lagi, rekabentuk kajian yang bersifat *rigor* tidak menentukan jenis data yang digunakan atau dikumpul. Suatu kajian yang baik harus menggunakan pelbagai jenis teknik pengumpulan data bagi memahami sesuatu permasalahan kajian (Gorard, 2013).

Jadual 3.2

Tipologi rekabentuk kajian kaedah gabungan

	Berturutan (<i>Sequential</i>)	Serentak (<i>Concurrent</i>)
Sama (<i>Equal</i>)	KUAL → KUANT	KUANT + KUAL
	KUANT → KUAL	KUAL + KUANT
Tidak sama (<i>Unequal</i>)	KUAL → kuant	KUAL + kuant
	kual → KUANT	kual + KUANT
	KUANT → kual	KUANT + kual
	kuant → KUAL	kuant + KUAL

*Nota: ‘kual’: kualitatif, ‘kuant’: kuantitatif, ‘+’ : serentak (*concurrent*), ‘→’: berturutan (*sequential*), huruf besar bermaksud lebih dominan, huruf kecil bermaksud kurang dominan.

Sumber: Creswell, (2014) dan diubahsuai dari Zilal, (2015).



Jadual 3.2 menunjukkan tipologi rekabentuk kajian kaedah gabungan sebagaimana yang dicadangkan oleh Creswell (2014). Dua keputusan utama yang harus ditentukan dalam pemilihan rekabentuk kaedah gabungan adalah: (a) sama ada penyelidik memilih paradigma yang lebih dominan atau tidak, dan (b) samada penyelidik ingin menjalankan kajian secara serentak atau berturutan. Namun, perkara yang paling penting dalam menentukan sesebuah kajian itu merupakan kajian kaedah gabungan adalah apabila dapatan kajian diintegrasikan pada aspek tertentu. Contohnya, fasa kualitatif dan kuantitatif dijalankan secara serentak, maka dapatan kajian harus diintegrasikan semasa penafsiran dapatan yang diperolehi (Johnson & Onwuegbuzie, 2004).

Kajian ini telah mengaplikasikan rekabentuk sama-berturutan (*equal-sequential*). Sebagaimana yang telah dihuraikan dalam bahagian 3.3 dalam bab ini, pendekatan kuantitatif adalah lebih dominan berbanding pendekatan kualitatif. Dari aspek masa pula, pengkaji memilih rekabentuk berturutan kerana fasa kuantitatif dilaksanakan terlebih dahulu berbanding fasa kualitatif (Zilal & Farahwahida, 2014).

Setelah mengambil kira tipologi rekabentuk kajian kaedah gabungan, pengkaji berpendirian bahawa rekabentuk yang paling sesuai dipilih bagi kajian ini adalah kajian lapangan. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kes yang bertujuan untuk memahami secara mendalam mengapa dan bagaimana pengundi mengundi sesebuah parti dan calon yang bertanding. Rasional pemilihan kajian kes sebagai rekabentuk kajian ini adalah ianya mendukung kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Di samping rekabentuk kajian panel, kajian ini turut mengaplikasikan teori *grounded* bagi menghasilkan rumusan dapatan kajian. Penjelasan lanjut bagi kajian panel dan teori *grounded* adalah dalam bahagian berikutnya.

3.5 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data diaplikasi dengan menepati keperluan persoalan dan objektif kajian untuk mendapatkan dapatan yang tepat bagi penghasilan data kuantitatif dan kualitatif yang bersesuaian.

3.5.1 Instrumen Kajian dan Pengukuran

Projek penyelidikan ini membangunkan soal selidik melalui perbincangan kumpulan fokus untuk mencapai definisi operasi yang tepat dan hasil dapatan yang relevan untuk menjawab setiap persoalan kajian. Instrumen soal selidik dan temubual digunakan untuk mendapatkan data kajian mengikut tiga fasa kajian panel (Klassen, Creswell, Plano Clark, Smith, & Meissner, 2012).

Kaedah pengukuran bagi soal selidik ialah Skala Likert dan pengaggaran grafik Network bagi temubual. Gabungan kedua-dua instrumen kajian dan kaedah pengukuran adalah perlu untuk mendapatkan hasil data dan analisis yang menjawab setiap persoalan kajian. Ketepatan instrumen dan pengukuran amat diperlukan dalam mendapatkan analisis kajian yang betul (Fetters, Curry, & Creswell, 2013).

Pengumpulan data dan prosedur adalah seperti berikut:

Pandangan kumpulan fokus penyelidikan telah diambil kira untuk menggubal soal selidik dan temubual untuk Kajian Rintis. Kumpulan fokus ini terdiri daripada pakar bidang Tingkahlaku Politik daripada beberapa universiti terpilih daripada seluruh negara. Setiap item dalam soalselidik dibangunkan atas keperluan menjawab setiap persoalan kajian (Drummond, 2006).

Seterusnya Kajian Rintis dijalankan untuk menguji kesahan soal selidik dan kebolehpercayaan instrumen kajian (Lupu & Stokes, 2009). Seramai tiga puluh orang responden yang terdiri daripada mereka yang layak mengundi telah dipilih untuk menjawab soal selidik. Dapatan daripada kajian rintis ini menjadi asas kepada proses penambahbaikan soal selidik Daya Saing Politik berteraskan Sistem Penyampaian

Bersepadu. Maklumbalas responden berkenaan tahap kejelasan soalan dan juga cadangan telah diambilkira untuk memantapkan item-item soal selidik bersama kumpulan fokus penyelidikan (Noradilah Md Nordin, 2010).

Analisis data Kajian Rintis telah dibuat dan dapatan kajian digunakan bersama kumpulan fokus untuk memperbaiki set soal selidik Kajian Rintis untuk Kajian Sebenar dengan memperbaiki dua perkara utama iaitu item kandungan dan item konstruk soal selidik. Set soal selidik dan temubual baru telah dihasilkan untuk pelaksanaan Kajian Panel Fasa 1.

Kajian Panel Fasa 1 telah dijalankan untuk mendapatkan data yang komprehensif melalui sesi panel yang menggunakan set soal selidik dan juga ruang untuk maklumbalas responden melibatkan dua puluh hingga tujuh puluh orang responden dengan bantuan enumerator bagi tiga belas buah negeri dan tiga wilayah persekutuan berjumlah tujuh ratus empat puluh lima responden. Setiap satu set soal selidik dua data diperoleh iaitu data soal selidik dan juga catatan langsung dalam bentuk maklumbalas yang direkodkan secara bertulis pada soal selidik berkenaan. Analisis data bagi Kajian Fasa 1 dilakukan untuk mendapatkan data asas bagi dua tujuan utama.

Pertama ialah pengumpulan data untuk merakam pola perubahan pilihan pengundi mengambil kira semua item yang tersenarai. Kedua menyemak semula item untuk tujuan pengukuhan item dan dapatan yang lebih mantap pada fasa kajian yang seterusnya. Keutamaan diberikan untuk memperkemaskan lagi faktor-faktor yang membawa kepada perubahan pilihan pengundi. Kumpulan fokus menyemak semula kesemua item-item yang ada dan mencadangkan pemansuhan item-item yang difikirkan kurang tepat untuk menjawab persoalan kajian. Proses penambahbaikan kepada soalselidik dengan bantuan kumpulan fokus kajian telah dibuat untuk menghasilkan soal selidik fasa yang seterusnya.

Kajian Panel Fasa 2 mengekalkan bilangan responden yang sama telah dilaksanakan untuk memperoleh data yang dikehendaki dengan mengulang proses yang dilakukan pada Kajian Panel Fasa 1. Sekali lagi dapatan kajian dijana untuk memperkemaskan lagi faktor-faktor yang membawa kepada perubahan pilihan

pengundi. Kumpulan fokus menyemak semula kesemua item-item yang ada dan mencadangkan pemansuhan item-item yang difikirkan kurang tepat untuk menjawab persoalan kajian. Set soal selidik untuk Kajian Panel Fasa 3 berbeza dengan kedua-dua fasa sebelumnya kerana dilaksanakan sepenuhnya dalam bentuk temubual. Penambahbaikan instrumen kajian dengan bantuan kepakaran kumpulan fokus kajian dibuat dengan soalan-soalan fokus kepada pilihan pengundi dalam pilihanraya.

Kajian Panel Fasa 3 telah dilaksanakan dengan pendekatan temubual sepenuhnya. Jumlah responden adalah terhad iaitu dua puluh hingga empat puluh orang responden untuk setiap negeri dan Wilayah Persekutuan dengan empat ratus lapan puluh responden berbanding kedua-dua fasa kajian panel sebelumnya untuk mendapatkan data yang memfokus kepada pilhan pengundi menjelang pilihanraya umum ketiga belas. Seterusnya gabungan data daripada ketiga-tiga kajian panel telah dibuat untuk mendapatkan dapatan terkumpul untuk menjawab persoalan kajian.

3.6 Teknik Analisis Data

Gay (1992) menyatakan analisis kebolehpercayaan adalah penting kerana dapat menilai skala kebolehpercayaan bagi cerapan yang diperolehi dan membantu dalam pembinaan skala pengukuran yang dipercayai serta memperbaiki skala pengukuran yang sedia ada. Sesuatu pengukuran dikatakan boleh dipercayai jika dapat memberi keputusan yang sama apabila digunakan berulang kali bagi perkara yang diukur.

Sepanjang kajian rintis dijalankan, responden juga diminta untuk memberi komen terhadap borang soal selidik bagi proses penambahbaikan. Cadangan dan jawapan yang diberikan kemudiannya telah dirujuk dan diberikan perhatian. Pendapat daripada rakan-rakan terhadap aspek-aspek dan struktur borang soal selidik juga diperolehi untuk penambahbaikan yang lebih sempurna sebelum diedarkan secara keseluruhannya.

Analisis kebolehpercayaan menggunakan nilai Alfa Cronbach telah digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan setiap soalan dalam borang soal selidik ini. Leafy et al. (2005) menyatakan, bagi menguji tahap kebolehpercayaan soalan, nilai Alfa Cronbach digunakan dan soalan yang nilai α melebihi 0.6 adalah boleh dipercayai serta

boleh digunakan dalam soal selidik. Ali dan Mohammad (2006) pula menyatakan nilai Alfa Cronbach telah digunakan untuk jangkaan kebolehpercayaan skala yang pelbagai dan nilai α melebihi 0.7 dipertimbangkan sebagai nilai kebolehpercayaan. Ini bermakna, atribut-atribut utama yang mempunyai nilai Alfa Cronbach melebihi 0.7 adalah signifikan untuk dikaji.

Data yang diperoleh dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kaedah yang paling sesuai untuk menganalisis data ialah analisis perihalan, ujian kebolehpercayaan, analisis jadual kontigensi, ujian hipotesis, ujian khi kuasa dua, analisis korelasi dan analisis skor min. Analisis data dijalankan dengan menggunakan pakej perisian statistik iaitu *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0 for Windows*.

3.6.1 Analisis Perihalan

Analisis perihalan merupakan pengukuran matematik yang menukarkan data mentah kepada data empirikal yang lebih mudah difahami. Bagi melihat sifat-sifat demografi dan mengetahui atribut mana yang mempunyai peratusan paling tinggi atau paling rendah, analisis kekerapan dan peratusan digunakan dalam kajian ini. Kekerapan dan peratusan juga dapat memantau bilangan responden dalam kajian ini dan menentukan sama ada bilangan responden cukup bagi meneruskan analisis yang lain.

Analisis perihalan dijalankan bagi memberi gambaran tentang latar belakang responden dari segi jantina, bangsa, agama, tahap pengamalan agama, umur, tahun pengajian, fakulti, tempat dibesarkan, pendapatan bulanan ibu bapa atau penjaga dan jenis aliran pendidikan sekolah menengah. Graf dan carta dapat mempersembahkan data dalam bentuk gambaran supaya perbandingan dapat dilihat.

3.6.2 Ujian kebolehpercayaan

Bagi memastikan data yang diperoleh adalah tepat dan mantap bagi tujuan analisis, ujian kebolehpercayaan dijalankan. Nilai Alfa Cronbach perlu diperoleh bagi mengukur tahap kebolehpercayaan dan kesesuaian hubungan antara atribut-atribut di bawah setiap faktor. Had nilai Alfa Cronbach adalah di antara 0 hingga 1, semakin tinggi nilai ini, semakin tinggi tahap kebolehpercayaan setiap soalan yang dikemukakan. Nilai Alfa Cronbach yang menghampiri 1.0 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Pekali dengan nilai tidak kurang daripada 0.70 adalah boleh diterima.

3.6.3 Analisis Jadual Kontigensi

Kaedah ini akan menganalisis kekerapan data melalui jadual persilangan antara dua jenis pembolehubah. Analisis jadual kontigensi digunakan untuk menguji hubungan antara dua jenis pembolehubah. Ujian ini sentiasa melibatkan jadual kontigensi dengan r baris dan c lajur yang dikenali sebagai jadual $r \times c$. Kekerapan sel, peratusan sel keseluruhan data, peratusan kekerapan sel terhadap baris dan lajur dapat dilihat dalam jadual kontigensi ini. Ujian hipotesis dan ujian khi kuasa dua dijalankan untuk menguji kebersandaran antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.

3.6.4 Analisis Korelasi

Ukuran yang telah diasingkan mengikut bahagian-bahagian terlibat kemudiannya dijalankan analisis korelasi. Analisis ini dilakukan di antara ukuran setiap bahagian dan berat individu. Ukuran setiap bahagian ini mengambil peranan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar manakala "*Weight*" (berat) adalah pemboleh ubah bersandar. Korelasi dalam bentuk persamaan adalah:


$$r = \pm \sqrt{r^2}$$

Dimana nilai negatif dan positif sesuatu korelasi ditentukan oleh nilai kecerunan persamaan tersebut. (Bowerman et al. 2005) Nilai korelasi tertakrif pada kedudukan diantara -1 dan 1. Nilai korelasi positif menunjukkan bahawa hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar adalah berkadar terus di mana peningkatan dalam nilai pemboleh ubah tidak bersandar dapat meningkatkan nilai pemboleh ubah bersandar. Sebaliknya pula bagi nilai korelasi yang negatif. Nilai ini menunjukkan bahawa hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar adalah berkadar songsang dimana peningkatan dalam nilai pemboleh ubah tidak bersandar menurunkan nilai pemboleh ubah bersandar.

Kekuatan sesuatu hubungan itu dilihat pada nilai korelasi yang diperolehi. Apabila nilai korelasi yang lebih besar daripada ± 0.7 , nilai korelasi tersebut dikatakan memberikan hubungan yang kuat terhadap pemboleh ubah bersandar. Ukuran dari setiap bahagian yang memberikan nilai korelasi yang paling tinggi terhadap berat akan dipilih bagi mewakili setiap bahagian sebagai pemboleh ubah tidak bersandar kepada berat.

3.6.5 Analisis ATLAS.ti

Ukuran yang telah diasingkan mengikut bahagian-bahagian terlibat kemudiannya dijalankan analisis korelasi. Analisis ini dilakukan di antara ukuran setiap bahagian dan berat individu. Ukuran setiap bahagian ini mengambil peranan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar manakala "*Weight*" (berat) adalah pembolehubah.



3.7 Kesimpulan

Metodologi kajian penting bagi menjawab segala objektif kajian dalam bab satu. Hasil analisis data dapat dilihat pada bab seterusnya iaitu analisis dan perbincangan. Metodologi kajian campuran yang digunakan dalam kajian ini telah dibincangkan untuk menjelaskan secara terperinci bagaimana gabungan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif diaplikasikan untuk mendapatkan dapatan kajian yang mantap untuk menjawab persoalan kajian. Setiap tajuk dalam bab ini menjelaskan bahawa rekabentuk, teknik pensampelan, instrumen kajian, pengumpulan data dan prosedur yang terlibat serta teknik analisis data mempunyai peranan dan kepentingan yang tertentu untuk mendapatkan data kajian yang tepat. Kajian rintis telah dilaksanakan sebelum kajian sebenar untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item kajian.



UMP

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menjawab permasalahan kajian bagaimana fenomena kerenggangan rakyat terhadap kerajaan berlaku berdasarkan kepada empat objektif kajian. Objektif kajian yang pertama ialah untuk mengkaji tahap literasi politik pengundi PRU-13 yang terjawab berdasarkan kemampuan menilai isu politik.

Kedua ialah menganalisa faktor penentu mobilisasi pengundi PRU-13 ditentukan oleh tujuh faktor. Seterusnya objektif yang ketiga ialah menganalisa implikasi di antara prestasi parti dan calon yang bertanding terhadap pola mobilisasi pengundi PRU-13 telah dibuktikan dengan penemuan lima elemen penilaian yang berkaitan. Akhir sekali objektif keempat ialah untuk membangunkan sebuah model mandat rakyat berdasarkan pola mobilisasi pengundi PRU-13 dibina dengan dapatan analisa data gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif.

Penemuan dapatan kajian longitudinal yang telah dijalankan ke atas 764 responden di seluruh Malaysia dibincangkan dengan mengetahui latar belakang responden, disusuli rangkuman tahap literasi pengundi, faktor penentu mobilisasi pengundi, tahap penilaian prestasi calon, tahap penilaian prestasi parti, isu ekonomi Malaysia, isu sosial, isu tadbir urus yang menunjukkan prestasi calon dan parti dalam menjunjung mandat rakyat.

4.2 Latar Belakang Responden

Kajian ini menggunakan tiga set data temu duga yang masing-masing dijalankan pada Mei 2012, Oktober 2012 dan April 2013. Data Mei 2012 mempunyai 660 data responden yang boleh diguna pakai, manakala data Oktober 2012 dan April 2013 mempunyai 670 dan 739 data responden yang boleh diguna pakai. Jadual 4.1, saiz sample setiap negeri menunjukkan bilangan responden yang diperolehi di setiap negeri. Selain itu, Jadual 4.2 menunjukkan sampel saiz bagi bangsa yang mana majoriti adalah melayu, diikuti Cina, Bumiputra lain (sabah, sarawak) dan india. Bagi kumpulan umur pula, Jadual 4.3 menunjukkan data merangkumi semua kumpulan umur dan setiap kumpulan umur mempunyai sekurang-kurangnya 30 sampel, kecuali data Kuala Lumpur dan Perlis pada bulan Oktober 2012 yang hanya mempunyai 7 dan 13 sampel. Akan tetapi, perkara ini tidak mempengaruhi keputusan keseluruhan. Sekiranya kajian menganalisa data berdasarkan KL atau Perlis, maka keputusan tersebut harus diterjemah berhati-hati. Mengikut teorem had memusat, sampel minimum 30 diperlukan supaya taburan menghampir taburan normal. Justeru, analisis dapat dijalankan pada tahap yang lebih mendalam contohnya pada tahap jantina, kumpulan umur, bangsa dan sebagainya.

The image shows a large, semi-transparent watermark of the UMPA logo. The logo is a shield-like shape divided into four quadrants by a white 'V' shape. The top-left and bottom-right quadrants are light blue, while the top-right and bottom-left quadrants are light purple. The letters 'UMPA' are written in white, bold, sans-serif font across the center of the shield.

UMPA

Jadual 4.1

Saiz sampel setiap negeri

Negeri	Mei 2012	Okt 2012	April 2013
Pahang	60	53	48
Sarawak	35	42	39
Johor	39	40	39
Perak	48	47	47
Kedah	35	43	42
Selangor	64	67	54
Melaka	33	92	164
Kuala Lumpur	42	7	42
Kelantan	42	62	46
Pulau Pinang	40	40	41
Terengganu	40	40	41
Putrajaya	36	32	26
Perlis	40	13	35
Negeri Sembilan	34	42	35
Sabah	46	50	40
Labuan	26		
Jumlah	660	670	739

UMP

Jadual 4.2

Sampel saiz bagi bangsa

Bangsa	Mei 2012		Okt 2012		April 2013	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Melayu	420	64	417	62	502	68
Cina	115	17	118	18	119	16
India	45	6.8	55	8.2	62	8.4
Bumiputra lain	80	12	80	12	56	7.6

Jadual 4.3

Sampel saiz bagi kumpulan umur

Umur	Mei 2012		Okt 2012		April 2013	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
21-30	254	39	236	35	234	32
31-40	162	25	151	23	201	27
41-50	132	20	135	20	153	21
51-60	82	12	101	15	107	15
61 ++	30	4.5	47	7	44	6

4.3 Orientasi Literasi dan Persepsi Politik

Dalam bahagian orientasi literasi politik, kajian melihat kepada beberapa aspek, iaitu taburan penggunaan sumber isu-isu politik, kelebihan media, kelemahan media, sumber pengaruh politik, dan keyakinan terhadap sumber berita. Berdasarkan orientasi politik yang dikenal pasti memberikan idea yang jelas bagaimana dan apakah sumber cakna politik pengundi sekaligus dapat memahami maklumat yang diterima sebelum sesuatu keputusan mengundi dibuat.

4.3.1 Sumber Isu-isu Politik

Menurut Syed Arabi Idid, isu merupakan faktor terpenting dalam sesebuah pilihan raya. Kejayaan dan kegagalan parti dan pemimpin dalam menanganai isu akan memberi impak kepada keputusan pilihan raya. Contohnya isu kenaikan harga barang pada PRU-12 telah menjadi modal utama pembangkang yang memberi impak besar kepada BN sehingga gagal mendapatkan dua pertiga majoriti undi di Parlimen. Kelemahan BN dalam menanganai isu berkenaan dengan efektif dan efisien perlu ditangani dengan mengambil langkah penyelesaian yang proaktif.

Antara langkah awal dan proaktif yang perlu diambil kira ialah apakah sumber maklumat politik bagi pengundi dalam menentukan orientasi dan persepsi mereka terhadap sesuatu isu. Di Malaysia terdapat tujuh sumber utama orientasi dan persepsi politik pengundi iaitu akhbar, radio, televisyen, blog, portal berita, laman web sosial dan juga sumber-sumber lain.

Jadual 4.4 menunjukkan taburan penggunaan sumber bagi isu-isu politik oleh pengundi. Pada Mei 2012, akhbar (50.1%) dan televisyen (26.2%) merupakan dua sumber isu-isu politik yang kerap digunakan responden, terutamanya akhbar. Menjelang Oktober 2012, didapati penggunaan akhbar (43.3%) dan televisyen (18.8%) telah berkurangan terutamanya televisyen. Kajian mendapati tren untuk memperolehi sumber isu-isu politik pengundi telah berubah kepada portal berita dan laman web sosial masing-masing dengan 10.1% dan 14.2%. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan pentingnya parti politik untuk menggunakan saluran atas talian sebagai jentera menyampaikan pengaruh mereka. Perubahan pilihan saluran yang konvensional seperti akhbar dan televisyen kepada yang lebih kontemporari dan terkini menunjukkan keperluan kepada penyediaan maklumat yang berterusan dan informatif dalam aliran sumber alternatif seperti laman web sosial dan portal.

Kepekaan pengundi terhadap sebarang isu serta mengikuti perkembangan isu berkenaan secara terus, telus, interaktif dan kritis memberikan peluang yang adil kepada kedua-dua pihak BN dan PR untuk menyediakan informasi terkini dan jelas dalam menangani sebarang isu yang berlegar. Pendekatan proaktif dan konsisten perlu dilakukan bukan sahaja semasa kempen dan musim pilihan raya. Penyediaan maklumat yang segar dan tepat perlu dipantau dan diselia sepanjang penggal pemerintahan.

Sebarang lompong dan ketirisan dalam menangani isu berdasarkan platform sumber isu politik di era informasi dan teknologi ini akan merugikan insiatif dan usaha yang digembeling oleh BN dan PR hanya disebabkan pengurusan informasi kepada sumber maklumat dan isu yang kurang berkesan.

Contohnya isu panas seperti kenaikan kos sara hidup yang tinggi akibat daripada kenaikan harga minyak perlu ditangani dengan segera kerana ia memberikan kesan kepada pengaruh, autoriti dan keabsahan kerajaan. Apabila pihak kerajaan lemah dalam menangani dan menjawab segala isu yang berkaitan dan lebih parah jika dikaitkan dengan imej dan integriti pemimpin beserta bukti yang disebarikan melalui media sosial akan memberi orientasi dan persepsi yang tidak baik kepada reputasi dan prestasi kerajaan secara keseluruhan.

Rekod reputasi dan prestasi yang kurang baik mempengaruhi mobilisasi pengundi dan cenderung untuk memilih parti dan calon yang dinilai sebagai lebih berimej bersih, berintegriti dan komited dalam menangani isu kenaikan harga barang tersebut. Paparan dalam media sosial dan blog politik yang menunjukkan salah laku dan gaya hidup pemimpin yang bercanggah dengan keperitan hidup rakyat memberikan impak kurang sihat yang perlu ditangani dan diambil iktibar.

Jadual 4.4

Sumber isu-isu politik responden Malaysia

Sumber Isu-isu Politik	% (Mei)	% (Okt)
Akhbar	50.1	43.3
Radio	0.7	0.6
Televisyen	26.2	18.8
Blog	6.8	10
Portal berita	4.1	10.1
Laman web sosial (Facebook, Twitter)	6.4	14.2
Lain-lain	5.8	3.1

Seterusnya, kajian mengenal pasti pola penggunaan media dalam memperoleh isu-isu politik bagi setiap bangsa seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.5. Berdasarkan Jadual 4.5, didapati media akhbar merupakan media politik yang terutamanya bagi etnik Cina dan India, dengan peratusan penggunaan antara kaum setinggi 56% dan 66%. Bagi bangsa Melayu pula, media akhbar (37%) dan media televisyen (24%) merupakan dua sumber isu-isu politik yang penting. Bagi bangsa Cina, laman web merupakan media sekunder bagi isu-isu politik, manakala televisyen merupakan media sekunder bagi bangsa India. Melihat kepada bangsa Melayu, media sekunder bagi isu-isu politik adalah blog (12%) dan laman web sosial (16%). Akhirnya, bagi bangsa lain-lain, didapati portal berita (36%) merupakan media utama bagi isu-isu politik, diikuti akhbar (25%), laman web sosial (15%) dan televisyen (14%).

Jadual 4.5

Sumber isu-isu politik mengikut bangsa

Sumber Isu-isu Politik	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Akhbar	37%	56%	66%	25%
Radio	1%	0%	0%	1%
Televisyen	24%	8%	21%	14%
Blog	12%	9%	6%	4%
Portal berita	9%	9%	0%	36%
Laman web sosial	16%	12%	4%	15%
Lain-lain	2%	6%	4%	5%

Kajian juga mengenal pasti perbezaan pilihan dan orientasi sumber isu-isu politik pengundi berdasarkan jantina dengan keputusan peratusan seperti dalam Jadual 4.6. Merujuk kepada Jadual 4.6, jelas bahawa pengundi lelaki lebih gemar menggunakan media akhbar (49%) dan blog (14%) berbanding dengan pengundi perempuan. Bagi pengundi perempuan pula, mereka lebih gemar menggunakan media televisyen (23%), portal berita (17%) dan laman web sosial (19%) berbanding dengan pengundi lelaki. Bagi tujuan menyampaikan isu-isu politik kepada pengundi lelaki dan perempuan secara berkesan, media akhbar, television dan laman web sosial harus dipertimbangkan sebagai sumber utama kerana gabungan ketiga-tiga jenis media tersebut menjamin isu-isu politik dapat mencapai sekurang-kurangnya 60% populasi pengundi lelaki dan perempuan.

Jadual 4.6

Sumber isu-isu politik mengikut jantina

Sumber Isu-isu Politik	Lelaki	Perempuan
Akhbar	49%	34%
Radio	1%	1%
Televisyen	16%	23%
Blog	14%	4%
Portal berita	6%	17%
Laman web sosial	11%	19%
Lain-lain	3%	3%

Selain itu, kajian juga berminat melihat kepada pola sumber isu-isu politik berdasarkan kumpulan umur pengundi. Jurang generasi yang berbeza kepada golongan belia dan bukan belia merangkumi generasi belia daripada kumpulan Gen Y dan Gen Z yang lebih cenderung dan celik IT berbanding generasi terdahulu iaitu Gen X memebrikan kesan kepada dapatan kajian.

Jadual 4.7 menunjukkan peratusan penggunaan media bagi memperolehi perkembangan isu-isu politik antara kumpulan umur pengundi. Berdasarkan jadual, didapati kadar penggunaan media akhbar meningkat dengan peningkatan kumpulan umur pengundi dari 26% (21-30 tahun) hingga ke 53% (> 60 tahun). Selain itu, didapati kadar penggunaan laman web sosial dalam memperolehi isu-isu politik menurun dengan peningkatan kumpulan umur pengundi dari 22% (21-30 tahun) ke 3% (> 60 tahun).

Strategi proaktif dengan menyediakan maklumat yang segar dan terkini dengan menyebar luaskan informasi melalui kesemua sumber dengan lebih berkesan dan seimbang dan tidak tertumpu kepada akhbar dan televisyen sahaja membantu BN dan PR untuk mendekati dan mencapai kesemua pengundi dengan lebih terarah dan responsif.

Keperluan kepada fungsi dua hala dan interaktif yang boleh dimanfaatkan di media sosial perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh BN dan PR. Keperluan dan kemudahan rakyat dan pengundi untuk berinteraksi dan mendapat maklum balas langsung daripada pemimpin dan calon parti sepanjang penggal pemerintahan adalah mustahak. Rentetan daripada interaksi maya membolehkan pertemuan dilanjutkan secara berhadapan mengikut keperluan. Sebagai contoh insiatif mesra rakyat Perdana Menteri Dato'Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak menarik golongan belia untuk mendekati dan berinteraksi melalui laman sosial facebook. Kemesraan interaksi di alam maya dilanjutkan kepada sesi bersarapan bersama PM. Ini merupakan pendekatan baru dalam budaya politik di Malaysia.

Justeru, keperluan kepada kepekaan sumber untuk mendekati golongan sasaran yang pelbagai dilihat penting untuk merapatkan jurang maklumat dan juga generasi yang lebih mapan, mesra dan luwes. Capaian maklumat mengikut generasi dan peringkat umur memberikan manfaat yang besar dalam mengimbangi persepsi serta justifikasi pengundian.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa pengundi generasi muda cenderung mengikuti perkembangan isu-isu politik melalui pakej pelbagai sumber media, manakala pengundi generasi tua lebih bergantung kepada sumber akhbar dan televisyen.

UMP

Jadual 4.7

Sumber isu-isu politik mengikut umur

Sumber Isu-isu Politik	21-30	31-40	41-50	51-60	> 60
Akhbar	26%	47%	49%	53%	59%
Radio	1%	0%	0%	1%	0%
Televisyen	22%	13%	19%	28%	13%
Blog	10%	12%	6%	8%	14%
Portal berita	17%	5%	14%	2%	7%
Laman web sosial	22%	22%	9%	1%	3%
Lain-lain	1%	2%	4%	8%	4%

Kajian menilai perbezaan penggunaan sumber media untuk memperolehi isu-isu politik berdasarkan kelas pendapatan pengundi seperti dalam Jadual 4.8. Berdasarkan jadual, kajian mendapati dengan peningkatan kelas pendapatan pengundi adalah seiring dengan penggunaan akhbar dan blog bagi tujuan perkembangan isu-isu politik. Kos kewangan yang lazimnya dikenakan untuk melayari internet untuk membaca akhbar di atas talian dan juga blog memerlukan kemampuan dari segi kewangan untuk membayar cas data penyedia data telekomunikasi dan talian internet.

Kemampuan kewangan yang berkait rapat dengan kelas pendapatan memberikan peluang dan ruang yang lebih mengikut tingkat pendapatan kewangan pengundi untuk mengikuti perkembangan semasa isu politik sealri dengan minat dan kemampuan kewangan yang ada. Sekaligus dapatan ini menunjukkan bahawa kadar kemampuan kewangan yang terhad memberi ruang dan pilihan yang terhad kepada golongan yang berpendapatan rendah walaupun minat untuk mengikuti isu dan perkembangan melalui atas talian masih sama.

Akses kepada kemudahan internet yang lebih baik dan dinamik memberikan kelebihan kepada golongan yang berpendapatan tinggi dan berkemampuan berbanding dengan golongan yang berpendapatan lebih rendah. Kemewahan dalam bentuk capaian internet membolehkan golongan berpendapatan lebih tinggi untuk lebih terdedah kepada perkembangan isu dan juga ruang untuk memberi maklum balas terhadap isu yang dibangkitkan dan begitulah sebaliknya. Ini turut menyumbang kepada tahap mobilisasi sokongan pengundi terhadap calon dan parti.

Maka apabila kajian mendapati peningkatan kelas pendapatan pengundi memberi kesan kepada berkurangnya penggunaan televisyen untuk tujuan perkembangan isu-isu politik adalah kesan langsung daripada ruang masa yang dimanfaatkan dengan sumber dari atas talian.

Jadual 4.8

Sumber isu-isu politik mengikut kelas pendapatan

Sumber Isu-isu Politik	Rendah	Sederhana	Tinggi
Akhbar	41%	46%	52%
Radio	1%	0%	0%
Televisyen	21%	14%	6%
Blog	7%	15%	21%
Portal berita	11%	10%	9%
Laman web sosial	15%	12%	14%
Lain-lain	4%	3%	0%

4.3.2 Kelebihan dan Kelemahan Media

Seterusnya, kajian menilai kelebihan dan kelemahan bagi kedua-dua media perdana dan media alternatif seperti yang tertera dalam jadual 4.9 dan Jadual 4.10 berdasarkan data Mei 2012. Keputusan menunjukkan bahawa kelebihan media perdana yang ketara adalah isu nasional (46.7%) dan mudah diperoleh (19.6%), manakala bagi kelebihan media alternatif, terdapat tujuh aspek, iaitu isu nasional (15.5%), fakta lebih tepat (13.6%), mudah diperoleh (10.4%), cepat, isu sebenar/ sensasi/ terkini (10.9%), lebih terbuka (12.1%) dan bebas bersuara (15.1%).

Bagi kelemahan media perdana dan alternatif pula, kajian mendapati tiga kelemahan utama media perdana adalah terlalu bias (37.7%), dikawal oleh kerajaan (32.3%) dan tidak menyeluruh (15.4%). Di samping itu, kajian mengenal pasti kelemahan media alternatif adalah terlalu bias (14.2%), dikawal oleh kerajaan (10.5%), tidak menyeluruh (15.8%), ketepatan sumber diragui (16.5%) dan edaran terhad (20.0%). Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa media alternatif mempunyai banyak kelebihan dan pada masa yang sama banyak kelemahan yang perlu di atasi.

Jadual 4.9

Kelebihan media perdana dan alternatif

Kelebihan Media	Media Perdana		Media Alternatif	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Isu nasional	7242262	46.7*	2354283	15.5*
Fakta lebih tepat	826918	5.3	2064145	13.6*
Mudah diperoleh	3046795	19.6*	1575267	10.4*
Saluran utama maklumat	1103830	7.1	645085	4.3
Cepat	709366	4.6	1508800	10.0*
Isu sebenar/sensasi/terkini	782377	5.0	1655373	10.9*
Lebih terbuka	339483	2.2	1840573	12.1*
Telus	96415	0.6	715008	4.7
Mudah diakses	1061978	6.8	508330	3.4
Tiada sekatan/bebas bersuara	300565	1.9	2289651	15.1*

Jadual 4.10


Kelemahan media perdana dan alternatif

Kelemahan Media	Media Perdana		Media Alternatif	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Terlalu 'bias'	5913414	37.7*	2126697	14.2*
Dikawal oleh kerajaan	5068035	32.3*	1571060	10.5*
Tidak telus	401856	2.6	560673	3.7
Tidak menyeluruh	2415993	15.4*	2371485	15.8*
Maklumat tidak benar	118439	0.8	875324	5.8
Ketepatan sumber diragui	376115	2.4	2471043	16.5*
Edaran terhad	359723	2.3	2996103	20.0*
Berat sebelah	383861	2.4	536776	3.6
Bersifat propaganda	417877	2.7	1027870	6.9
Khabar angin	231189	1.5	437590	2.9

4.3.3 Pengaruh Sumber Media Kempen

Di bahagian ini, kajian menilai tahap pengaruh sumber media kempen terhadap pandangan politik pengundi dengan menggunakan data April 2013.

Rajah 4.1 telah menunjukkan sumber media kempen politik yang mana responden merasakan akan dapat memengaruhi pandangan politik mereka. Berdasarkan rajah, jelas bahawa ceramah politik, surat khabar dan televisyen merupakan tiga sumber pengaruh politik bagi responden, masing-masing memperoleh lebih daripada 40% persetujuan (menjawab ya) daripada responden. Selain itu, kajian juga mendapati kempen media atas talian semakin berpengaruh terutamanya Facebook dan Blog yang sekitar 30% daripada responden menjawab ia dapat mempengaruhi pandangan politik mereka.



Rajah 4.1 Sumber media kempen dan pengaruh politik.

Seterusnya, kajian menilai kesan setiap sumber media dalam mempengaruhi pandangan politik bangsa-bangsa di Malaysia seperti dalam Jadual 4.11. Meneliti nilai-nilai peratus dalam jadual, kajian mendapati ceramah, surat khabar, televisyen dan facebook merupakan empat media yang banyak mempengaruhi bangsa melayu. Bagi bangsa cina pula, ceramah dan surat khabar merupakan dua media yang sangat mempengaruhi pandangan politik mereka. Akhirnya, media surat khabar dan televisyen didapati mempunyai kesan yang bererti terhadap bangsa india dan lain-lain.

UMP

Jadual 4.11

Pengaruh sumber media kempen mengikut bangsa

Sumber media	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Ceramah	51%	67%	26%	47%
Surat khabar	44%	59%	72%	72%
Televisyen	45%	37%	66%	65%
Kunjungan ke rumah	13%	9%	9%	15%
Youtube	21%	28%	22%	12%
Facebook	41%	30%	30%	25%
Twitter	5%	4%	5%	5%
Blog	32%	26%	23%	11%
Portal berita	17%	13%	4%	5%
Risalah/poster	7%	6%	11%	2%
Video cd	2%	0%	2%	0%
Radio	7%	6%	23%	18%

Jadual 4.12 memaparkan pengaruh sumber media kempen terhadap pandangan politik pengundi lelaki dan perempuan. Daripada jadual, didapati cara ceramah dan blog lebih berkesan terhadap pengundi lelaki berbanding dengan perempuan manakala kaedah surat khabar dan televisyen lebih berkesan ke atas pengundi perempuan berbanding dengan lelaki. Selain itu, didapati Facebook mempunyai kesan yang setanding terhadap pengundi lelaki dan perempuan dari segi pengaruhnya terhadap pandangan politik.

Jadual 4.12

Pengaruh sumber media kempen mengikut jantina

Sumber media	Lelaki	Perempuan
Ceramah	58%	44%
Surat khabar	48%	63%
Televisyen	40%	58%
Kunjungan ke rumah	8%	18%
Youtube	24%	19%
Facebook	35%	36%
Twitter	4%	5%
Blog	34%	17%
Portal berita	13%	14%
Risalah/poster	6%	7%
Video cd	1%	1%
Radio	8%	10%

Seterusnya, kajian menilai pengaruh media kempen terhadap pandangan politik pengundi dari kumpulan umur yang berlainan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.12. Berdasarkan jadual, didapati ceramah mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap pengundi lebih muda, daripada umur 21 ke 50 tahun. Bagi surat khabar pula, didapati ia lebih berpengaruh ke atas pengundi lebih tua, iaitu pengundi berumur 41 tahun dan ke atas. Televisyen pula didapati mempunyai pengaruh yang tinggi ke atas pandangan politik pengundi yang berumur 51 tahun dan ke atas.

Tambahan, kajian mendapat facebook hanya mempunyai pengaruh yang bererti ke atas golongan muda, iaitu mereka yang berumur 21 hingga 30 tahun. Selain itu, kajian mendapati terdapat tren menurun pengaruhnya bagi Youtube, Facebook dan Blog, yang mana semakin berusia pengundi tersebut, semakin kurang pengaruh ketiga-tiga media ini terhadap pandangan politik mereka.

Jadual 4.13

Pengaruh sumber media kempen mengikut umur

Sumber media	21-30	31-40	41-50	51-60	> 60
Ceramah	54%	56%	61%	41%	48%
Surat khabar	41%	47%	60%	71%	63%
Televisyen	40%	36%	49%	63%	57%
Kunjungan ke rumah	11%	13%	8%	14%	15%
Youtube	29%	32%	14%	13%	11%
Facebook	54%	38%	22%	24%	19%
Twitter	10%	7%	1%	0%	0%
Blog	32%	35%	25%	21%	15%
Portal berita	15%	10%	24%	13%	4%
Risalah/poster	7%	6%	10%	7%	0%
Video cd	0%	0%	2%	1%	4%
Radio	3%	2%	8%	11%	34%

Jadual 4.14 menunjukkan pengaruh media kempen terhadap kelas pendapatan pengundi. Berdasarkan jadual, didapati kaedah ceramah berkesan terhadap kelas rendah dan sederhana, kaedah surat khabar berkesan terhadap semua kelas pendapatan dan televisyen berkesan terhadap kelas rendah dan tinggi. Kajian juga mendapati bahawa kesan ceramah dan surat khabar menurun dengan peningkatan kelas pendapatan pengundi. Bermakna, lagi tinggi kelas pendapatan pengundi, lagi kurang pengaruh ceramah dan surat khabar terhadap pandangan politik pengundi.

Jadual 4.14

Pengaruh sumber media kempen mengikut kelas pendapatan

Sumber media	Rendah	Sederhana	Tinggi
Ceramah	54%	53%	43%
Surat khabar	56%	49%	49%
Televisyen	50%	39%	50%
Kunjungan ke rumah	12%	6%	19%
Youtube	20%	30%	26%
Facebook	35%	38%	30%
Twitter	5%	5%	0%
Blog	25%	31%	33%
Portal berita	10%	22%	16%
Risalah/poster	5%	9%	4%
Video cd	1%	1%	0%
Radio	10%	8%	3%

Selain itu, kajian melihat kepada keyakinan responden terhadap sumber berita daripada media-media seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14. Berdasarkan jadual, kajian mendapati pengundi menunjukkan keyakinan yang tertinggi pada Astro Awani (3.26), diikuti Malaysiakini (3.18), dan NTV7 (3.17). Menggunakan skala 1 – 5, sumber berita yang menunjukkan nilai min kurang daripada 3 adalah sumber berita yang kurang diyakin responden. Berdasarkan nilai min, sumber berita yang pengundi kurang yakin adalah Harian Metro, Utusan Malaysia dan Mysinchiew.com.

Jadual 4.15

Keyakinan terhadap sumber berita

Berita	Min	Median	Pangkat
TV3	3.08	3	5
TV1 & TV2 (RTM)	3.03	3	8.5
NTV 7	3.17	3	3
Astro Awani	3.26	3	1
Berita Harian	3.06	3	6
Utusan Malaysia	2.97	3	12
Harian Metro	2.98	3	11
The Star	3.13	3	4
Harakah	3.02	3	10
Malaysiakini	3.18	3	2
Malaysia Today	3.03	3	8.5
The Malaysian Insider	3.04	3	7
Mysin Chew.Com	2.85	3	13

*Skala 1 – 5, 1 = amat tidak yakin; 5 = amat yakin

4.4 Faktor Penentu Mobilisasi Pengundi

Bahagian ini mendapati terdapat tujuh elemen yang menjadi faktor penentu mobilisasi pengundi PRU-13. Antara faktor-faktor pengundian yang akan dibincangkan dalam bahagian ini termasuklah asas keputusan mengundi bagi pengundi (sama ada merujuk kepada parti atau calon yang dipertandingkan), jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan, dan pendapatan kasar. Pengaruh atau kesan faktor-faktor terhadap keputusan parti akan diuji menggunakan ujian statistik khi kuasa dua bagi menilai keertian impak tersebut.

4.4.1 Asas Keputusan Mengundi dan Pilihan Parti

Dipercayai bahawa asas keputusan mengundi seseorang pengundi dapat mempengaruhi pilihan partinya. Asas keputusan mengundi merujuk kepada cara pengundi membuat keputusan undi, sama ada berasaskan calon yang dipertandingkan atau berasaskan parti yang dipertandingkan. Kajian telah menjalankan analisis frekuensi dan peratus ke atas asas keputusan mengundi responden dan mendapati lebih kurang 55% pengundi berasaskan parti, manakala 45% yang selebihnya mengundi berasaskan calon.

Oleh itu, ia adalah penting bagi parti semasa memilih calon mereka kerana pengundi zaman sekarang sudah tidak hanya mengundi berdasarkan parti. Sebagai tambahan, menunjukkan asas keputusan pengundi mengundi berasaskan parti mengikut negeri. Berdasarkan jadual, didapati asas keputusan mengundi responden berasaskan parti telah bertambah secara signifikan dalam selang masa 6 bulan (Mei – Oktober) bagi negeri Pahang, Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Putrajaya dan Negeri Sembilan. Selain itu, kajian juga mendapati Kuala Lumpur dan Sabah merupakan dua kawasan yang pengundinya lebih berasaskan calon yang bertanding daripada menyokong parti.

Jadual 4.16

Asas keputusan mengundi responden Malaysia

	(%) Mei	(%) Okt
Parti	55.2%	57.4%
Calon	44.8%	42.6%
Jumlah	100%	100%

Jadual 4.17

Asas keputusan mengundi parti mengikut negeri

Negeri	(%) Mei	(%) Okt	Beza
Pahang	37%	63%	26%
Sarawak	48%	52%	4%
Johor	39%	68%	29%
Perak	79%	63%	-16%
Kedah	58%	64%	6%
Selangor	64%	63%	-1%
Melaka	70%	65%	-5%
Kuala Lumpur	29%	10%	-19%
Kelantan	65%	65%	0%
Pulau Pinang	50%	66%	16%
Terengganu	64%	86%	22%
Putrajaya	42%	54%	12%
Perlis	54%	53%	-1%
Negeri Sembilan	46%	82%	36%
Sabah	57%	20%	-37%
Labuan	54%		

Seterusnya, kajian telah menjalankan ujian khi kuasa dua bagi menentukan sama ada terdapat hubungan yang bererti antara asas keputusan mengundi dengan pilihan parti. Masing-masing menunjukkan keputusan ujian khi kuasa dua bagi data Mei 2012 dan Oktober 2012. Berdasarkan kedua-dua jadual, nilai khi kuasa dua adalah 38.552 ($p < 0.001$) dan 65.420 ($p < 0.001$).

Dengan nilai p yang kurang daripada aras signifikan 0.05, kajian menyimpulkan bahawa asas keputusan mengundi seseorang pengundi mempengaruhi pilihan parti. Meneliti nilai peratus dalam jadual, didapati pengundi yang mengundi berasaskan parti lebih cenderung memilih BN (50% dan 48%) berbanding dengan mereka yang berasaskan calon (44% dan 31%).

Tambahan pula, didapati juga bagi pengundi yang memilih berasaskan calon, kebanyakannya merupakan pengundi atas pagar (37% dan 50%) berbanding dengan pengundi berasaskan parti (17% dan 20%). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pengundi berasaskan calon lebih rasional kerana hampir separuh daripada kumpulan ini adalah pengundi atas pagar yang hanya akan memilih sesuatu parti itu setelah mengetahui siapa yang dicalonkan.

Jadual 4.18

Asas keputusan mengundi dan pilihan parti (Mei 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Parti	Count	173	112	58
	%	50%	33%	17%
Calon	Count	128	53	108
	%	44%	18%	37%

$X^2(2) = 38.552$, nilai $p < 0.001$

Jadual 4.19

Asas keputusan mengundi dan pilihan parti (Okt 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Parti	Count	190	128	78
	%	48%	32%	20%
Calon	Count	80	48	127
	%	31%	19%	50%

$X^2(2) = 65.420$, nilai $p < 0.001$

4.4.2 Waktu Membuat Keputusan dan Pilihan Parti

Seterusnya, kajian melihat kepada waktu keputusan undi bagi menentukan sama ada waktu pengundi membuat keputusan parti pilihan terdapat pengaruh terhadap parti pilihan mereka. Jadual 4.20 menunjukkan taburan waktu keputusan undi bagi responden (pengundi) menggunakan data April 2013. Untuk data Mei dan Oktober 2012, soalan ini tidak diukur. Berdasarkan jadual, didapati majoriti responden ataupun pengundi telah membuat keputusan untuk mengundi parti apa sebelum pembubaran parlimen (47.3%), diikuti selepas penamaan calon (23.4%), pada hari pengundian (15.4%) dan belum membuat keputusan (13.9%). Ujian khi kuasa dua telah dijalankan dan keputusan adalah seperti dipaparkan dalam Jadual 4.20 seperti di bawah.

Berdasarkan jadual, nilai khi kuasa dua adalah 16.922 dengan nilai $p < 0.010$, maka kajian menolak hipotesis nul dan menyimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara waktu keputusan undi dan pilihan parti bagi pengundi-pengundi Malaysia. Kajian mendapati pengundi yang membuat keputusan pada hari pengundian (66%) dan belum membuat keputusan (64%) mempunyai kecenderungan memilih BN berbanding dengan pengundi yang membuat keputusan sebelum pembubaran parlimen (52%) dan selepas penamaan calon (58%).

Jadual 4.20

Waktu keputusan undi

Waktu	Bilangan	Peratus
Sebelum pembubaran parlimen	7712118	47.3
Selepas penamaan calon	3805124	23.4
Pada hari pengundian	2514411	15.4
Belum buat keputusan	2264051	13.9

Jadual 4.21

Waktu keputusan undi dan pilihan parti

		BN	PR	Atas Pagar
Sebelum pembubaran parlimen	Count	182	128	37
	%	52%	37%	11%
Selepas penamaan calon	Count	96	47	23
	%	58%	28%	14%
Pada hari pengundian	Count	85	31	12
	%	66%	24%	9%
Belum buat keputusan	Count	56	17	14
	%	64%	20%	16%

$X^2(6) = 16.922$, nilai $p = 0.010$

4.4.3 Faktor Bangsa dan Pilihan Parti

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum atau bangsa, sudah tentunya pandangan politiknya berbeza antara bangsa-bangsa. Ujian khi kuasa dua telah dijalankan bagi menentukan hubungan antara bangsa dengan pilihan parti mereka dan keputusan dipaparkan seperti dalam Jadual 4.21 dan Jadual 4.22. Berdasarkan jadual, nilai khi kuasa dua 62.956 ($p < 0.001$) dan 36.026 ($p < 0.001$) dengan nilai p rendah daripada aras signifikan 0.05, maka kajian menyimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara bangsa pengundi dengan pilihan parti.

Bagi data Mei 2012, kajian mendapati bahawa pengundi bangsa melayu, india dan bumiputra lain (Sabah dan Sarawak) lebih cenderung memilih parti BN (53%, 51% dan 54%), manakala bangsa cina lebih cenderung memilih parti PR (29%) dan majoriti bangsa cina merupakan pengundi atas pagar (50%). Akan tetapi, selepas 6 bulan (data Oktober 2012), kajian mendapati secara umumnya terdapat kecenderungan memilih BN dalam bangsa melayu, india dan bumiputra (Sabah dan Sarawak) telah berkurangan menjadi 48%, 47% dan 30%.

Dengan meneliti angka dalam jadual, kajian mendapati pengundi yang dulunya pro BN telah menjadi pengundi atas pagar dengan bangsa melayu meningkat daripada 19% ke 25%, bangsa india meningkat dari 23% ke 35% dan bumiputra lain meningkat dari 37% ke 44%. Justeru, dapatan kajian membuktikan bahawa bangsa mempunyai pengaruh yang signifikan dalam parti pilihan pengundi dan harus diberi perhatian. Keputusan juga menunjukkan parti BN menghadapi pengundi yang semakin berkurangan dalam melayu, india dan bumiputra lain.

Jadual 4.22

Bangsa dan pilihan parti (Mei 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Melayu	Count	217	116	78
	%	53%	28%	19%
Cina	Count	24	32	56
	%	21%	29%	50%
India	Count	22	11	10
	%	51%	26%	23%
Bumiputra lain	Count	40	7	27
	%	54%	10%	37%

$X^2(6) = 62.956$, nilai $p < 0.001$

UMP

Jadual 4.23

Bangsa dan pilihan parti (Okt 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Melayu	Count	199	113	105
	%	48%	27%	25%
Cina	Count	28	34	56
	%	24%	29%	48%
India	Count	26	10	19
	%	47%	18%	35%
Bumiputra lain	Count	24	21	35
	%	30%	26%	44%

$X^2(6) = 36.026$, nilai $p < 0.001$

4.4.4 Faktor Jantina dan Pilihan Parti

Dalam bahagian ini, kajian menguji pengaruh jantina pengundi terhadap pilihan parti mereka. Ujian khi kuasa dua telah dijalankan dan seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.24 **Error! Reference source not found.** dan Jadual 4.25 masing-masing bagi data Mei 012 dan Oktober 2012. Berdasarkan jadual, nilai khi kuasa dua 19.599 ($p < 0.001$) dan 41.175 ($p < 0.001$) pada kedua-dua set data menunjukkan nilai p yang lebih rendah daripada aras signifikan 0.05. Justeru, kajian menyimpulkan bahawa terdapat pengaruh jantina terhadap pilihan parti seseorang pengundi itu. Meneliti nilai-nilai dalam jadual, kajian mendapati data pada Mei 2012 menunjukkan pengundi perempuan lebih cenderung memilih BN (54%) berbanding dengan lelaki (43%), manakala data pada Oktober 2012, corak pengundi lelaki kekal sama, tetapi pengundi wanita kebanyakan telah bertukar menjadi pengundi atas pagar. Perkara ini menunjukkan bahawa jantina pengundi merupakan faktor penting dalam pilihan parti di mana, pada masa kini, lelaki lebih cenderung memilih BN (43%) berbanding dengan perempuan (40%). Pada masa yang sama, keputusan pada dua masa yang berbeza juga telah membuktikan bahawa pengundi perempuan lebih senang dimanipulasi pandangan mereka berbanding dengan pengundi lelaki.

Jadual 4.24

Jantina dan pilihan parti (Mei 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Lelaki	Count	170	126	98
	%	43%	32%	25%
Perempuan	Count	130	40	72
	%	54%	17%	30%

$X^2(2) = 18.599$, nilai $p < 0.001$

Jadual 4.25

Jantina dan pilihan parti (Okt 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Lelaki	Count	168	133	94
	%	43%	34%	24%
Perempuan	Count	108	43	121
	%	40%	16%	45%

$X^2(2) = 41.175$, nilai $p < 0.001$

UMP

4.4.5 Faktor Umur dan Pilihan Parti

Bahagian ini ingin merungkaikan hubungan antara umur pengundi dengan pilihan politik dengan menggunakan ujian khi kuasa dua. Dua set data telah diguna pakai, di mana Jadual 4.26 menunjukkan keputusan data Mei 2012 dan menunjukkan data Oktober 2012. Merujuk Jadual 4.28 nilai khi kuasa dua 8.045 dan nilai p yang rendah daripada aras signifikan 0.05 menunjukkan bahawa tiada hubunga antara kumpulan umur dengan pilihan parti pada Mei 2012. Akan tetapi, pada Oktober 2012, ujian khi kuasa dua bernilai 36.564 dengan nilai $p < 0.001$ menunjukkan bahawa 6 bulan selepas pilihan raya, terdapat perbezaan pemikiran pilihan parti pada pengundi dari segi kumpulan umur. Berdasarkan Jadual 4.26 golongan muda menjadi kurang menyokong parti BN, terutamanya 21-30 tahun, dengan BN (42%) dan atas pagar (43%).

Jadual 4.26

Kumpulan umur dan pilihan parti (Mei 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
21-30	Count	103	71	73
	%	42%	29%	30%
31-40	Count	80	40	38
	%	51%	25%	24%
41-50	Count	63	27	38
	%	49%	21%	30%
51-60	Count	41	21	16
	%	53%	27%	21%
61 dan ke atas	Count	16	7	6
	%	55%	24%	21%

$X^2(8) = 8.045$, nilai $p = 0.429$

Jadual 4.27

Kumpulan umur dan pilihan parti (Okt 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
21-30	Count	85	49	102
	%	36%	21%	43%
31-40	Count	61	43	47
	%	40%	29%	31%
41-50	Count	49	43	43
	%	36%	32%	32%
51-60	Count	55	29	17
	%	55%	29%	17%
61 dan ke atas	Count	27	14	6
	%	57%	30%	13%

$X^2(8) = 36.564$, nilai $p < 0.001$

4.4.6 Faktor Kelayakan Pendidikan dan Pilihan Parti

Kelayakan pendidikan ataupun perbezaan pengetahuan dipercayai melahirkan individu yang berpandangan berdikari dan berbeza, termasuk juga pandangan politik. Bahagian ini menguji hubungan faktor pendidikan dan pilihan parti bagi pengundi Malaysia. Jadual 4.28 dan

masing-masing menunjukkan keputusan ujian khi kuasa dua bagi data Mei 2012 dan Oktober 2012. Berdasarkan jadual, nilai khi kuasa dua bagi kedua-dua set data adalah 15.556 ($p = 0.049$) dan 40.480 ($p < 0.001$), menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan pengundi dengan pilihan parti mereka pada aras signifikan 0.05. Merujuk kepada jadual, tidak sukar untuk mengenal pasti bahawa semakin tinggi tahap pendidikan, maka semakin rendah kecenderungan untuk memilih parti BN. Perkara ini menjadi ketara pada data Oktober 2012 di mana 25% daripada sarjana muda memilih BN dan 35% sarjana dan ke atas memilih BN berbanding dengan data Mei 2012, iaitu 39% sarjana muda dan 39% sarjana dan ke atas memilih parti BN.

Jadual 4.28

Kelayakan pendidikan dan pilihan parti (Mei 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Sijil	Count	123	44	50
	%	57%	20%	23%
Diploma	Count	56	33	27
	%	48%	28%	23%
Sarjana muda	Count	68	49	56
	%	39%	28%	32%
Sarjana dan ke atas	Count	23	19	17
	%	39%	32%	29%
Lain-lain	Count	30	19	19
	%	44%	28%	28%

$X^2(8) = 15.556$, nilai $p = 0.049$

Jadual 4.29

Kelayakan pendidikan dan pilihan parti (Okt 2012)

		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Sijil	Count	108	64	56
	%	47%	28%	25%
Diploma	Count	55	24	31
	%	50%	22%	28%
Sarjana muda	Count	49	49	90
	%	26%	26%	48%
Sarjana dan ke atas	Count	20	17	20
	%	35%	30%	35%
Lain-lain	Count	39	19	16
	%	53%	26%	22%

$X^2(8) = 40.480$, nilai $p < 0.001$

4.4.7 Faktor Pendapatan dan Pilihan Parti

Bahagian ini bertujuan menguji pengaruh pendapatan pengundi terhadap pilihan parti mereka. Ujian khi kuasa dua telah dijalankan dan keputusan adalah seperti dipaparkan dalam Jadual 4.30 dan Jadual 4.31. Melihat kepada jadual, didapati kedua-dua nilai khi kuasa dua, iaitu 5.206 ($p = 0.267$) dan 5.242 ($p = 0.263$) mempunyai nilai p yang tinggi daripada aras signifikan 0.05, maka kajian menyimpulkan bahawa faktor pendapatan tidak mempengaruhi pilihan parti pengundi Malaysia.

Jadual 4.30

Kumpulan pendapatan dan pilihan parti (Mei 2012)

Pendapatan		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Rendah	Count	215	101	116
	%	50%	23%	27%
Sederhana	Count	57	41	36
	%	43%	31%	27%
Tinggi	Count	12	11	7
	%	40%	37%	23%

$X^2(4) = 5.206$, nilai $p = 0.267$

Jadual 4.31

Kumpulan pendapatan dan pilihan parti (Okt 2012)

Pendapatan		Pro BN	Pro PR	Atas Pagar
Rendah	Count	187	114	150
	%	42%	25%	33%
Sederhana	Count	60	50	44
	%	39%	33%	29%
Tinggi	Count	17	6	9
	%	53%	19%	28%

$X^2(4) = 5.242$, nilai $p = 0.263$

4.5 Tahap Penilaian Prestasi Calon

Bahagian ini menilai tahap prestasi calon atau tokoh-tokoh politik. Jadual 4.32 menunjukkan nilai min bagi tokoh-tokoh politik yang disukai pengundi. Berdasarkan jadual, didapati Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak adalah tokoh politik yang paling digemari pengundi, diikuti Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Dato' Seri Abd. Hadi Awang dan Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yasin pada Mei 2012. Data Oktober 2012 menunjukkan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak kekal sebagai tokoh yang paling digemari diikuti Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yasin dan Dato' Seri Abd. Hadi Awang. Antara tokoh-tokoh yang digemari, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak adalah tokoh yang mengalami penurunan min skor yang paling minima 0.08, manakala Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yasin menunjukkan perkembangan tahap kesukaan responden.

Jadual 4.32


Tokoh-tokoh yang disukai

Tokoh-tokoh	Mei (2012)		Okt (2012)	
	Min	Pangkat	Min	Pangkat
Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak	5.84	1	5.76	1
Dato' Seri Anwar Ibrahim	4.30	6	4.04	5
Dato' Seri Abd. Hadi Awang	5.14	3	4.75	4
Lim Guan Eng	4.35	5	3.96	6
Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat	5.80	2	5.40	2
Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yasin	5.13	4	5.26	3
Datuk Seri K.G Palanivel	3.59	7	-	-
Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek	3.49	8	-	-

*Skala 0 – 10, 0 = amat tidak setuju; 10 = amat setuju

Seterusnya, kajian membandingkan kedua-dua pemimpin parti BN dan PR dari segi ciri-ciri kepimpinan mereka. Antara ciri-ciri kepimpinan adalah berwawasan, tunai janji, amanah/ integriti, ada prinsip, tidak sombong, tepat dan tegas dalam membuat keputusan, berkebolehan, peka dengan kehendak rakyat, ada amalan agama, kerja berpasukan dan kebertanggungjawaban seperti yang dipaparkan dalam

Berdasarkan rajah, didapati secara umumnya, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang lebih tinggi daripada Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang mana semua skor ciri-ciri Dato' Seri Anwar Ibrahim lebih rendah daripada Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bagi kedua-dua jangka masa, Mei dan Oktober 2012.



*Skala 0 – 5, 0 = amat tidak setuju; 5 = amat setuju

Rajah 4.2 Ciri-ciri kepimpinan ketua parti

4.6 Tahap Penilaian Prestasi Parti


Bahagian ini bertujuan menilai tahap prestasi parti politik.

Ini menunjukkan perkara-perkara yang dilakukan parti politik, sama ada BN atau PR yang membuat rakyat rasa benci. Berdasarkan rajah, perkara utama yang membuat rakyat benci pada BN adalah kes rasuah dan kes amalan kroni.

Bagi parti PR pula, perkara yang membuat rakyat benci pada PR adalah kes tidak tunai janji. Kemudian, kajian menilai perkara-perkara yang BN memperolehi skor benci yang lebih rendah daripada PR adalah tidak tunai janji, tidak amanah, utamakan keluarga, jarang turun padang, perkauman, lupa diri dan tidak mesra rakyat.

Seterusnya, kajian menilai prestasi parti-parti politik selepas hampir setahun BN mentadbir kerajaan pusat (data April 2013). Jadual 4.33 menunjukkan tahap keyakinan pengundi terhadap parti-parti politik dalam menjalankan tugas. Berdasarkan jadual, didapati selepas 1 tahun BN mentadbir, pengundi merasakan PR lebih memahami kehendak rakyat (51.8%), manifesto parti lebih baik untuk masa depan negara (53.9%), priharin terhadap masalah rakyat (52.9%), memberi peluang kepada calon pemimpin muda (52.3%), mengemukakan calon yang berintegriti (64.1%), menggukan cara yang betul semasa berkempen (61.4%) dan menunjukkan semangat kerjasama antara kaum ketika berkempen (54.4%).

Bagi BN pula, pengundi merasa BN dapat mentadbir kerajaan pusat dengan lebih baik pada 5 tahun akan datang (51.6%), menepati janji (54.3%) dan berkesan dalam menjalankan aktiviti kempen (50.3%). Secara umumnya, selepas setahun mentadbir, parti PR diberi lebih harapan oleh pengundi berbanding dengan BN.



Rajah 4.3 Perkara yang membuat rakyat benci parti (Okt 2012).



Jadual 4.33

Prestasi parti selepas setahun mentadbir (April 2013)

Isu-isu	BN (%)	PR (%)
Mentadbir kerajaan pusat dengan lebih baik (5 tahun akan datang)	51.6	48.4
Memahami kehendak rakyat	48.2	51.8
Menepati janji	54.3	45.7
Manifesto parti lebih baik untuk masa depan negara	46.1	53.9
Prihatin terhadap masalah rakyat	47.1	52.9
Memberi peluang kepada calon pemimpin muda	47.7	52.3
Mengemukakan calon yang tidak berintegriti (rasuah/skandal/salah guna kuasa)	64.1	35.9
Menunjukkan semangat kerjasama antara kaum ketika berkempen	45.6	54.4
Berkesan dalam menjalankan aktiviti kempen	50.3	49.7
Menggunakan cara kotor semasa berkempen di kawasan anda	61.4	38.6

4.7 Tahap Penilaian Prestasi Ekonomi

Ekonomi sesebuah negara adalah penting kerana ia sangat berkait rapat dengan hidupan harian rakyat. Bahagian ini menilai prestasi ekonomi negara dengan menggunakan nilai min seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.34. Secara umumnya, nilai min bagi semua prospek ekonomi adalah lebih besar daripada 3, menunjukkan bahawa keadaan ekonomi masih baik lagi sempena tahun 2012. Akan tetapi, kajian mendapati min skor bagi prospek ekonomi telah menurun bagi semua aspek daripada Mei 2012 ke Oktober 2012.

Perkara ini menunjukkan bahawa pandangan rakyat terhadap keadaan ekonomi sedang menurun, secara tidak langsung menunjukkan kemerosotan ekonomi negara. Kajian juga mendapati rakyat Malaysia berfikir positif kerana nilai min skor bagi prospek ekonomi tahun hadapan kesemuanya lebih tinggi daripada min skor prospek ekonomi tahun ini.

Jadual 4.34

Penilaian prestasi ekonomi

Isu-isu	Min (Mei)	Min (Okt)
Keadaan ekonomi negara tahun ini lebih baik daripada tahun lepas	3.30	3.16
Keadaan ekonomi keluarga saya tahun ini lebih baik daripada tahun lepas	3.46	3.24
Prospek ekonomi negara pada tahun hadapan dijangka lebih baik	3.39	3.28
Prospek ekonomi keluarga saya pada tahun hadapan dijangka lebih baik	3.59	3.36

*Skala 1 – 5, 1 = amat tidak setuju; 5 = amat setuju

4.8 Tahap Penilaian Isu-Isu Sosial

Bahagian ini menguji dan menilai keyakinan parti-parti politik dalam menyelesaikan isu-isu sosial negara. Secara umumnya, tidak sukar mengenal pasti bahawa para responden atau pengundi lebih yakin dengan BN untuk menyelesaikan isu-isu sosial negara, dibukti dengan nilai peratus BN yang lebih tinggi daripada PR bagi kesemua isu-isu sosial.

Jadual 4.35 Keyakinan menyelesaikan isu-isu sosial

Isu-isu	Mei 2012			Okt 2012		
	BN	PR	Tak Tahu	BN	PR	Tak Tahu
Masalah mental	39.8	17.3	42.9	42.4	19.5	38.1
Bunuh diri	38.5	17.9	43.6			
Kemiskinan	57.0	26.3	16.7	38.8	23.3	37.9
Pembuangan bayi	42.8	23.4	33.8	42.9	24.7	32.4
Penagihan dadah	47.1	20.1	32.7	45.1	23.0	31.9
Pelacuran	42.1	22.2	35.7	42.6	24.4	33.0
Penceraian	40.6	19.6	39.8	40.4	22.3	37.3
Samseng jalan raya	46.4	20.0	33.6	43.3	23.4	33.3
Pendatang tanpa izin	51.2	24.7	24.1	47.7	25.4	26.9

4.9 Tahap Penilaian Prestasi Isu-Isu Tadbir Urus Kerajaan

Bahagian ini memberi tumpuan kepada isu-isu tadbir urus kerajaan, iaitu BN bagi melihat perkara apa yang boleh diperbaiki dan perkara apa yang disukai pengundi. Jadual 4.35 menunjukkan nilai-nilai min isu-isu tadbir urus kerajaan bagi kedua-dua jangka masa, Mei 2012 dan Oktober 2012.

Antara perkara yang tidak disukai pengundi adalah kenaikan harga, kadar jenayah, kepercayaan polis, kadar rasuah dan berkesan menangani isu BERSIH 3.0, masing-masing dengan nilai min yang lebih rendah daripada 3. Tambahan nilai min bagi kenaikan harga, kadar jenayah dan kepercayaan polis menurun lagi menjelang Oktober 2012, manakala terdapat peningkatan dari segi kadar rasuah.

Kerajaan dipuji dalam isu-isu seperti meningkatkan kualiti pengangkutan awam, menyediakan infrastruktur luar bandar, meringankan beban kos hidup dengan BR1M, pencapaian akademik rakyat, kebajikan pelajar, meringankan beban kos hidup dengan KR1M, hubungan antara kaum dan agama, pilihan raya adil oleh SPR, peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan rakyat dan meringankan beban kos hidup dengan Klinik 1 Malaysia, masing-masing dengan nilai min persetujuan melebihi 3.

Antara perkara tadbir urus kerajaan yang mendapat persetujuan tinggi daripada pengundi, KR1M merupakan satu-satunya yang mendapat peningkatan skor min dari Mei ke Oktober 2012, secara tidak langsung menunjukkan keberkesanan KR1M dalam meringankan beban kos hidup rakyat.



UMP

Jadual 4.36

Prestasi isu-isu tadbir urus

Perkara	Min (Mei 2012)	Min (Okt 2012)
Kenaikan harga	2.99	2.86
Kadar jenayah	2.94	2.82
Kepercayaan polis	2.95	2.89
Kadar rasuah	2.65	2.90
Kualiti pengangkutan awam	3.22	3.14
Infrastruktur luar bandar	3.32	3.25
Meringankan beban (BR1M)	3.36	3.31
Pencapaian akademik	3.36	TR
Masalah pendatang tanpa izin	2.89	TR
Kebajikan pelajar	3.60	TR
Meringankan beban (KR1M)	3.42	3.47
Hubungan antara kaum dan agama	3.20	TR
Pilihan raya adil (SPR)	TR	3.10
Berkesan menangani isu BERSIH 3.0	TR	2.83
Peluang pekerjaan	TR	3.07
Meningkatkan pendapatan rakyat	TR	3.10
Meringankan beban (Klinik 1Malaysia)	TR	3.59

*Skala 1 – 5, 1 = sangat tidak setuju; 5 = sangat setuju TR=Tiada Rekod

4.10 Pembangunan Model Kajian

Penemuan kajian longitudinal yang dijalankan selama dua tahun ialah terhasilnya sebuah model yang menjelaskan mengapa fenomena kerenggangan rakyat dengan kerajaan berlaku.


Terdapat tiga fasa yang membawa kepada penghasilan Model Mandat Rakyat. Fasa tersebut ialah Pembangunan Teori Grounded, Pembangunan Model Berdasarkan Kerangka IPO dan Penghasilan Model Mandat Rakyat.

4.10.1 Pembangunan Teori Grounded

Fasa yang pertama ialah Pembangunan Teori Grounded. *Grounded theory* dikembangkan dari hasil kerja Glaser dan Strauss pada tahun 1967. Penyelidik cuba menghasilkan teori dari maklumat yang diperolehi dari partisipan. Kajian ini sering dijalankan bagi mendapatkan penjelasan secara konseptual atau teori terhadap sesuatu proses yang berlaku dalam masyarakat seperti gejala ponteng sekolah, isu pelanggaran disiplin malah kejayaan sekumpulan pelajar lelaki dalam kursus jahitan mengatasi pelajar perempuan.


Grounded theory dimulakan dengan meneliti dan membaca berulang kali transkrip partisipan dan cuba menemukan perkaitan antara variabel yang menjadi asas pembentuk teori yang “tertanam” (sebab itu dinamakan “grounded”) dalam transkrip tersebut secara induktif. 12. Maklumat dari data dianalisis melalui pengkodan sehingga kod-kod ini dapat dikategori dan menghasilkan sesuatu corak tingkah laku. Kod-kod ini dianalisis sebelum boleh dirumuskan sebagai satu „teori“ bagi mewakili sesuatu tingkah laku. Proses pengkodan yang lazim dilakukan melalui tiga peringkat iaitu pengkodan terbuka (*Open coding*), pengkodan aksial (*axial coding*) dan pengkodan terpilih (*selective coding*) terbuka, aksial dan terpilih.

Kajian menunjukkan wujud perubahan perilaku pengundi yang mencetuskan fenomena baru politik di Malaysia iaitu kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah yang mengubah rekod dominasi BN dalam pilihan raya umum bermula PRU-12 dan PRU-13. Proses kerenggangan ini memerlukan perhatian dan tindakan susulan serta perancangan yang berkaitan yang disarankan oleh pengkaji melalui dapatan kajian ini. Keupayaan pihak calon yang bertanding yang boleh diupayakan melalui sistem penyampaian politik bersepadu perlu diperkasakan samada untuk merapatkan semula fenomena kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah atau sebaliknya untuk meraih mandat bagi menjadi pemimpin serta menubuhkan kerajaan.




Rajah 4.4 Pembangunan teori groudted skema Azhar

Sumber: Zulkifli (2014) dan Zilal (2015)



Rajah 4.6 Nisbah teori groudted berbanding senarai draf terori groudted (sekitar satu pertiga)

Sumber Zulkifli (2014) dan Zilal (2015)




Rajah 4.6 Tahap Pembangunan Teori Grounded untuk Model Mandat Rakyat

4.10.2 Pembangunan Model Berdasarkan Kerangka IPO


Kajian menunjukkan wujud perubahan perilaku pengundi yang mencetuskan fenomena baru politik di Malaysia iaitu kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah yang mengubah rekod dominasi BN dalam pilihan raya umum bermula PRU-12 dan PRU-13. Proses kerenggangan ini memerlukan perhatian dan tindakan susulan serta perancangan yang berkaitan yang disarankan oleh pengkaji melalui dapatan kajian ini. Keupayaan pihak calon yang bertanding yang boleh diupayakan melalui sistem penyampaian politik bersepadu perlu diperkasakan samada untuk merapatkan semula fenomena kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah atau sebaliknya untuk meraih mandat bagi menjadi pemimpin serta menubuhkan kerajaan.

4.10.3 Penghasilan Model Mandat Rakyat

Model ini menunjukkan kitaran aktif dan proses rakyat membuat penilaian berterusan terhadap prestasi calon dan juga parti dalam tempoh penggal pemerintahan sesebuah kerajaan dan pemimpin. Kerangka IPO mewakili tiga item iaitu input, proses dan output adalah merujuk kepada kerangka standard yang digunakan dalam penilaian kualiti servis perkhidmatan merentasi bidang seperti kualiti servis bidang perubatan, teknologi maklumat, logistik dan juga pendidikan menggunakan pendekatan pengukuran ini.



Rajah 4.7 Grafik Network Atlas.ti menunjukkan proses triangulasi data kuantitatif dan kualitatif untuk menghasilkan Model Mandat Rakyat.



Rajah 4.8 Model Mandat Rakyat (MMR) ©

Jadual 4.37

Perincian bagaimana MMR berfungsi

Bil	Item dalam kerangka Ipo	Kod Warna & Justifikasi	Elemen	Deskripsi
1	Input	Merah: Asas Penilaian Prestasi Calon dan Parti	Hasrat Isu Polisi	Penjajaran: Rakyat Menjajar Janji/Manifesto Calon/Parti yang Menepati Citra Rakyat
2	Proses	Kuning: Pemantauan dan Penilaian Prestasi Calon dan Parti	Daya Saing Politik Sistem Penyampaian Politik Bersepadu	Penilaian: Rakyat Menilai Prestasi Calon/ Parti sepanjang Penggal Pemerintahan
3	Output	Hijau: Keputusan	Mengundi: Calon/Parti/Pakej Tidak Mengundi Atas Pagar	Pemilihan: Rakyat Memilih Calon/ Parti yang Komited, Kompeten & Konsisten Semasa Pilihan Raya

4.11 Rumusan

Kajian membuat analisis ke atas beberapa aspek, antaranya faktor mengundi, tahap literasi politik, tahap penilaian prestasi calon, tahap penilaian parti, tahap penilaian prestasi ekonomi negara, tahap penilaian isu-isu sosial dan tahap penilaian prestasi tadbir urus kerajaan.

Dalam faktor-faktor mengundi bagi parti politik, tujuh faktor telah dipertimbangkan, iaitu asas keputusan mengundi, waktu membuat keputusan, bangsa, jantina, umur, kelayangan pendidikan dan pendapatan. Sebagai tambahan, kajian

mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan parti seseorang pengundi adalah asas keputusan mengundi, waktu membuat keputusan, jantina, umur dan kelayakan akademik pengundi tersebut. Kajian mendapati bahawa, pengundi yang keputusan mengundinya berdasarkan parti lebih cenderung memilih BN berbanding dengan mereka yang berasaskan calon. Di samping itu, kajian juga mendapati pengundi yang membuat keputusan pada hari pengundian dan belum membuat keputusan mempunyai kecenderungan memilih BN berbanding dengan pengundi yang membuat keputusan sebelum pembubaran parlimen dan selepas penamaan calon. Bagi peranan bangsa pula, kajian mendapati pengundi bangsa melayu, india dan bumiputra lain (Sabah dan Sarawak) lebih cenderung memilih parti BN, manakala bangsa cina lebih cenderung memilih parti PR dan majoriti bangsa cina merupakan pengundi atas pagar. Sebagai tambahan, kajian mendapati Keputusan juga menunjukkan parti BN menghadapi pengundi yang semakin berkurangan dalam melayu, india dan bumiputra lain.

Bagi faktor jantina pula, kajian mendapati pengundi perempuan lebih cenderung dalam menukar pilihan parti mereka di mana ramai pengundi BN perempuan telah beralih ke pengundi atas pagar, manakala pilihan pengundi lelaki tidak banyak berubah. Bagi faktor umur, kumpulan umur tidak memainkan peranan penting dalam pilihan parti semasa Mei 2012 tetapi data Oktober 2012 menunjukkan kumpulan umur merupakan faktor pilihan parti di mana golongan muda lebih cenderung memilih PR. Perkara ini berkemungkinan disebabkan pendedahan golongan muda kepada isu-isu politik atas talian berbanding dengan golongan tua yang jarang menggunakan sumber media atas talian. Akhirnya, faktor kelayakan pendidikan telah menunjukkan corak pilihan parti di mana mereka yang berpendidikan tinggi lebih cenderung memilih pembangkang berbanding dengan mereka yang diploma dan sijil.

Dalam penilaian literasi politik pula, kajian mendapati majoriti masih menggunakan akhbar dan televisyen, tetapi dalam tren berkurangan dan tengah mengalih ke sumber atas talian terutamanya portal berita dan laman web sosial. Selain itu, tiga jenis sumber media kempen yang paling mempengaruhi pandangan politik pengundi adalah ceramah, surat khabar dan televisyen.

Pada masa yang sama pengaruh sumber atas talian juga tidak patut diperkecilkan terutamanya Facebook dan Blog yang tengah dalam trend meningkat. Dalam penilaian prestasi calon, kajian mendapati pengundi paling suka Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, diikuti Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Dato' Seri Abd. Hadi Awang dan Tan Sri Muhyiddin Mohd. Bagi penilaian ciri-ciri kepimpinan ketua parti BN dan PR pula, keputusan menunjukkan secara keseluruhannya, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang lebih tinggi berbanding dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Seterusnya, kajian menilai prestasi parti politik dan mendapati dua perkara yang membuat rakyat benci parti BN adalah kes rasuah dan amalan kroni manakala bagi parti PR pula, rakyat tidak suka perkara tidak tunai janji oleh PR. Bagi prestasi parti politik selepas setahun pilihan raya, parti PR diberi lebih harapan oleh pengundi berbanding dengan BN.

Kajian mendapati pengundi merasakan PR lebih memahami kehendak rakyat, manifesto parti lebih baik untuk masa depan negara, priharin terhadap masalah rakyat, memberi peluang kepada calon pemimpin muda, mengemukakan calon yang berintegriti, menggunakan cara yang betul semasa berkempen dan menunjukkan semangat kerjasama antara kaum ketika berkempen. Di sebaliknya, pengundi merasakan BN dapat mentadbir kerajaan pusat dengan lebih baik pada 5 tahun akan datang, menepati janji dan berkesan dalam menjalankan aktiviti kempen.

Bagi penilaian prospek ekonomi pula, kajian mendapati pada pandangan rakyat, ekonomi negara tengah merosot, tetapi rakyat masih berfikir positif bahawa keadaan akan bertambah baik tahun depan. Dalam penilaian isu-isu sosial, kajian mendapati secara keseluruhannya, rakyat lebih yakin dengan BN (kerajaan) dalam menyelesaikan isu-isu sosial di negara. Kajian juga menilai prestasi isu-isu tadbir urus kerajaan, iaitu BN dan mendapati bahawa tidak berpuas hati dengan kenaikan harga, kadar jenayah, kepercayaan polis, kadar rasuah dan berkesan menangani isu BERSIH 3.0.

Kerajaan dipuji bagi isu-isu seperti meningkatkan kualiti pengangkutan awam, menyediakan infrastruktur luar bandar, meringankan beban kos hidup dengan BR1M, pencapaian akademik rakyat, kebajikan pelajar, meringankan beban kos hidup dengan KR1M, hubungan antara kaum dan agama, pilihan raya adil oleh SPR, peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan rakyat dan meringankan beban kos hidup dengan mewujudkan Klinik 1 Malaysia.



UMP

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini memfokus kepada kesimpulan keseluruhan kajian dan cadangan. Perbincangan meliputi implikasi dan sumbangan kajian, cadangan penyelesaian bagi kajian lanjutan dan kesimpulan.

5.2 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian

Penemuan kajian longitudinal yang dijalankan selama dua tahun ialah terhasilnya sebuah model yang menjelaskan mengapa fenomena kerenggangan rakyat dengan kerajaan berlaku. Terdapat tiga fasa yang membawa kepada penghasilan Model Mandat Rakyat. Fasa tersebut ialah Pembangunan Teori Grounded, Pembangunan Model Berdasarkan Kerangka IPO dan Penghasilan Model Mandat Rakyat.

Tiga fasa telah diaplikasi untuk menghasilkan iaitu dengan mengikut prosedur dan langkah-langkah yang ditetapkan. Piawai yang perlu dipatuhi oleh Teori Grounded untuk menjana teori dan penghasilan model yang berpadanan dengan keperluan bidang Sains Politik dan Perilaku Pengundi telah diterapkan secara deduktif.

Penemuan kajian ini dapat menerangkan fenomena kerenggangan rakyat dengan kerajaan dengan menggabungkan dapatan realiti melalui instrumen kaji selidik dan temubual yang lebih komprehensif perinciannya. Triangulasi data kuantitatif dan kualitatif menyediakan asas yang kukuh dalam membangunkan model mengikut kerangka penyediaan perkhidmatan kualiti iaitu kerangka IPO.

Objektif kajian telah dapat dicapai dengan penemuan signifikan seperti ringkasan di bawah:

No	Objektif Kajian	Dapatan/ Indikator	Kesimpulan
1	Mengkaji orientasi literasi politik pengundi PRU-13	Sumber orientasi politik dapat dikenal pasti iaitu akhbar, radio, laman sosial dan blog	Inisiatif yang konsisten, interaktif, berintegriti, seimbang dan menyeluruh dalam menyediakan informasi yang sah kepada khalayak merentas generasi, tahap pendidikan dan ekonomi oleh, calon, pemimpin, parti dan kerajaan.
2	Menganalisa faktor penentu mobilisasi pengundi PRU-13	Faktor identifikasi dan literasi terhadap prestasi calon dan parti sepanjang penggal pemerintahan dicerap dan dipantau rakyat melalui kitaran aktif kerangka IPO,	Tiga item iaitu Daya Saing Politik, Sistem Penyampaian Politik Bersepadu serta Aras Pengaruh, Autoriti dan Keabsahan dinilai bandingkan antara calon dan parti daripada kerajaan dan pembangkang untuk menentukan yang paling berwibawa dalam menajalnkkan mandat rakyat.
3	Menganalisa implikasi di antara prestasi parti dan calon yang bertanding terhadap pola mobilisasi pengundi PRU-13	Hubungkait dengan prestasi calon dan parti yang kompeten, komited dan konsisten mempengaruhi aras pengaruh, auroiti dan keabsahan sekaligus menentukan daya saing	Keputusan penilaian berterusan akan mempengaruhi mobilisasi pengundi dengan menjadi pengundi yang memilih calon, parti atau pakej kedua-duanya dari satu

		politik dan sistem penyampaian politik bersepadu.	parti yang sama. Pengundi juga boleh memilih untuk tidak mengundi atau berkecuali.
4	Membangunkan sebuah Model Mandat Rakyat (MMR) berdasarkan pola mobilisasi pengundi PRU-13	MMR mampu menjelaskan bagaimanakah fenomena kerengangan rakyat dengan kerajaan terjadi dan memberi jawapan serta cadangan penyelesaian untuk mengatasi fenomena berkenaan. Penggunaan teori grounded dan analisis deskriptif serta Network Grafik Atlas.ti serta triangulasi data kuantitatif dan kualitatif menjana MMR dengan asas dan daaptan yang kukuh.	Asas pengundian ialah aspirasi rakyat kepada kehidupan yang sejahtera. Penilaian prestasi kepada pemegang mandat dilakukan sepanjang penggal pemerintahan dengan berpandukan siapa, dapat apa dan bagaimana dengan nilai terbaik. Misteri bagaimana rakyat memilih dan memberi rakyat dapat dirungkai dengan substantif dan autentik dari perspektif pengundi dari kajian lapangan dan longitudinal. Gambaran kepada proses membuat pilihan oleh pengundi dan apakah yang dinilai dan bagaimanakah penilaian dibuat menjadi panduan berguna untuk calon, pemimpin, parti, kerajaan dan pemerhati politik serta pengkaji untuk memahami dan mengambil inisiatif yang kompetitif dan proaktif.


Jadual 5.1 : Rumusan Kajian

5.2.1 Penghasilan Model Mandat Rakyat

Model ini menunjukkan kitaran aktif dan proses rakyat membuat penilaian berterusan terhadap prestasi calon dan juga parti dalam tempoh penggal pemerintahan sesebuah kerajaan dan pemimpin. Kerangka IPO mewakili tiga item iaitu input, proses dan output adalah merujuk kepada kerangka standard yang digunakan dalam penilaian kualiti servis perkhidmatan merentasi bidang seperti kualiti servis bidang perubatan, teknologi maklumat, logistik dan juga pendidikan menggunakan pendekatan pengukuran ini.

MMR mampu menjelaskan bagaimanakah fenomena kerenggangan rakyat dengan kerajaan terjadi dan memberi jawapan serta cadangan penyelesaian untuk mengatasi fenomena berkenaan. Penggunaan teori grounded dan analisis deskriptif serta Network Grafik Atlas.ti serta triangulasi data kuantitatif dan kualitatif menjana MMR dengan asas dan daaptan yang kukuh.

Asas pengundian ialah aspirasi rakyat kepada kehidupan yang sejahtera. Penilaian prestasi kepada pemegang mandat dilakukan sepanjang penggal pemerintahan dengan berpandukan siapa, dapat apa dan bagaimana dengan nilai terbaik. Misteri bagaimana rakyat memilih dan memberi rakyat dapat dirungkai dengan substantif dan autentik dari perspektif pengundi dari kajian lapangan dan longitudinal. Gambaran kepada proses membuat pilihan oleh pengundi dan apakah yang dinilai dan bagaimanakah penilain dibuat menjadi panduan berguna untuk calon, pemimpin, parti, kerajaan dan pemerhati politik serta pengkaji untuk memahami dan mengambil inisiatif yang kompetitif dan proaktif.



Rajah 5.1 Model Mandat Rakyat (MMR) ©

5.3 Implikasi Kajian

Implikasi dan sumbangan kajian ialah dengan terhasilnya Model Mandat Rakyat. Penghasilan model ini menyumbang kepada kedua-dua domain teori dan praktikal kepada bidang Sains Politik. Sinergi sumbangan teori dan praktikal ialah apabila teori daya saing politik berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu ini boleh diguna pakai sebagai teori oleh para akademik dan juga alat pengukur daya saing politik bagi penggiat politik.

Sumbangan dari segi teori ialah dengan memperkenalkan kaedah simbiotik daya saing politik daripada bidang politik digabungkan dengan teori Sistem Penyampaian Bersepadu daripada bidang industri perubatan. Gabungan kedua-dua teori ini serasi dalam mengukur tahap daya saing politik dengan menggunakan pendekatan komprehensif sistem daripada bidang industri perubatan. Pendekatan ini bermanfaat untuk melengkapkan teori sedia ada yang bersifat analisis sehalu kepada satu bidang ilmu sahaja.

Sumbangan dari segi praktikal ialah dapatan kajian yang ada boleh digunapakai oleh penggiat politik dalam membuat analisa prestasi politik yang berteraskan Sistem Penyampaian Bersepadu. Pengukuran tahap daya saing dapat dibuat kerana domain pemimpin dan parti politik boleh diukur melalui rekod perkhidmatan kepada rakyat dan pengundi mengikut kategori.

Dua kategori utama yang boleh diukur ialah daya saing politik sebagai pemimpin dan parti. Terdapat elemen-elemen tertentu bagi setiap kategori samaada pemimpin dan parti. Elemen-elemen pengukuran juga merentasi isu nasional dan negeri. Seterusnya elemen-elemen lain boleh diambil kira mengikut keperluan pemimpin dan parti. Berikut adalah Model Mandat Rakyat yang dihasilkan:

Kajian menunjukkan wujud perubahan perilaku pengundi yang mencetuskan fenomena baru politik di Malaysia iaitu kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah yang mengubah rekod dominasi BN dalam pilihan raya umum bermula PRU-12 dan PRU-13. Proses kerenggangan ini memerlukan perhatian dan tindakan susulan serta perancangan yang berkaitan yang disarankan oleh pengkaji melalui dapatan kajian ini. Keupayaan pihak calon yang bertanding yang boleh diupayakan melalui sistem penyampaian politik bersepadu perlu diperkasakan samada untuk merapatkan semula fenomena kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah atau sebaliknya untuk meraih mandat bagi menjadi pemimpin serta menubuhkan kerajaan.

5.3.1 Implikasi terhadap calon

Kajian menunjukkan wujud perubahan perilaku pengundi yang mencetuskan fenomena baru politik di Malaysia iaitu kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah yang mengubah rekod dominasi BN dalam pilihan raya umum bermula PRU-12 dan PRU-13. Proses kerenggangan ini memerlukan perhatian dan tindakan susulan serta perancangan yang berkaitan yang disarankan oleh pengkaji melalui dapatan kajian ini. Keupayaan pihak calon yang bertanding yang boleh diupayakan melalui sistem penyampaian politik bersepadu perlu diperkasakan samada untuk merapatkan semula fenomena kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah atau sebaliknya untuk meraih mandat bagi menjadi pemimpin serta menubuhkan kerajaan.

Keperluan kepada meraih kepercayaan rakyat boleh diupayakan melalui tiga indikator pencapaian dalam sistem penyampaian politik bersepadu yang mencerminkan penilaian rakyat terhadap kualiti penyampaian politik calon iaitu penilaian berterusan terhadap prestasi ekonomi, kebolehan menguruskan isu-isu sosial serta yang paling mustahak ialah keupayaan dan kewibawaan calon dalam menangani isu-isu kritikal yang melibatkan survival sosio-ekonomi rakyat.

Misalnya isu kenaikan harga barang yang menekan kehidupan rakyat seiring dengan kenaikan harga minyak perlu ditangani dengan cekap, segera dan konsisten . Sikap sesetengah pemimpin yang hanya bermusim, sambil lewa, lambat, kurang sensitif dan kurang cakna mengakibatkan hilangnya aras pengaruh dan autoriti sebagai pemimpin dalam masyarakat dan kerajaan.

Tindakan sedemikian juga memberi kesan kepada aras keabsahan sesebuah kerajaan dengan merosotnya kepercayaan dan kebolehan mentadbir kerajaan oleh pengundi. Misalnya dengan memberi komen yang mengguris hati hampir kesemua golongan yang kurang berkemampuan untuk berjimat dengan cadangan-cadangan yang tidak munasabah sedangkan realitinya pemimpin yang telah diberi mandat mengamalkan gaya hidup yang bercanggah dengan realiti kehidupan rakyat.

Rakyat akan menilai bandingkan sepanjang penggal pemerintahan calon dan pemimpin manakah yang kekal berwibawa dalam menjunjung mandat rakyat. Contohnya jika seorang pemimpin komited, konsisten dan kompeten dalam menangani isu rakyat dan masyarakat setempat seperti tokoh pemimpin Datuk Mustapha Muhammad dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat yang datangnya dari parti yang berbeza iaitu UMNO dan PAS tetap mendapat kepercayaan rakyat negeri Kelantan dalam membawa mandat rakyat merentasi batas etnik. Ini menjelaskan tentang bagaimana proses daya saing politik berlaku.

Sistem penyampaian politik bersepadu bagi calon diukur apabila sejauh mana servis yang ingin diberikan oleh pemimpin kepada rakyat sampai kepada rakyat dengan kualiti terbaik seperti mana yang dijanji dan diuar-uarkan dalam manifestasi, polisi dan ikrar pemimpin semasa pilihan raya dan dalam tempoh pemerintahan. Kejayaan mengotakan janji pilihan raya secara komited, konsisten dan kompeten dan boleh dirasai oleh rakyat dengan menggembeling kesemua sumber dan jentera kepimpinan yang ada menentukan pilihan rakyat samada untuk mengundi atas kredibiliti calon sahaja, atau termasuklah parti dan mungkin juga beralih kepada pilihan calon, parti, pekej kedua-dua calon dan prati yang berbeza, tidak mengundi atau sekadar berkecuali.

5.3.2 Implikasi terhadap parti

Kajian menunjukkan wujud perubahan perilaku pengundi yang mencetuskan fenomena baru politik di Malaysia iaitu kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah yang mengubah rekod dominasi BN dalam pilihan raya umum bermula PRU-12 dan PRU-13. Proses kerenggangan ini memerlukan perhatian dan tindakan susulan serta perancangan yang berkaitan yang disarankan oleh pengkaji melalui dapatan kajian ini. Keupayaan pihak parti melalui sistem penyampaian politik bersepadu perlu diperkasakan untuk merapatkan semula fenomena kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah yang diberikan mandat untuk menubuhkan kerajaan

Keperluan kepada merapatkan semula sekaligus meraih kembali kepercayaan rakyat boleh diupayakan melalui tiga indikator pencapaian dalam sistem penyampaian politik bersepadu yang mencerminkan penilaian rakyat terhadap kualiti penyampaian politik kerajaan iaitu penilaian berterusan terhadap prestasi ekonomi, kebolehan menguruskan isu-isu sosial serta yang paling mustahak ialah keupayaan memberi maklumbas yang segera, berimpak dan konsisten terhadap sesuatu isu yang timbul dalam kalangan pengundi. Parti yang paling berwibawa ialah keupayaan parti untuk terus komited, konsisten dan kompeten dalam memperjuangkan nasib rakyat.

Daya saing politik di antara parti pemerintah dan parti pembangkang di kawasan DUN atau Parlimen yang dimenangi wujud apabila pengundi sentiasa menilai bandingkan prestasi parti yang bertanding di kawasan dan Parlimen berkenaan. Misalnya, pemantauan berterusan terhadap prestasi parti akan sentiasa dibuat terutamanya jika timbul sebarang isu samada di peringkat DUN, Parlimen, negeri, nasional dan juga luar negara. Contohnya jika berlaku isu keselamatan pelajar di luar negara seperti yang berlaku di Mesir dan Syria serta kenaikan kos sara hidup pelajar kerana kejatuhan Ringgit Malaysia, rakyat akan memantau apakah tindakan yang dilakukan oleh BN sebagai parti pemerintah dalam menjamin keselamatan dan membantu para pelajar menampung pengajian mereka di luar negara.

Kemampuan menggerakkan semua komponen dan jentera parti dan kerajaan sedia ada untuk memantuikan khidmat berkenaan diterima dan memuaskan hati rakyat secara amnya dan rakyat yang ditimpa musibah dan masalah menunjukkan kecekapan

dan wibawa sebuah parti dalam mengotakan janji serta memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat selari dengan mandat dan aspirasi pengundi.

Rekod kemampuan dan prestasi yang cemerlang atau sebaliknya dalam menentukan mobiliti pengundi samada untuk terus memberi sokongan padu kepada kedua-dua lemen iaitu calon dari parti yang sama, atau memilih calon dari parti yang berbeza, tidak mengundi kedua-dua pilihan yang ada dan mungkin juga berkecuali. Komitmen sesebuah parti untuk terus mendapat mandat rakyat harus memanfaatkan kerangka IPO agar kitaran aktif proses penilaian mandat rakyat sentiasa diberi perhatian dan tidak hanya terhad dan tertumpu kepada musim pilihan raya sahaja.

5.3.3 Implikasi terhadap kerajaan

Kajian menunjukkan wujud perubahan perilaku pengundi yang mencetuskan fenomena baru politik di Malaysia iaitu kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah yang mengubah rekod dominasi BN dalam pilihan raya umum bermula PRU-12 dan PRU-13. Proses kerenggangan ini memerlukan perhatian dan tindakan susulan serta perancangan yang berkaitan yang disarankan oleh pengkaji melalui dapatan kajian ini. Keupayaan pihak kerajaan melalui sistem penyampaian politik bersepadu perlu diperkasakan untuk merapatkan semula fenomena kerenggangan pengundi dengan parti pemerintah yang diberikan mandat untuk menubuhkan kerajaan.

Keperluan kepada merapatkan semula sekaligus meraih kembali kepercayaan rakyat boleh diupayakan melalui tiga indikator pencapaian dalam sistem penyampaian politik bersepadu yang mencerminkan penilaian rakyat terhadap kualiti penyampaian politik kerajaan iaitu penilaian berterusan terhadap prestasi ekonomi, kebolehan menguruskan isu-isu sosial serta yang paling mustahak ialah keupayaan menangani isu-isu tadbir urus kerajaan.

Kuasa sebagai kerajaan perlu disalur dan disepadukan dengan optimum dalam ketiga-tiga indikator sistem penyampaian politik bersepadu berkenaan. Kesepaduan prestasi kerajaan dalam menunaikan mandat rakyat untuk mendapatkan kehidupan yang sejahtera dalam suasana ekonomi yang baik dan adil, kesejahteraan dan kerukunan sosial serta kredibiliti dan kompetensi yang cemerlang dalam mengurus tadbir hal ehwal negara mampu merapatkan kerenggangan yang melebar.

Suara dan hasrat rakyat untuk mengecapi kehidupan yang baik dan sejahtera perlu diterjemahkan dalam tindakan kerajaan secara bersepadu. Kepercayaan rakyat yang terhakis terhadap kerajaan sekaligus penyumbang kepada fenomena kerenggangan dengan kerajaan yang diterajui BN ada asasnya. Komitmen kerajaan dengan slogan “Janji Ditepati” serta “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” adalah contoh sedia ada yang menunjukkan komitmen kerajaan dalam menunaikan mandat rakyat.

Komitmen kerajaan BN dalam mendukung mandat rakyat melalau slogan “Janji Ditepati” serta “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” menjadi asas terma rujukan rakyat untuk menilai prestasi dan kompetensi pihak kerajaan. Terma rujukan penilaian berdasarkan dua slogan berkenaan perlu dibawa secara bersepadu dalam setiap polisi dan pelaksanaan bermula daripada pemimpin, badan eksekutif merangkumi kakitangan kerajaan.

Audit prestasi dan kompetensi kerajaan BN menunaikan mandat rakyat yang dinilai dan dipantau oleh pengundi melangkaui radius penilaian yang luas dan bersepadu. Pihak kerajaan perlu mengatur strategi dasar dan pemantauan pelaksanaan kualiti sistem penyampaian politik bersepadu yang komprehensif. Ini merujuk kepada defnisi politik itu sendiri oleh David Easton iaitu “politics is about allocation of values; in which who gets what, when and how”. Politik membawa erti pengagihan nilai iaitu siapa dapat apa, bila dan bagaimana.

Apabila penilaian mandat rakyat berkisar mengenai politik iaitu siapa dapat apa, bila dan bagaimana mampu menjelaskan fenomena kerenggangan politik dengan kerajaan BN yang ada sekarang. Misalnya isu-isu ekonomi yang melibatkan agihan sumber yang tehad dalam bentuk kewangan, modal, milikan harta dan aset serta hartanah dan sebagainya terdedah kepada penilaian keadilan agihan sumber ekonomi.

Rujukan kepada politik ialah agihan nilai siapa dapat apa, bila dan bagaimana mampu merungkai keresahan rakyat mengenai kemampuan kerajaan menangani isu-isu sosial. Mandat rakyat untuk beroleh kehidupan yang sejahtera dalam konteks sosial tertumpu kepada keperluan kepada negara yang aman dan bebas jenayah. Agihan yang adil dan akses kepada pendidikan serta bantuan sara hidup menjadi ukuran rakyat dalam menilai sistem penyampaian politik bersepadu kerajaan.

Kunci kepada penilaian politik rakyat ialah agihan nilai siapa dapat apa, bila dan bagaimana dalam menilai kompetensi dan kredibiliti kerajaan membuat agihan dalam mengurus tadbir negara merupakan faktor penilaian kritikal dan utama. Sensitiviti rakyat dalam menilai integriti dan kredibiliti para pemimpin kerajaan BN serta kakitangan kerajaan adalah tinggi. Literasi politik rakyat berkenaan agihan siapa yang terlibat dalam salah laku mengurus tadbir sumber dan pendapatan negara dan bagaimana ianya dibelanjakan menentukan mobilisasi undi.

Sistem *check and balance* iaitu semak dan imbang sentiasa berlaku dalam menilai integriti dan kredibiliti kerajaan BN. Hasil semakan dan justifikasi rakyat yang diterjemah melalui undi perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan untuk merapatkan kerenggangan dengan pengundi. Sebarang ketirisan dan salah guna kuasa dalam agihan nilai yang melibatkan pemimpin dan kakitangan kerajaan BN menjadi duri dalam daging kepada sistem penyampaian politik bersepadu oleh kerajaan.

Gangguan kepada perjalanan sistem agihan nilai siapa dapat apa, bila dan bagaimana mampu menggugat reputasi kerajaan yang bertukar menjadi kelebihan kepada pihak pembangkang dan begitulah sebaliknya.

Tahap sistem penyampaian politik bersepadu yang kurang memberangsangkan menunjukkan komitmen dan servis yang diberikan oleh kerajaan perlu ditingkatkan dari segi kecekapan dan keberkesanan untuk merapatkan semula kerenggangan yang ada.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan batasan kajian yang dibincangkan ada beberapa cadangan bersesuaian yang boleh dilaksanakan untuk penyelidikan masa hadapan seperti berikut:

- a) Konteks kajian ialah pengundi di Malaysia sahaja
Limitasi konteks kajian ialah kepada pengundi di Malaysia yang tidak mengambil kira perbandingan dengan negara lain. Cadangan untuk membuat perbandingan dengan satu atau beberapa negara untuk mendapatkan perspektif yang lebih luas dan boleh dibuat perbandingan antara negara.
- b) Kriteria kajian ialah PRU-13 dan tidak mengambil kira kriteria PRU sebelumnya.
Kajian berfokus kepada pilihan pengundi pada PRU-13 untuk melihat pola perubahan pilihan pengundi tidak membuat perbandingan terperinci dengan PRU sebelumnya. Cadangan untuk mengambil kira PRU sebelum dan selepas PRU-13 boleh dijalankan untuk merakam perubahan pola pilihan pengundi dari segi persamaan dan perbezaan.
- c) Pensampelan kajian adalah terhad kepada responden dalam kumpulan panel sahaja.
Kaedah kajian yang memerlukan kepada pensampelan bertujuan menghadkan kutipan data dibuat kepada responden yang dipilih dan dalam bentuk kumpulan panel. Cadangan untuk kajian akan datang boleh mempelbagaikan sampel responden pada setiap fasa kutipan data untuk mendapatkan variasi dapatan kajian.

d) Fokus kepada dua aktor politik utama iaitu pemimpin dan parti.

Dua aktor politik utama iaitu pemimpin dan parti sahaja diambil kira untuk tujuan pengukuran tahap daya saing politik. Aktor politik lain seperti kumpulan pendesak dan media hanya dibincangkan secara umum. Cadangan untuk kajian masa hadapan untuk mengambil kira aktor politik lain seperti kumpulan pendesak dan media untuk melihat kesan ke atas daya saing politik aktor sedia ada atau secara terpencil.

e) Teknik analisis yang digunakan ialah dua teknik iaitu grafik Network dan analisis deskriptif statistik. Teknik yang diaplikasikan adalah memadai untuk menjawab persoalan kajian serta menepati objektif kajian. Cadangan untuk kajian akan datang boleh menggunakan teknik analisis lain dalam kaedah kuantitatif atau kualitatif seperti permodelan persamaan berstruktur, pengesanan faktor analisis dan teknik-teknik lain yang bersesuaian.

5.5 Kesimpulan

Kajian daya saing politik berteraskan integrasi mengisi jurang kajian sebelum ini dengan memperkenalkan teori simbiotik daripada dua bidang iaitu Sains Politik dan kualiti dalam industri perubatan. Dwi sumbangan iaitu dari aspek teori dan praktikal daripada kajian yang dijalankan melengkapi kajian sedia ada. Sumbangan daripada aspek teori membolehkan daya saing politik diukur dengan kaedah yang lebih komprehensif dan memberikan pemahaman yang lebih jelas hubungkait di antara perkhidmatan yang disampaikan oleh aktor politik seperti pemimpin dan parti kepada rakyat amnya dan pengundi khususnya.

Dalam masa yang sama, dapatan kajian boleh dimanfaatkan oleh penggiat politik iaitu pemimpin dan parti dalam mengukur tahap daya saing politik dengan elemen yang boleh diukur iaitu perkhidmatan mereka kepada rakyat dan penerimaan rakyat dalam kalangan pengundi yang membuat pilihan dalam pilihanraya. Ringkasnya, kajian ini telah menjawab persoalan kajian dan juga mencapai objektif kajian yang ditetapkan dengan dapatan kajian yang bersesuaian.

RUJUKAN

- Abbott, J. P. (2001). Democracy@internet.asia? The challenges to the emancipatory potential of the net: lessons from China and Malaysia, 22(1), 99–114. <http://doi.org/10.1080/0143659002002260>
- Alise, M. a., & Teddlie, C. (2010). A Continuation of the Paradigm Wars? Prevalence Rates of Methodological Approaches Across the Social/Behavioral Sciences. *Journal of Mixed Methods Research*, 4(2), 103–126. <http://doi.org/10.1177/1558689809360805>
- Asri, M., & Mohd, B. I. N. (2013). *PENENTU CORAK PERILAKU DI KALANGAN PENGUNDI MELAYU: KAJIAN DI KAWASAN PARLIMEN CAMPURAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA*. Universiti Malaya.
- Baharuddin, S. A. (Ed.). (2012). *MODUL HUBUNGAN ETNIK* (Second Edi). Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Barbu, A. M., & Dimian, G. C. (2012). Quality of Public Services in the Context of Regional Competitiveness by, 2(4), 205–216.
- Besar, Junaidi Awang, Rosmadi Fauzi, A. S. G. & M. H. A. G. (2014). PERSPEKSI POLITIK DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2013: KAJIAN KES DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 1–5. <http://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Besar, J. A. (2015). Politik etnik di Kuala Lumpur : Kajian tanggapan pengundi dalam kalangan penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR) pasca Pilihan Raya Umum 2013 Ethnic politics in Kuala Lumpur : A post – 2013 GE perception study of voters residing in People ' s Housing Sc, 7(7), 33–44.
- Bugarin, M., & Portugal, A. (2015). Should Voting Be Mandatory? the Effect of Compulsory Voting Rules on Candidates' Political Platforms. *Journal of Applied Economics*, 18(1), 1–19. [http://doi.org/10.1016/S1514-0326\(15\)30001-5](http://doi.org/10.1016/S1514-0326(15)30001-5)
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. California: SAGE Publications, Inc.

- Creswell, J. W. (2014). *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks : SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Zhang, W. (2009). The Application of Mixed Methods Designs to Trauma Research. *Journal of Traumatic Stress*, 22(6), 612–621. <http://doi.org/10.1002/jts>.
- Davis, K. E., Brigell, E., Christiansen, K., Snyder, M., McDevitt, J., Forman, J., ... Wilkniss, S. M. (2011). Integrated primary and mental health care services: an evolving partnership model. *Psychiatric Rehabilitation Journal*, 34(4), 317–20. <http://doi.org/10.2975/34.4.2011.317.320>
- Deutsch, K., Adorno, T., & States, U. (2004). Theories of political behavior, 1–3. <http://doi.org/10.1080/0143659002002260>
- Druckman, J. N., Hennessy, C. L., St. Charles, K., & Webber, J. (2010). Competing Rhetoric Over Time: Frames Versus Cues. *The Journal of Politics*, 72(1), 136. <http://doi.org/10.1017/S0022381609990521>
- Drummond, A. J. (2006). Electoral Volatility and Party Decline in Western Democracies: 1970–1995. *Political Studies*, 54(3), 628–647. <http://doi.org/10.1111/j.1467-9248.2006.00617.x>
- Ehwarieme, W. (2010). Politics and the Competitiveness of the Nigerian Economy. *World Development*, 23(May 2007), 39–44.
- Enthoven, A. C. (2009). Integrated Delivery Systems : The Cure for Fragmentation © Managed Care & Healthcare Communications , LLC, (December), 284–290.
- Fatimawati, I. (2012). *A Study on the Relationship Between Malaysian Learners' Self-Concept in Academic Writing and Their Engagement in one Higher Learning Institution*. Massey University.
- Fetters, M. D., Curry, L. a, & Creswell, J. W. (2013). Achieving integration in mixed methods designs-principles and practices. *Health Services Research*, 48(6 Pt 2), 2134–56. <http://doi.org/10.1111/1475-6773.12117>
- Fischer, J. M., Amekudzi, A., Ph, D., & Asce, M. (2011). Quality of Life , Sustainable Civil Infrastructure , and Sustainable Development : Strategically Expanding Choice, (MARCH). [http://doi.org/10.1061/\(ASCE\)UP.1943-5444.0000039](http://doi.org/10.1061/(ASCE)UP.1943-5444.0000039).

- Friedman, D., & Wittman, D. (1995). Why voters vote for incumbents but against incumbency: A rational choice explanation. *Journal of Public Economics*, 57(1), 67–83. [http://doi.org/10.1016/0047-2727\(94\)01436-R](http://doi.org/10.1016/0047-2727(94)01436-R)
- Gorard, S. (2013). *Research Design*. London: Sage.
- Granger, B. B., Prvu-Bettger, J., Aucoin, J., Fuchs, M. A., Mitchell, P. H., Holditch-Davis, D., ... Gilliss, C. L. (2012). An academic-health service partnership in nursing: lessons from the field. *Journal of Nursing Scholarship: An Official Publication of Sigma Theta Tau International Honor Society of Nursing / Sigma Theta Tau*, 44(1), 71–9. <http://doi.org/10.1111/j.1547-5069.2011.01432.x>
- Guzman, T., Pirog, M. a., & Seefeldt, K. (2013). Social Policy: What Have We Learned? *Policy Studies Journal*, 41, S53–S70. <http://doi.org/10.1111/psj.12012>
- Hamil, J. H., Afiq, F., Saifullah, I., Suhaimi, M., & Rahman, A. (2014). An overview of general election dynamics in Malaysia 1978 – 2013. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 10(Themed Issue on The Social Dynamics of Malaysian Political Landscape with Special Reference to the 13th General Elections), 39–53.
- Huemer, S., Scheubel, B., & Walch, F. (2013). Competitiveness in Europe CompNet, (155).
- Idid, S. A. (2012). The Media and Public Agenda among the Malay and Chinese Communities during the 2008 Malaysian General Elections, 8(5), 107–116. <http://doi.org/10.5539/ass.v8n5p107>
- Iscte-iul, I. U. D. L., Martins, R., & Meirinho, M. (2012). Electoral rules , political competition and citizens ' participation in the Portuguese local elections , 11(2), 189–208. <http://doi.org/10.1386/pjss.11.2.189>
- Jalil, A., Prof, B., & Ph, D. (2013). WOMEN AS THE CATALYST OF HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT: A CASE STUDY IN MALAYSIA. *The International Journal of Social Sciences*, Vol.16(No.1), 29–45.
- Janda, K. (2013). Governance through Modern Pohtical Parties.
- Johnson, R. B., & Onwuegbuzie, A. J. (2004). Mixed Methods Research : A Research Paradigm Whose Time Has Come. *Educational Researcher*, 33(7), 14–26.


- Kai, S. B., Chuan, C. S., Seong, L. C., & Chuan, S. B. (2015). Linking Perception towards Prospective Economic Conditions on Satisfaction Towards Federal Government. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 211(September), 55–60. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.009>
- Kedar, O. (2006). How voters work around institutions: Policy balancing in staggered elections. *Electoral Studies*, 25(3), 509–527. <http://doi.org/10.1016/j.electstud.2005.06.011>
- Kidd, D. (2012). Public Culture in America: A Review of Cultural Policy Debates. *The Journal of Arts Management, Law, and Society*, 42(1), 11–21. <http://doi.org/10.1080/10632921.2012.651094>
- Klassen, A. C., Creswell, J., Plano Clark, V. L., Smith, K. C., & Meissner, H. I. (2012). Best practices in mixed methods for quality of life research. *Quality of Life Research: An International Journal of Quality of Life Aspects of Treatment, Care and Rehabilitation*, 21(3), 377–80. <http://doi.org/10.1007/s11136-012-0122-x>
- Koch, J. W. (1998). ELECTORAL COMPETITIVENESS AND Evidence from the Pooled Senate Election Study, 20(4).
- Kodner, D. L. (2006). Whole-system approaches to health and social care partnerships for the frail elderly: an exploration of North American models and lessons. *Health & Social Care in the Community*, 14(5), 384–90. <http://doi.org/10.1111/j.1365-2524.2006.00655.x>
- Kreis, A. M., & Christensen, R. K. (2013). Law and Public Policy. *Policy Studies Journal*, 41, S38–S52. <http://doi.org/10.1111/psj.12011>
- Kuklinski, J. (1977). District Competitiveness and Legislative Roll-Call Behavior: A Reassessment of the Marginality Hypothesis. *American Journal of Political Science*, XXI(August 1977), 627–638.
- Lachat, R. (2011). Electoral Competitiveness and Issue Voting. *Political Behavior*, 33, 645–663.
- Leibert, M. (2011). Performance of integrated delivery systems: quality, service and cost implications. *Leadership in Health Services*, 24(3), 196–206. <http://doi.org/10.1108/17511871111151108>

- León, F. R., Lundgren, R., Huapaya, A., Sinai, I., & Jennings, V. (2007). Challenging the courtesy bias interpretation of favorable clients' perceptions of family planning delivery. *Evaluation Review*, 31(1), 24–42. <http://doi.org/10.1177/0193841X06289044>
- Lincoln, Y. S., Lynham, S. A., & Guba, E. G. (2011). Paradigmatic Controversies, Contradictions and Emerging Confluences, Revisited. In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.), *The SAGE Handbook of Qualitative Research* (4th ed., pp. 129–146). USA: SAGE Publications, Inc.
- Lindgren, E., & Southwell, P. (2013). The Effect of Redistricting Commissions on Electoral Competitiveness in U.S. House Elections, 2002-2010. *Journal of Politics and Law*, 6(2), 110–111. <http://doi.org/10.5539/jpl.v6n2p13>
- Lupu, N., & Stokes, S. C. (2009). The Social Bases of Political Parties in Argentina, 1912–2003. *Latin American Research Review*, 44(1), 58–87. <http://doi.org/10.1353/lar.0.0079>
- Mahbob, M. H., Idros, W., & Sulaiman, W. (2014). Advokasi dan penerimaan pengundi terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam PRU-13 Government Transformation Programmes (GTP) and GE-13 : Advocacy and voter acceptance, 0.
- Malesky, E., & Schuler, P. (2013). Star Search : Do Elections Help Nondemocratic Regimes Identify New Leaders ?, 13, 35–68.
- Mansor, N. (2010). Customers' Satisfaction towards Counter Service of Local Authority in Terengganu , Malaysia, 6(8).
- Mayudin, G., & Tiung, L. E. E. K. (2008). Politik Cina Dalam Pilihan Raya Dewan Undangan Sarawak 2006: Manifestasi Protes Terhadap Rakyat. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 35(November), 17–32.
- McKinney, L. (2010). Evaluability Assessment: Laying the Foundation for Effective Evaluation of a Community College Retention Program. *Community College Journal of Research and Practice*, 34(4), 299–317. <http://doi.org/10.1080/10668920903527019>
- Millington, M. J., & Schultz, J. C. (2009). The Challenge of Organizational Culture in Quality Assurance Implementation Implementation, 33, 121–130.

- Munck, G. L. (2003). Measures of Democracy, Governance and Rule of Law: An Overview of Cross-National Data Sets. *Paper Prepared for World Bank Workshop on "Understanding Growth and Freedom from the Bottom Up" Washington, DC, July 15-17, 2003*, 35(February 2002), 1–9. Retrieved from http://siteresources.worldbank.org/INTMOVOUTPOV/Resources/2104215-1148063363276/071503_Munck.pdf
- Nabil, A. (2009). Sistem Politik Islam Di Zaman Nabi. *Jurnal Usuluddin*, 29, 221–252.
- Nelson, J. M. (2007). Elections , Democracy , and, 41(4), 79–97.
- Nooruddin, I., & Simmons, J. W. (2015). Do voters count? Institutions, voter turnout, and public goods provision in India. *Electoral Studies*, 37, 1–14. <http://doi.org/10.1016/j.electstud.2014.10.006>
- Noradilah Md Nordin. (2010). A Study on Selected Demographic Characteristics and Mental Health of Young Adults in Public Higher Learning Institutions in Malaysia. *Global Journal of Health Science*, 2(2), 104–110.
- Panagopoulos, C. (2008). The Calculus of Voting in Compulsory Voting Systems, 455–467. <http://doi.org/10.1007/s11109-008-9058-9>
- Pearl, G. M., & Weil, T. P. (1995). Integrated delivery systems: six tough questions. *Health Progress (Saint Louis, Mo.)*, 79(3), 80, 78–9. Retrieved from <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/10180028>
- Prindle, D. F. (2012). Importing Concepts from Biology into Political Science: The Case of Punctuated Equilibrium. *Policy Studies Journal*, 40(1), 21–44. <http://doi.org/10.1111/j.1541-0072.2011.00432.x>
- Rahim, S. A. (2011). Democratization of Information in Malaysia : A Response to Globalization, 7(2).
- Rashid Moten, A. (2009). 2004 and 2008 General Elections in Malaysia: Towards a Multicultural, Bi-party Political System? *Asian Journal of Political Science*, 17(2), 173–194. <http://doi.org/10.1080/02185370903077469>

- Ridout, T. N., Rottinghaus, B., & Hosey, N. (2009). Following the Rules? Candidate Strategy in Presidential Primaries. *Social Science Quarterly*, 90(4), 777–795. <http://doi.org/10.1111/j.1540-6237.2009.00662.x>
- Rivero, G. (2013). Heterogeneous Preferences in Multidimensional Spatial Voting Models: Ideology and Nationalism in Spain. *Electoral Studies*, 40, 1–27. <http://doi.org/10.1016/j.electstud.2015.06.002>
- Ryan, J. M. (2011). Is the Democratic Party's superdelegate system unfair to voters? *Electoral Studies*, 30(4), 756–770. <http://doi.org/10.1016/j.electstud.2011.07.002>
- Saad, S., & Salman, A. (2013). The Role of Values and Attitudes in Political Participation. *Asian Social Science*, 9(8). <http://doi.org/10.5539/ass.v9n8p9>
- Sani, I., Hayati Abdullah, M., Abdullah, F. S., & Ali, A. M. (2012). Political Cartoons as a Vehicle of Setting Social Agenda: The Newspaper Example. *Asian Social Science*, 8(6), 156–165. <http://doi.org/10.5539/ass.v8n6p156>
- Schofield, N., & Sened, I. (2005). Modeling the interaction of parties, activists and voters: Why is the political center so empty? *European Journal of Political Research*, 44(3), 355–390. <http://doi.org/10.1111/j.1475-6765.2005.00231.x>
- Shabad, G., & Slomczynski, K. M. (2011). Voters' perceptions of government performance and attributions of responsibility: Electoral control in Poland. *Electoral Studies*, *In Press*,(2), 309–320. <http://doi.org/DOI:10.1016/j.electstud.2010.10.002>
- Shamsul Amri Baharuddin, M. M. N. (Ed.). (2013). *PRU-13 SIAPA PILIHAN PENGUNDI* (Edisi Pert). Bangi, Selangor Darul Ehsan: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Singh, S., Lago, I., & Blais, A. (2011). Winning and Competitiveness as Determinants of Political Support*. *Social Science Quarterly*, 92(3), 695–709. <http://doi.org/10.1111/j.1540-6237.2011.00788.x>
- Southwell, P. L. (2010). Voting Behavior in Vote-by-Mail Elections. *Analyses of Social Issues and Public Policy*, 10(1), 106–115. <http://doi.org/10.1111/j.1530-2415.2010.01218.x>

- Sovey, A. J., & Green, D. P. (2011). Instrumental Variables Estimation in Political Science: A Readers' Guide. *American Journal of Political Science*, 55(1), 188–200. <http://doi.org/10.1111/j.1540-5907.2010.00477.x>
- Tech, B. (2007). *DESIGNING AN INTEGRATED SURGICAL CARE DELIVERY SYSTEM BY*.
- Teymoori, A., W. S., W. S., & Heydari, A. (2012). The Relationship between Sources of Moral Authority, Political Attitude and Authoritarianism. *Asian Social Science*, 8(4), 50–57. <http://doi.org/10.5539/ass.v8n4p50>
- Yang, C.-C., Yang, K. J., & Cheng, L.-Y. (2010). Holistically integrated model and strategic objectives for service business. *The TQM Journal*, 22(1), 72–88. <http://doi.org/10.1108/17542731011009630>
- Zilal, S., & Farahwahida, M. Y. (2014). Penyusunan Anak Angkat: Satu Analisis. In J. A. Bakar, E. S. M. Al-Battah, S. A. Sukor, M. Lauto, S. Najib, & A. Nadia (Eds.), *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kekeluargaan dari Perspektif Global* (pp. 124–144). Johor Bahru: KPIJ PRESS.



LAMPIRAN

5 SIRI SOALAN KAJI SELIDIK

1 Mei 2013

BAHAGIAN A: Demografi Responden

1. Umur

1. 21-30 tahun

2. 31-40 tahun

3. 41-50 tahun

4. 51-60 tahun

5. 61 tahun dan ke atas

2. Jantina

1. Lelaki

2. Perempuan

3. Etnik

1. Melayu

2. Cina

3. India

4. Bumi Sabah (Nyatakan:_____)

5. Bumi Sarawak (Nyatakan:_____)

6. Lain-lain (Nyatakan:_____)

5. Agama

1. Islam

2. Buddha/Tao/Konfucius

3. Hindu

4. Kristian

5. Agama Tradisi

6. Lain-lain (Nyatakan:_____)

6. Kelayakan akademik

1. Sijil

2. Diploma

3. Sarjana muda

4. Sarjana dan ke atas

5. Lain-lain (Nyatakan:_____)

7. Apakah pekerjaan anda sekarang?

1. Petani/Kerja kampung/Buruh/Penjaja
2. Teknikal/Kerani/Guru/Peniaga/Kontraktor/Pegawai
3. Profesional/Eksekutif/Pemborong/Pemilik industri
4. Pesara/Suri rumah/Pelajar
5. Lain-lain (Nyatakan: _____)

8. Pendapatan kasar sebulan?

- | | | | |
|-------------------------|----------------------|------------------------|----------------------|
| 1. RM1,500 dan ke bawah | <input type="text"/> | 4. RM4,501 – RM6,000 | <input type="text"/> |
| 2. RM1,501 – RM3,000 | <input type="text"/> | 5. RM6,001 – RM7,500 | <input type="text"/> |
| 3. RM3,001 – RM4,500 | <input type="text"/> | 6. RM7,501 dan ke atas | <input type="text"/> |

BAHAGIAN B: Persepsi Responden

Bil	Item Soalan	Jawapan	
1	Apakah pandangan anda tentang SPR dalam mengurus PRU-13?	1. Baik	2. Buruk
2	Adakah terdapat insiden ganas dalam tempoh berkempen di tempat anda?	1. Ada	2. Tiada
3	Parti mana yang cenderung menggunakan politik samseng?	1. BN	2. PR
4	Adakah PDRM berjaya mengawal ketenteraman awam dalam kempen pilihan raya?	1. Ya	2. Tidak
5	Calon manakah yang boleh menang di tempat anda?	1. BN	2. PR
6	Parti manakah yang boleh menang di tempat anda?	1. BN	2. PR
7	Manifesto parti manakah yang mendapat sokongan rakyat?	1. BN	2. PR
8	Adakah media massa arus perdana (TV dan akhbar)	1. Ya	2. Tidak

	berlaku adil dalam membuat liputan pilihan raya?		
9	Tokoh manakah yang paling layak menjadi Perdana Menteri?	1. Najib Razak 2. Anwar Ibrahim 3. Hadi Awang	
10	Adakah anda sudah membuat keputusan untuk mengundi calon/parti?	1. Calon	2. Parti
11	Parti manakah yang dijangka menang di negeri anda?	1. BN	2. PR
12	Parti manakah yang dijangka menang di peringkat Persekutuan?	1. BN	2. PR
13	Adakah pilihan raya ini akan berakhir dengan aman?	1. Ya	2. Tidak

SEKIAN,TERIMA KASIH

--	--	--

UMP

KAJIAN KEPEKAAN POLITIK

BORANG SOAL SELIDIK

A. Maklumat Responden

Kod negeri (contoh: 01, rujuk IC) : _____		PARLIMEN : _____
Kod responden (01-40, Nama) : _____ _____		DUN : _____
		Kawasan Peti Undi : _____
Kategori Kawasan: 1. Majoriti BN <input type="checkbox"/> 2. Majoriti PR <input type="checkbox"/> 3. Marginal <input type="checkbox"/> Komposisi Etnik: 1. Majoriti Melayu <input type="checkbox"/> 2. Majoriti Cina <input type="checkbox"/> 3. Campuran <input type="checkbox"/>		*Sila nyatakan masa sesuai untuk dihubungi: _____ _____ _____

4. Sila tandakan (✓) tahun-tahun anda pernah mengundi?

- | | |
|----------------------------------|--|
| 1. 1995 <input type="checkbox"/> | 4. 2008 <input type="checkbox"/> |
| 2. 1999 <input type="checkbox"/> | 5. Tidak pernah <input type="checkbox"/> |
| 3. 2004 <input type="checkbox"/> | |

5. Umur

- | | |
|-----------------------------------|--|
| 4. 21-30 <input type="checkbox"/> | 4. 51-60 <input type="checkbox"/> |
| 5. 31-40 <input type="checkbox"/> | 5. 61 dan ke atas <input type="checkbox"/> |
| 6. 41-50 <input type="checkbox"/> | |

6. Jantina

- | | |
|------------------------------------|---------------------------------------|
| 3. Lelaki <input type="checkbox"/> | 4. Perempuan <input type="checkbox"/> |
|------------------------------------|---------------------------------------|

7. Bangsa

- | | |
|------------------------------------|--|
| 4. Melayu <input type="checkbox"/> | 7. Bumi Sabah (Nyatakan: _____) <input type="checkbox"/> |
| 5. Cina <input type="checkbox"/> | 8. Bumi Sarawak (Nyatakan: _____) <input type="checkbox"/> |
| 6. India <input type="checkbox"/> | 9. Lain-lain (Nyatakan: _____) <input type="checkbox"/> |

7. Agama

4. Islam
5. Buddha/Tao/Konfucius
6. Hindu

7. Kristian
8. Agama Tradisi
9. Lain-lain (Nyatakan:_____)

8. Kelayakan akademik

7. Sijil
8. Diploma
9. Sarjana muda

6. Sarjana dan ke atas
7. Lain-lain (Nyatakan:_____)

9. Apakah pekerjaan anda sekarang?

6. Petani/Kerja kampung/Buruh/Penjaja
7. Teknikal/Kerani/Guru/Peniaga/Kontraktor/Pegawai
8. Profesional/Eksekutif/Pemborong/Pemilik industri
9. Pesara/Suri rumah/Pelajar
(pekerjaan sebelum atau pekerjaan suami/bapa/ibu)
10. Lain-lain (Nyatakan:_____)

10. Pendapatan kasar sebulan?

4. RM1,500 dan ke bawah
5. RM1,501 – RM3,000
6. RM3,001 – RM4,500

10. RM4,501 – RM6,000
11. RM6,001 – RM7,500
12. RM7,501 dan ke atas

11. Secara umum, adakah anda penyokong mana-mana parti politik?

1. Ya

2. Tidak (sila ke soalan 11)

12. a) Jika jawapan anda 'Ya' bagi soalan 9, sila tandakan nama parti tersebut

1. UMNO
2. MCA
3. MIC
4. PKR

5. DAP
6. PAS
7. GERAKAN
8. Lain-lain (Nyatakan:_____)

b) Sila nyatakan tahap sokongan anda terhadap parti tersebut?

1. Amat kuat

2. Kuat

3. Tidak kuat

(Jika Anda Menjawab Soalan 10, Sila Ke Soalan 12)

13. Jika jawapan anda 'Tidak' bagi soalan 9, sila nyatakan adakah anda bersimpati kepada mana-mana parti seperti berikut:

- | | | | |
|---------|--------------------------|--|--------------------------|
| 1. UMNO | <input type="checkbox"/> | 6. PAS | <input type="checkbox"/> |
| 2. MCA | <input type="checkbox"/> | 7. GERAKAN | <input type="checkbox"/> |
| 3. MIC | <input type="checkbox"/> | 8. Lain-lain (Nyatakan:_____) | <input type="checkbox"/> |
| 4. PKR | <input type="checkbox"/> | 9. Tidak bersimpati pada mana-mana parti | <input type="checkbox"/> |
| 5. DAP | <input type="checkbox"/> | | |

14. Sekiranya anda penyokong mana-mana parti, adakah pilihan tersebut sama dengan pilihan parti keluarga anda?

1. Ya 2. Tidak

B. SUMBER MAKLUMAT POLITIK

15. Anda lebih banyak mengikuti perkembangan politik daripada: (Sila pilih **SATU (1)** sahaja)

- | | | | |
|---------------|--------------------------|---|--------------------------|
| 1. Akhbar | <input type="checkbox"/> | 5. Portal berita | <input type="checkbox"/> |
| 2. Radio | <input type="checkbox"/> | 6. Laman web sosial (Facebook, Twitter) | <input type="checkbox"/> |
| 3. Televisyen | <input type="checkbox"/> | 7. Lain-lain (Nyatakan:_____) | <input type="checkbox"/> |
| 4. Blog | <input type="checkbox"/> | | |

16. a) Sila nyatakan nama akhbar yang anda selalu baca?

b) Sila nyatakan nama portal berita atau blog yang anda selalu ikuti?

